

**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 22

Khamis

11 Disember 2014

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 2015	(Halaman 29)
USUL: Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Urusan Mesyuarat	(Halaman 64)

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA
Khamis, 11 Disember 2014
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah, selamat pagi, salam sejahtera, salam perpaduan dalam semangat 1Malaysia. Saya pagi ini hendak ucapkan tahniah kepada semua wanita dalam Dewan ini kerana saya lihat dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* kita pada pagi ini, nampaknya soalan satu hingga lima semuanya soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat yang sama spesies dengan saya. *[Tepuk]* Ini bukan *remark gender bias*, cuma hendak beri pujian dan sekadar untuk memberangsang agar lebih meningkatkan prestasi. Jadi kita teruskan dengan Yang Berhormat Dato' Roslin binti Haji Abdul Rahman.

1. **Dato' Roslin binti Haji Abdul Rahman** minta Perdana Menteri menyatakan apakah statistik mereka yang menerima bantuan dari pihak kerajaan akibat banjir di Cameron Highlands baru-baru ini dan apakah bentuk bantuan yang telah diberikan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya lelaki menganggap wanita ialah spesies yang terbaik.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, memang betul pun.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Dan sebaliknya, tanpa wanita tiada lelaki dan tiada lelaki tanpa wanita. Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan nombor satu ini, seramai 71 buah keluarga telah menerima bantuan wang ihsan iaitu sebanyak RM500 dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM35,500. Bantuan ini diberikan menggunakan peruntukan daripada Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara yang dikendalikan oleh Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri.

Senarai nama mangsa dikeluarkan oleh JKM ataupun Jabatan Kebajikan Masyarakat setelah disahkan oleh Pegawai Daerah Cameron Highlands. Agihan bantuan wang ihsan daripada kerajaan ini bukanlah satu bentuk pampasan bagi kerugian yang dialami oleh mangsa tetapi sebagai bukti keprihatinan Kerajaan Persekutuan untuk mengurangkan beban mangsa yang mengalami kerugian akibat kerosakan harta benda. Pemberian ini juga bergantung pada kemampuan kewangan Kerajaan Persekutuan dari semasa ke semasa. Terima kasih.

Dato' Roslin binti Haji Abdul Rahman: Bolehkah bagi pihak Yang Berhormat Menteri menyenaraikan berapa banyak kerugian yang telah- untuk bantuan banjir ini berapa banyakkah kerugian yang telah dikenal pasti oleh pihak kerajaan. Seterusnya juga, untuk soalan seterusnya yang mana saya melihat kejadian ini merupakan satu kejadian beberapa siri kejadian banjir lumpur, yang telah pun melanda Cameron Highlands pada tahun 2013. Pernah berlaku satu kejadian yang sama, yang mana pihak kerajaan telah pun berjanji akan menyediakan satu *team* mencari dan menyelamatkan yang lebih cekap bagi Daerah Cameron Highlands. Soalan saya, apakah status *team* tersebut dan berapa banyakkah aset yang telah dibeli bagi tujuan tersebut bagi Daerah Cameron Highlands yang terkenal dengan gunung-ganangnya.

Seterusnya boleh saya tanya satu soalan lagi yang mana di tempat kejadian baru-baru ini, saya juga pergi sama, saya dapati telah ramai sukarelawan yang sampai di sana membantu daripada NGO-NGO, membantu. Namun saya mohon penjelasan daripada Menteri hari ini, sebagai negara yang kini kerap menerima malapetaka yang berulang sebegini, tidakkah ada cadangan untuk menjadikan satu bentuk pelan tindakan kepada agensi-agensi kerajaan dan komuniti seperti yang dilaksanakan di Jepun bagi menghadapi gempa bumi. Ini penting kerana koordinasi amat penting dan keutamaan usaha menyelamatkan perlu diurus dengan cara yang lebih cekap dan profesional. Mohon Menteri beri perhatian pada ini dan mohon diadakan segera kumpulan bertindak serta peralatan lengkap bagi tujuan ini di Cameron Highlands. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang pertama, *team* mencari dan menyelamatkan. Kita, pihak kerajaan ataupun pihak MKN sendiri, kita ada *smart team*. Yang ini yang telah diluluskan oleh kerajaan dan dalam proses untuk mendapat pengiktirafan antarabangsa. Walau bagaimanapun oleh kerana *team* ini telah pun dikenali di seluruh dunia, walaupun belum lagi mendapat pengiktirafan sepenuhnya tetapi kita sering dijemput ke mana sahaja ada bencana, sebab kalau tanpa pengiktirafan antarabangsa, negara-negara yang menghadapi bencana tidak akan benarkan *team* kita hadir.

Baru-baru ini semasa mencari dan menyelamatkan, ia berjalan dengan lancar. Kita tidak ada masalah tetapi kita kena sedar bahawa apa yang berlaku di Cameron Highlands ini ialah sesuatu yang berlaku dan akan terus berlaku. Pada tahun depan pun ia mungkin akan terus berlaku kalau sekiranya hujan lebat kerana proses penerokaan haram itu perlu dihentikan serta-merta dan kerajaan harus pulihkan kawasan tanah yang telah diterokai tersebut. Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri dan juga Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang telah bermesyuarat baru-baru ini dan kita telah ambil tindakan.

■1010

Tindakan ini kita ambil tiap-tiap hari cumanya oleh kerana kekurangan jentera seperti yang saya sebut dalam kenyataan akhbar, kita 'terperlahan' sedikit. Jentera yang kita dapat hanya dua biji, yang sepatutnya kita perlukan sekurang-kurangnya 20 biji tetapi tidak orang yang mahu menyewa kerana mereka mendapat ugutan dan sebagainya. Jadi apa pun terjadi, pasukan ini akan meneruskannya dan saya membuat pemantauan boleh kata tiap-tiap selang sehari.

Semalam pun saya pergi ke Cameron Highlands dan juga ke Lojing dan saya melihat, saya membawa Ketua Pengarah Keselamatan dan juga Ketua Pengarah Penyelidik Malaysia dan mereka melihat sendiri kehancuran. Saya namakan kehancuran yang berlaku di Cameron Highlands dan juga Lojing dan semasa kembali kita mendapat maklumat daripada *pilot* yang bertugas di kawasan Perak bahawa satu lagi kehancuran sedang dilakukan di kawasan sebelah Perak iaitu pencurian bakau yang dibuat dengan cara berleluasa.

Kemudian berhubung dengan aset. Saya ingat kita juga tidak ada masalah. Yang Berhormat tanya tadi adalah sukarelawan ya. Pagi ini pun saya sepatutnya hadir di Bukit Gantang untuk merasmikan Briged Sukarelawan yang kita galakkan ditubuhkan di semua Parlimen, Briged Sukarela dan juga sukarelawan-sukarelawan yang lain yang ada di seluruh negara ini. Mereka lebih daripada mencukupi, cuma yang kita perlu sekarang ini adalah koordinasi. Jadi untuk membolehkan mereka ini dikoordinasi dengan baik, kita melakukan pendaftaran dan koordinasi yang baik mestilah dibuat di peringkat jawatankuasa, di peringkat daerah itu sendiri yang dipengerusikan oleh pegawai daerah dan negeri, dipengerusikan oleh kerajaan negeri. Di Persekutuan ini, saya sendiri yang mempengeruskannya. Kita kena koordinat. Badan sukarela di Malaysia ini banyak dan di antara yang terbanyak dari segi pendaftaran.

Dalam masa yang sama kita juga ada badan sukarela yang terdiri daripada sayap-sayap parti. Yang ini di antara yang cukup berkesan, UMNO dan juga Barisan Nasional. Yang ini boleh digerakkan pada bila-bila masa. Itu sebab banjir belum habis pun, mereka ini sudah hadir untuk memberi pertolongan dan juga mencuci. Kejadian ini berlaku dengan jangka masa yang cepat tetapi bila banjir berlaku, saya maklumkan kepada semua pihak, banjir sudah berlaku. Sekarang ini ialah bagaimana menguruskan banjir dan juga selepas.

Jadi dari segi apa yang ada di negara ini mencukupi. Sekarang ini bagaimana kita hendak koordinat kan. Koordinasi juga berjalan dengan baik tetapi kadang-kadang badan sukarela ini dia ada kelesuan, contohnya macam badan sukarela banjir. Kalau kita khusus untuk banjir, bila banjir tidak berlaku dua hingga tiga tahun, dia pun lesu. Jadi badan sukarela ini hendaklah ditukarkan nama mungkin jadi sukarelawan bencana. Jadi kalau ada bencana lain pun, ribut dan sebagainya mereka boleh hadir. Sekarang ini Ahli-ahli Yang Berhormat boleh ambil kesempatan ini untuk koordinat badan-badan sukarela ini. Boleh juga koordinat bersama-sama dengan Majlis Keselamatan Negara.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Seterusnya soalan tambahan Dato' Lim Nget Yoon.

Dato' Lim Nget Yoon: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Dalam insiden Cameron Highlands ini, bukan saja orang susah, perbelanjaan kerajaan bertambah begitu besar, juga terlibat nyawa terkorban. Jadi kalau ikut kenyataan Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita salah satu punca yang penting ialah kelemahan penguat kuasa dan kelemahan pentadbiran di peringkat negeri dan PBT. Jadi, apakah tindakan atau hukuman ke atas kelemahan tersebut? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat ialah bahawa mereka ini terkena kepada orang susah. Di Cameron Highlands ini kita ada orang susah tetapi majoriti penanam sayur ini ialah orang senang dan apa yang berlaku di Cameron Highlands ini ialah termasuk juga kawasan sayur di tanah tinggi ialah percaturan, permainan di antara orang kaya. Kita boleh mendapat pendapatan satu hektar sampai RM30 ribu sebulan. Jadi kalau setahun sudah RM360 ribu. Kalau dia ada 10 hektar, dia dapat RM3.6 juta. Jadi ini yang menyebabkan orang berlumba-lumba untuk pergi ke sana untuk menanam sayur tanpa mempedulikan sama ada ianya dibenarkan atau tidak.

Orang yang kita bagi permit ataupun TOL, dia pun buka lagi, sebab dia tengok orang lain buka, dia pun buka. Selalunya kalau dia dapat permit 2 hektar, dia akan buka lagi 10 hektar dan sebagainya. Semua ini ialah menyumbang kepada tanah runtuh dan juga banjir kilat. Kita boleh buat sungai. Sungai sekarang ini sudah dimulakan di kawasan banjir tersebut tetapi ianya tidak boleh menyelesaikan masalah sebab kalau tanah runtuh lagi dan hujan yang lebat lagi, dia akan mempercepatkan laluan sebab di mana-mana bukan saja di Cameron Highlands, di seluruh negara, kalau sekiranya hutan tidak ada, air akan bergerak dengan laju dan banjir berlaku. Itu saja.

Berhubung dengan kelemahan penguatkuasaan, ini adalah tepat dan penguatkuasaan ini bukan saja di Cameron Highlands, di Lojing. Malah di Lojing ini kawasan baru ya. Saya baru pergi semalam walaupun sudah agak lewat dekat pukul 7 malam tetapi kawasan di tempat tinggi masih terang. Saya bertanya dengan semua pihak siapa yang mengeluarkan geran tanah? Geran tanah ini diberi kepada syarikat.

Di Cameron Highlands tidak banyak geran yang dikeluarkan, cuma TOL tetapi di Kelantan dia bagi geran kepada, dia bagi *title* kepada syarikat-syarikat besar dan saya tanya penggunaan tanah. Dia kata sayur lepas itu pegawai pun hilang, mungkin maghrib. Bila saya tengok yang boleh kita tumpang untuk memastikan penguatkuasaan berlaku sebab penguat kuasa ini ialah hak negeri ya, ialah alam sekitar dan bila saya tanya alam sekitar dia bagi tahu bahawa, "*Sudah 19 tindakan mahkamah diambil tetapi mereka ini masih berdegil dan terus menanam sayur dan terus membuka kawasan baru*".

Kalau Yang Berhormat ada kelapangan dan saya pun ada kemampuan sedikit, Yang Berhormat naik tengok daripada udara, lihat sendiri kehancuran yang dilakukan kepada negara kita. Dulu, penguatkuasaannya *alright* tetapi sekarang ini mungkin terlampau besar jadi penguatkuasaan itu mungkin tidak berapa mantap dan sudah pasti pegawai tidak cukup. Sekarang kita sudah berbincang dengan semua pihak bagaimana kita hendak dapatkan pegawai sementara untuk menguatkuasakan kawasan yang telah diterokai dan juga kawasan-kawasan yang belum diterokai. Hukuman ke atas mereka yang tidak mengambil tindakan ialah sebagaimana yang telah termaktub dalam Peraturan Disiplin, Jabatan Perkhidmatan Awam.

Akan tetapi secara keseluruhannya kalau kita lihat Yang Berhormat, kita ada 1.5 juta anggota kerajaan. Rakyat kita ada 30 juta orang. Jadi, anggota kerajaan dengan rakyat ini di antara yang tertinggi di dunia tetapi kenapa penguatkuasaan ini tidak dapat dibuat. Yang inilah kita dalam proses

untuk menggerakkan supaya mereka ini dimudahkan semula. Kita tuntut Menteri muda, pemimpin muda. Akan tetapi kalau kereta buruk, *driver* hendak bawa macam mana. Kereta ini kena *overhaul*. Macam ada Yang Berhormat Senator di sini yang sudah berambut putih, berjanggut putih, lama tetapi jiwanya muda dan semangat yang muda. Yang itu yang kita hendak.

Kita bukan perlu tenaga, kita hendak semangat untuk meneruskan penguatkuasaan. Contohnya macam di Perak, kita lihat di luar pokok bakau tapi di tengah-tengahnya sudah pun diterokai dengan teruknya dan dicuri dengan begitu rupa di hadapan mata banyak pihak dan tindakan kita tidak ambil. Penguatkuasaan ini kalau mula daripada awal, tidak benarkan, orang tidak masuk. Akan tetapi bila kita sudah alpa penguatkuasaan, yang inilah yang jadi. Kalau Yang Berhormat naik ke atas itu, Yang Berhormat akan merasa longlai, bagaimana negara yang begini indah, sekarang telah diterokai dengan teruk. Bukan saja di Cameron Highlands, bukan saja di Lojing bahkan di banyak negeri-negeri hutan kita diteroka di tengah-tengah. Pencurian balak dan juga usaha-usaha untuk tanaman kontan.

■1020

Sekarang, yang paling teruk lagi sekarang ini orang asing termasuk orang yang tidak ada, pasportnya telah *expired*, mereka juga menumpang sekaki untuk meneroka tanah haram dan itu sebab di Cameron Highlands ini ada orang asing yang cukup kaya-raya, seorang tauke yang cukup kaya-raya kerana mencuri tanah, meneroka tanah dan mendapat sokongan ataupun mendapat pekerja-pekerja murah dari Bangladesh, Rohingya dan sebagainya. Terima kasih.

2. Datuk Raja Ropiah binti Raja Abdullah minta Menteri Pengangkutan menyatakan, mengenai komitmen yang telah dibuat terhadap pencarian kehilangan pesawat MAS (MH370). Apakah status sebenarnya kini dan hala tuju kerajaan mengenai perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Ini Yang Berhormat Menteri sendiri yang datang menjawab ini. Bagi tepukan. [*Tepuk*]

Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Liow Tiong Lai]: Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pencarian kehilangan MH370 akan terus menjadi keutamaan Kerajaan Malaysia dan kerajaan komited dalam usaha pencarian ini bersama dengan Kerajaan Australia dan negara China. Di samping itu kerajaan juga telah menyatakan komitmen dengan menyediakan peruntukan yang sama dengan peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Australia iaitu berjumlah AUD60 juta untuk membiayai kos perolehan kontrak bagi mendapatkan perkhidmatan dan peralatan daripada syarikat komersial dan melaksanakan operasi mencari pesawat MH370.

Sehingga kini operasi pencarian pesawat MH370 telah memasuki fasa operasi pencarian laut dalam, *deep sea search* yang diketuai oleh *Australian Transport Safety Bureau* (ATSB) menggunakan kapal *Fugro Discovery*, *Fugro Equator* dan *Go Phoenix*. Kapal-kapal tersebut dilengkapi *sidescan sonar*, *synthetic aperture sonar*, *multi-beam echosounder* dan *video camera*. Operasi pencarian laut telah dimulakan bermula Oktober 2014 dan akan diteruskan dalam tempoh 12 bulan. Sehingga kini,

operasi pencarian laut dalam yang melibatkan penerokaan menyeluruh kawasan dasar laut yang dipetakan telah meliputi lebih daripada 9,600 kilometer persegi.

Hala tuju kerajaan berhubung kehilangan pesawat MH370 adalah dengan meneruskan operasi pencarian bersama Kerajaan Australia dan negara China. Sekiranya kita temu pesawat kita di dasar laut, maka kita akan teruskan fasa seterusnya iaitu *recovery phase* untuk mendapatkan semula pesawat kita daripada dasar laut. So, ini adalah komitmen kerajaan dan kita akan teruskan sehingga kita dapat mencari pesawat tersebut.

Datuk Raja Ropiah binti Raja Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan. Saya ucapkan syabas bahawa kerajaan kita meneruskan komitmen bersama dengan Kerajaan Australia dan China. Apa yang saya ingin tahu adakah keluarga mangsa yang telah selama ini hampir sembilan bulan menunggu ini telah reda perasaan kecewa dan marah kepada MAS dan apakah ada tindakan undang-undang yang diambil oleh mereka terhadap kita.

Seterusnya juga saya ingin mengetahui bahawa apakah komitmen dan pendekatan Kerajaan Malaysia kepada semua mangsa sama ada warganegara Malaysia mahupun warganegara dari negara lain dari segi aspek pampasan. Adakah kita menjalankan hubungan dengan keluarga-keluarga ini secara berterusan dan juga ingin tahu bagi mereka yang terutamanya bergantung harap, keluarga-keluarga bergantung harap kepada mangsa yang telah pun sampai sekarang kita tidak tahu dan yang telah hilang tempat untuk bergantung. Apakah tindakan yang telah dibuat oleh pihak kerajaan bagi yang daripada Malaysia. Itu soalan saya, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Nampaknya ada tiga, empat soalan itu Yang Berhormat.

Dato' Seri Liow Tiong Lai: Ya, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Saya rasa Yang Berhormat amat prihatin dengan mangsa dan ahli keluarga pesawat MH370 dan telah pun menunjukan soalan yang amat penting. Kerajaan telah pun selama ini mengambil pelbagai usaha untuk menangani isu emosi ahli-ahli keluarga.

Kita wujudkan Jawatankuasa NOK – *next of kin* di mana bukan sahaja di dalam negara kita, kita juga ada satu pusat *family communication and support centre* di Beijing kerana daripada 293 mangsa pesawat MH370, 153 adalah daripada rakyat warganegara China dan kita sebab itu adalah diwujudkan pusat ini untuk memberi sokongan kepada ahli-ahli keluarga dan memberi taklimat dan juga maklumat berterusan kepada ahli-ahli keluarga tersebut.

Kita juga telah pun menghulurkan pampasan, *we called it advance compensation*, pampasan pendahuluan sebanyak USD50,000 kepada ahli-ahli keluarga. Malangnya ramai yang belum mahu mengambilnya kerana mereka masih menganggap bahawa ahli keluarga mereka itu masih hidup kerana kita tidak temui lagi pesawat mahupun mayat daripada tragedi MH370 ini.

Kerajaan telah pun kita memahami hak ahli-ahli keluarga ataupun mangsa MH370 untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap MAS mahupun mana-mana pihak yang bertanggungjawab terhadap insiden dan tragedi MH370 ini dan kita perlu bersedia menghadapi tindakan undang-undang ini. Sekarang fokus kita adalah dalam usaha mencari kerana kita yakin daripada statistik ataupun data-data maklumat yang kita terima daripada *Inmarsat Satellite* serta

daripada *air traffic control* kita memang kita dapati bahawa pesawat ini telah pun berpatah balik ke Selatan dan terus ke kawasan *South Indian Ocean*.

Itulah matlamat kita dan kita harap pencarian kita akan berhasil kerana banyak usaha telah kita lakukan dan seterusnya pampasan dapat kita laksanakan dengan secepat mungkin. MAS kerana melalui insurans yang telah diperolehi melalui MAS boleh memberi pampasan kepada ahli-ahli keluarga mereka. Terima kasih.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, saya ingin mendapatkan kepastian daripada Yang Berhormat Menteri berapa kerap pihak Kementerian Pengangkutan atau MAS menghubungi keluarga mangsa MH370 sehingga kini dan jika ada bagaimanakah kementerian atau MAS yang bertanggungjawab dan berapa jumlah kakitangan yang terlibat yang diketuai oleh siapa dan berapakah jumlah peruntukan yang diberi bagi menubuhkan badan ini. Terima kasih.

Dato' Seri Liow Tiong Lai: Tuan Yang di-Pertua, kementerian sentiasa melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang telah kita wujudkan untuk menghubungi pihak ahli-ahli mangsa keluarga. Kerajaan telah mewujudkan empat jawatankuasa sebenarnya. Jawatankuasa NOK, Jawatankuasa Komunikasi, Jawatankuasa Aset dan Jawatankuasa Teknikal yang diterajui oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri kementerian yang berkaitan untuk memberi bantuan dan juga *support* mangsa-mangsa ahli keluarga.

Kementerian juga ada mempunyai struktur yang diwujudkan iaitu membolehkan kita mendapatkan maklumat setiap hari. Kita ada satu jawatankuasa, JACC – *Joint Agency Coordination Centre* di Australia yang tiga *officer*, tiga kakitangan ada di Australia.

■1030

Kita ada juga jawatankuasa di Beijing yang saya sebutkan tadi FC - *family communication and support center*. Kita juga ada *high level technical task force* yang diterajui oleh Ketua Pengarah DCA, di bawahnya ahli-ahli jawatankuasa bermesyuarat setiap minggu dan juga *teleconferencing* dengan JACC di Australia setiap minggu untuk mendapatkan maklumat terkini dan juga berbincang berhubung dengan pencarian MH370 ini. Oleh itu dengan adanya *set up* ataupun sistem yang ada diwujudkan ini, saya sebagai Menteri Pengangkutan mengkoordinasi semua jawatankuasa ini dan mengadakan mesyuarat dari masa ke semasa untuk memberi hala tuju dan juga memastikan pencarian ini *is a coordinated search*.

Saya juga adakan mesyuarat *tripartite* dengan Australia dan Beijing. Kita pergi ke Australia dan baru-baru ini baru sahaja pergi ke *ASEAN Transport Ministers Meeting* di Myanmar Mandalay berjumpa dengan Menteri Pengangkutan negara China dan juga kita berbincang dengan panjang lebar dengan Menteri Pengangkutan negara China bagaimana kita dapat berkongsi sumber pelbagai negara untuk membantu mencari pesawat MH370. Kita ucapkan terima kasih kepada semua negara dalam dunia ini. Banyak negara, 26 buah negara telah tampil ke hadapan untuk membantu pencarian MH370. Sehingga kini sekarang Australia dan negara China masih terus membantu negara kita.

Kita tahu bahawa misi ini satu misi yang cukup besar, berat, tidak dapat dilaksanakan oleh sebuah negara. *It cannot be done by just a single person.* Ia perlu perkongsian dan kerjasama semua negara terutama sekali negara Australia dan negara China yang telah dapat membantu kita untuk mencari pesawat MH370 ini. Oleh itu dari segi sumber yang kita gunakan ini memang satu sumber yang besar sehingga kini masih kita teruskan. Saya ada sebutkan tadi kita telah memperuntukkan AUD60 juta untuk mencari dan kalau jumlah tidak cukup, kita akan terus menambah sumber ini agar pastikan misi pencarian ini dapat diteruskan.

Kita juga wujudkan web portal di mana ada satu web yang khusus untuk NOK. NOK ada *safety pin* untuk masuk ke web portal untuk mendapatkan maklumat-maklumat mereka yang diinginkan melalui setiap hari. Boleh kita *update web portal* ini untuk mendapat maklumat-maklumat terkini berhubung pencarian MH370 ini. Saya yakin melalui usaha ini kita dapat mendekati dengan mangsa ahli-ahli keluarga dan kita dapat meredai emosi mereka dengan sebaik mungkin. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Oleh kerana Yang Berhormat Menteri telah menjawab dengan jelas dan panjang lebar, maka kita beralihlah ke soalan seterusnya.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih dan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua yang sentiasa memperjuangkan kepentingan wanita. Kita bukanlah *gender bias*, kita cuma hendak *empower Malaysian women*.

Timbalan Yang di-Pertua: Setuju sepenuhnya Yang Berhormat.

3. Puan Norliza binti Abdul Rahim minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, bilakah kali terakhir bantuan kebajikan rakyat dikaji semula.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dapat prihatin terhadap keperluan dan kebajikan golongan miskin dan mereka yang memerlukan. Sehubungan ini bantuan kebajikan disediakan bertujuan untuk meringankan beban buat sementara waktu sehingga penerima bantuan dapat keluar daripada kepompong kemiskinan dan mampu ke arah hidup berdikari. Ini adalah kerana bantuan kebajikan ini bukanlah untuk menampung sepenuhnya kos sara hidup, tetapi sebagai langkah sementara bagi membantu kumpulan sasaran.

Bagi memastikan kadar bantuan yang diberikan sentiasa relevan dengan keperluan semasa, kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa berusaha mengkaji kadar bantuan yang diberikan dari semasa ke semasa. Kadar bantuan bagi semua jenis skim bantuan iaitu bantuan anak pelihara, bantuan latihan perintis, bantuan am persekutuan, bantuan geram pelancaran, bantuan kanak-kanak, bantuan orang tua, bantuan penjagaan OKU terlantar, pesakit kronik terlantar, elaun pekerja cacat dan bantuan OKU tidak bekerja telah dikaji dari semasa ke semasa sejak tahun 1999 hingga kini.

Sebagai maklumat Yang Berhormat, penyelarasan kadar bantuan kebajikan kali terakhir telah dibuat dan diumumkan melalui pembentangan Bajet 2015 pada 10 Oktober 2014 lalu, di mana

kerajaan telah meluluskan kenaikan kadar elaun pekerja cacat daripada RM300 kepada RM350 sebulan. Manakala bantuan OKU tidak berupaya bekerja pula dinaikkan daripada RM150 kepada RM200 sebulan berkuat kuasa mulai Januari 2015 melibatkan penambahan peruntukan berjumlah RM66 juta. Sekian terima kasih.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Timbalan Menteri yang telah menjawab dengan begitu baik. Saya merasakan masalah kebajikan sebagaimana yang disebutkan oleh Timbalan Menteri tadi adalah satu masalah yang harus diberi penekanan. Kita harus melihat daripada tempoh jangka masa panjang. Kalau kita tengok kebajikan ini, setiap tahun ia akan bertambah dan kita terpaksa menambah elaun kebajikan. Jadi soalan saya kepada kementerian, sekiranya seorang ibu tunggal ataupun OKU tetapi ianya masih mampu bekerja ataupun seorang warga emas yang bersara dari bekerja kilang pada usia 60 tahun tetapi dia masih bertenaga. Adakah kementerian mempunyai data-data mereka ini dan mereka ini boleh kita berikan peluang perniagaan. Kalau kita tengok di Amerika Syarikat sebagai contohnya, kalau kita pergi ke *Dunkin' Donuts* di US, ramainya orang tua-tua yang bekerja di *Dunkin' Donuts*. Kalau kita ada data mereka ini masih kuat bekerja, mungkin kita boleh salurkan maklumat ini kepada agensi atau kedai-kedai atau restoran yang boleh mengambil mereka untuk membantu pendapatan mereka. Jadi terlebih dahulu kita perlulah ada *database* itu.

Soalan saya yang kedua ada kalanya bantuan ini tidak sampai kepada kumpulan yang benar-benar susah. Jadi saya ingin bertanya kepada kementerian, sama ada kementerian boleh mewujudkan setiap Parlimen menjadi anak angkat kepada seorang pegawai di kementerian supaya pegawai ini dapat berhubung dengan ketua masyarakat di Parlimen tersebut untuk benar-benar mengenal pasti dari masa ke semasa yang betul-betul memerlukan kebajikan dan pada masa yang sama kita boleh wujudkan *database* di setiap Parlimen. Terima kasih.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya *database* yang kita ada ini berada di e-Kasih dan semua daerah kebajikan di mana mereka menerima bantuan kewangan. Untuk kita beri bantuan kepada yang masih boleh bekerja, kita boleh mengimplementasikan tumpuan kepada pendekatan *productive welfare* bagi membantu para penerima bantuan kebajikan tidak kiralah dia ibu tunggal atau warga tua, atau OKU keluar dari kepompong kemiskinan.

Walau bagaimanapun, kementerian akan sentiasa mengkaji kadar ini dari masa ke semasa. Untuk makluman Yang Berhormat, mengenai *productive welfare* ini kita ada beberapa jenis iaitu pertama sekali inisiatif dua tahun eksais program yang mana inisiatif ini diadakan bertujuan untuk memperkasakan penerima bantuan yang produktif supaya dapat berdikari sepenuhnya dalam tempoh dua tahun penerimaan bantuan melalui bimbingan untuk beri bantuan kepada mereka untuk dapat kerja dan kenal pasti keperluan yang sebenarnya mereka perlukan supaya kita dapat merancang atau mengadakan projek rintis untuk beri bantuan kepada mereka.

■1040

Di samping itu, inisiatif Skim Bantuan Geran Pelancaran juga disediakan iaitu dengan kadar maksimum RM2,700 bagi membantu kumpulan sasar jabatan yang mempunyai minat dan potensi untuk maju dengan menceburi bidang ekonomi. Pada tahun 2013, sejumlah RM1,226,766 telah disalurkan di bawah Skim Bantuan Geran Pelancaran yang memberi manfaat kepada 900 orang. Bagi tahun 2014, hingga Jun, RM453,013 telah disalurkan kepada 180 orang.

Project productive welfare yang selainnya itu juga termasuk bantuan latihan perantis yang mana kita beri bantuan sejumlah RM200 sebulan untuk anak-anak yang perlukan latihan dan program latihan kemahiran di bawah Jabatan Pembangunan Wanita termasuk inkubator dan selainnya. Juga di bawah 1AZAM di bawah NKEA juga kita mewujudkan untuk beri bantuan supaya mereka dapat berdikari.

Mengenai pegawai angkat kepada semua kawasan Parlimen, kami rasa pada masa sekarang, pegawai daerah kita masih boleh beri bantuan yang perlu dan di samping itu, kita telah pun menubuhkan MAYANG dan NADI di semua kawasan Parlimen dan juga kawasan DUN. Melalui Jawatankuasa MAYANG dan NADI itu, maka mereka dapat hubungan kerjasama yang erat dengan pejabat kebajikan daerah. Oleh itu, kami rasa setakat ini apa yang sedia ada adalah mencukupi. Terima kasih.

Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang kita sedia maklum, BR1M daripada setahun ke setahun ada tambahan kadar jumlah BR1M ditambah. Bagaimana dengan- adakah pihak kementerian bercadang untuk menambah kadar jumlah bantuan kebajikan kepada penerima mengikut kategori keadaan penerima untuk masa depan memandangkan kos sara hidup yang semakin meningkat sekarang? Terima kasih.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Terima kasih Yang Berhormat. BR1M ini bukan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Maka itu, saya tidak dapat jawab. Akan tetapi, untuk beri bantuan...

Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg: Bukan, itu sebagai contoh. BR1M ada dikaji semula jumlah BR1M. Bagaimana pula dengan jumlah bantuan kebajikan kepada penerima-penerima mengikut kategori keadaan penerima tertentu?

Datin Paduka Chew Mei Fun: Ya, seperti apa yang saya telah jawab tadi, kita akan ambil perhatian dan kita akan mengadakan kajian daripada semasa ke semasa. Terima kasih.

4. To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan, apakah langkah yang telah diambil bagi mengawal lambakan barangan import terutamanya barang tiruan dari Cina, Taiwan dan Korea yang gagal mematuhi standard barangan, berkualiti rendah, tidak mesra pengguna dan memudaratkan kesihatan pengguna dan sejauh manakah tindakan penguatkuasaan telah diambil bagi memerangi pemasaran barangan tiruan ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Sri Hasan bin Malek]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon untuk menjawab soalan yang dikemukakan

oleh Yang Berhormat To' Puan Hajah Zaitun bersekali dengan satu soalan lain yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg pada hari Isnin akan datang kerana ianya menyentuh isu dan perkara yang sama, dengan izin.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Hasan bin Malek: Terima kasih. Kita di kementerian sentiasa prihatin dan memberi perhatian serius untuk membendung penjualan barang-barang yang dikenal pasti melakukan pelanggaran cap dagangan yang mana pelanggarannya menjadi satu kesalahan yang boleh diambil tindakan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011, pendekkannya ialah APD 2011. Antara barang tiruan yang popular ialah pakaian, barangan kulit, alat ganti kenderaan, bahan petroleum, alat komunikasi serta beberapa barangan lain. Ha, ini wanita dia minat ini, semua nak barang-barang berjenama.

Jadi, pihak kementerian telah mengambil beberapa langkah dalam membendung masalah lambakan barangan import yang dijual di pasaran.

Antaranya, pertamanya langkah yang kita ambil ialah mengadakan pemeriksaan secara konsisten di tempat-tempat yang disenaraikan oleh kementerian sebagai kawasan-kawasan yang didapati bergiat aktif dengan aktiviti penjualan dan pengedaran barang tiruan. Kawasan ini diletakkan sebagai *hot spot*. Memang ada pemantauan yang kita buat, yang kita kenal pasti kawasan-kawasan yang kita panggil sebagai *hot spot*. Sehingga 2 November 2014, sebanyak 430 daripada 477 premis yang disasarkan telah mematuhi dengan tidak menjual barang tiruan. Jumlah ini menunjukkan pencapaian tindakan penguatkuasaan sebanyak 90.15% daripada 95% sasaran KPI kita iaitu *key performance index* pada tahun 2014.

Langkah kedua pula Tuan Yang di-Pertua, ialah tindakan penguatkuasaan secara proaktif iaitu mewujudkan dan melaksanakan inisiatif yang dipanggil *Basket of Brands* (BOB) di mana pemilik atau wakil cap dagang berdaftar diminta untuk mengemukakan surat persetujuan secara bertulis supaya memberi komitmen dalam proses penyiasatan dan pendakwaan. Maksudnya, syarikat tadi dia beri *return commitment*, ini barang kita yang asal, yang asli. Kita kumpulkan dia dalam satu *basket* yang kita sebut *Basket of Brands*.

Semenjak diperkenalkan pada tahun 2011 sehingga kini, terdapat 43 pemilik atau wakil cap dagang yang mewakili 302 jenama telah menyertai inisiatif ini. Saya ada senarai *Basket of Brands* ini, ada di sini. Kalau minat, saya boleh serahkan kepada Yang Berhormat.

Kewujudan BOB ataupun *Basket of Brands* ini juga telah membantu negara kita Malaysia keluar daripada senarai *watch list United State Trade Representative (USTR) Special 301 Report* pada tahun 2012. Ini bermakna, kita sudah tidak tersenarai selama tiga tahun berturut-turut dan ini menunjukkan dan merupakan bukti dan pengiktirafan dunia kepada tindakan penguatkuasaan kita ini. Hari ini Filipina, Thailand masih lagi dalam senarai *watch list United State*. Kita dah keluar dah, *alhamdulillah*, kerana kita telah dapat mengikuti, mematuhi syarat-syarat yang dibuat oleh USTR ini.

Langkah ketiga pula ialah menjalankan kerjasama dengan pihak berkuasa lain seperti Kastam Diraja Malaysia (KDRM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), pihak berkuasa tempatan (PBT) dan juga

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk menangani masalah lambakan barangan tiruan di pasaran. Maknanya bersepadu, Strategi Lautan Biru.

■1050

Salah satu contoh kerjasama yang telah dibuat ialah penguatkuasaan di sempadan iaitu *border measures* dengan kerjasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia bagi menangani kemasukan barang-barang tiruan dari luar negara. So hal-hal ini cukai-cukai kastam, kita bekerjasama. Ini langkah yang kita telah ambil.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, tadi dalam tindakan penguatkuasaan pula, kita juga telah mengkompaun atau menjalankan pendakwaan terhadap mana-mana individu atau syarikat, termasuk penjual atau pengedar yang melakukan kesalahan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011. Sehingga November 2014, pihak kementerian telah mengkompaun sebanyak 295 kes dengan jumlah nilai kompaun sebanyak RM98,090, manakala nilai rampasan sehingga November 2014 mencecah RM13.1 juta. Ini jumlah yang kita rekodkan. Bagi sesetengah orang, tak banyak ini. Akan tetapi pada kita, inilah usaha yang telah kita buat.

Dalam konteks ini juga, kerjasama orang ramai termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, begitu juga dengan pihak industri untuk melaporkan sebarang kegiatan pengedaran barang tiruan terutama di kawasan-kawasan sempadan amat kami alu-alukan. Kerjasama ini akan dapat memudahkan pihak kementerian bagi mengesan dan mengambil tindakan ke atas pengimport serta pengedar barang-barang tiruan. Terima kasih.

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana datang sendiri memberi jawapan pada hari ini. Memiliki barang berjenama sememangnya ialah sebagaimana kata Menteri tadi, menjadikan cita rasa kebanyakan orang terutama yang mementingkanlah lambang prestij. Bukan sahaja setakat pakaian tetapi ia barangan elektrik, telefon bimbit dan perisian komputer juga. Kita dapati penguatkuasaan KPDNKK terhadap lambakan barang-barang import terutamanya barang tiruan daripada China, Taiwan dan Korea ini masih didapati kurang berkesan dan tidak konsisten kerana pengguna begitu mudah untuk mendapatkan barang-barang tersebut.

Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, pasaran globalisasi hari ini dengan kemudahan logistik dan kecanggihan teknologi seperti pesanan secara *online* menyebabkan barangan mudah memasuki ke dalam negara ini. Jadi, apakah tindakan dan langkah kerajaan khususnya KPDNKK dalam membanteras kegiatan ini? Sejauh manakah kebenaran penjualan barangan tiruan ini dipayungi oleh sindiket besar dan mempunyai modal yang besar? Apakah tindakan kerajaan ke atas syarikat-syarikat ini? Apakah langkah dan perancangan kerajaan dalam memperkasakan bahagian penguatkuasaan KPDNKK yang telah menunjukkan perkhidmatan yang agak baik tetapi perlu ditingkatkan lagi di dalam menangani isu penyelewengan barang subsidi, kos sara hidup rakyat dan pelanggaran hak harta intelek serta lain-lain isu kepentingan pengguna. Apakah langkah kerajaan bagi meningkatkan kesedaran pengguna...

Timbalan Yang di-Pertua: Berapa banyak soalan Yang Berhormat?

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Ini yang *last*. Akhir sudah Tuan Yang di-Pertua. Khususnya yang berpendapatan sederhana dan rendah termasuk golongan remaja supaya tidak membeli barangan tiruan yang bermutu rendah ini. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih.

Dato' Sri Hasan bin Malek: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasihlah kepada soalan tambahan. Saya fikir satu soalan, rupanya berbelit-belit banyak, tiga, empat. Tak apalah, saya jawab mana yang saya boleh. Yang Berhormat, yang pertamanya di atas keprihatinan dan ini juga merupakan isu biasa yang sedang berlaku pada akhir-akhir ini.

Jadi soalan yang pertama yang disebut tadi ialah berkenaan dengan peranan membanteras barangan tiruan *online*. Saya tidak bersetujulah dengan pendapat Yang Berhormat tadi yang menyebut penguatkuasaan kita kurang berkesan dan tidak konsisten. Saya boleh berikan rekodnya di kementerian. Penguatkuasaan kita ini bukan hanya sekadar barang tiruan. Penguatkuasaan kita juga ada ruang lingkup berkenaan dengan ketirisan minyak, soal harga barangan yang meningkat dan sebagainya.

Dalam keadaan kekangan dari segi bilangan pegawai penguatkuasaan yang ada hari ini 1,800 lebih kurang, kita mohon ada tambahan 472 lagi dan ini pada kami tidak cukup. Berdasarkan tenaga yang ada ini, saya amat gembira dan saya amat bersyukur kerana komitmen yang telah ditunjukkan oleh pegawai penguat kuasa tadi telah menghasilkan sebahagian daripada cerita khusus berkenaan barangan tiruan yang saya sudah sebut tadi. Lebih kurang RM13 juta tadi telah dapat kita kompaunkan.

Jadi walau bagaimanapun, ini tidak akan melemahkan semangat dan akan kita teruskan usaha-usaha ini. Walau bagaimanapun, KPDNKK melalui bahagian penguat kuasa secara pentadbiran telah mewujudkan satu unit khas di kementerian yang kita sebut sebagai Unit Siasatan Internet dan Forensik (USIF) sebab soalan Yang Berhormat tadi berkenaan dengan *online*, perniagaan *online* tadi. Unit ini berperanan untuk memantau semua aktiviti seperti penjualan barang dan penawaran perkhidmatan melalui atas talian. Pegawai yang ditempatkan di sini diberi latihan yang khusus di peringkat dalam dan luar negara bagi mendapatkan kemahiran untuk menjejaki pesalah siber. Selain itu juga, satu makmal khas sedang diusahakan bagi tujuan ini, hendak kita *go to the detail* khusus berkenaan dengan barang-barang tiruan ini tadi ataupun yang melalui perniagaan *online* tadi.

Soalan yang kedua Yang Berhormat sebutkan ialah berkenaan dengan sindiket besar. Kita mahu tak mahu kena mengakui, ada tauke, ada sindiket besar di belakang itu. Kita tahu begini. Walau bagaimanapun, kita di kementerian, saya telah mengarahkan, kita tidak ada nak memilih kasih, nak memilih bulu dalam menjalankan tindakan penguatkuasaan dan sentiasa bekerjasama dalam mendapatkan maklumat-maklumat dari pelbagai agensi seperti PDRM, seperti KDRM, SPRM dan lain-lain. Gerakan kita gerakan Strategi Lautan Biru.

KDPNKK juga mempunyai kuasa selain daripada Akta Perihal Dagangan, Akta Kawalan Harga dan sebagainya, kita juga ada boleh diberi kuasa untuk menyiasat beberapa kesalahan. Predikat di bawah akta *Anti-Money Laundering Act 2001 (AMLA)* yang membolehkan siasatan

dijalankan dan membekukan orang yang disyaki. Ini kita telah pun jalankan, laksanakan dan ada beberapa kejayaan diperolehi. Cakap mudah, tetapi tak semudah bagaimana kita cakap. Macam-macam kelentong mereka ini Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi *alhamdulillah* syukur, kita ada kes yang kita telah dapat membendung segala kelemahan ataupun kegiatan-kegiatan sama ada yang berlatar belakang sindiket besar atau sebagainya. Rekodnya ada dan saya bersedia untuk memberikan maklumat. Oleh sebab itu saya selalu sarankan Ahli-ahli Yang Berhormat, pimpinan-pimpinan juga dan pengguna secara umumnya, kena bantu kita untuk memberikan maklumat-maklumat ini. Kalau tidak, kita tak tahu. Sebanyak 1,800 campur 472, lebih kurang dalam 2,000 tak cukup. Penduduk kita 30 juta. Jadi inilah peranan yang kami harapkan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, merupakan pemimpin di peringkat akar umbi.

Soalan yang ketiga tadi berkaitan dengan Strategi Lautan Biru. KPDNKK telah pun menjalankan Strategi Lautan Biru macam mana saya sebutkan tadi KDRM, pihak kastam, pihak polis, SPRM yang kita jalankan secara bersepadu. Ini sebenarnya Yang Berhormat memang banyak meninggalkan kesan yang cukup positif. Ini kerana masing-masing ada kuasa dia. Hal Kastam ini hal cukai-cukai, yang polis dia boleh menangkap pula. Pengangkutan, JPJ dia boleh tahan lori pula. Sebab ini, kuasa ini tidak ada di kementerian kita. Akan tetapi, bila kita menjalankan penguatkuasaan secara bersepadu, secara Blue Ocean Strategy ini, kejayaannya adalah amat membanggakan. Bagi sayalah, amat membanggakan.

So walau bagaimanapun, pandangan Yang Berhormat tadi akan diambil kira dan akan kita peringkatkan lagi supaya penguatkuasaan ini akan terus dapat dilaksanakan dengan berkesan. Saya juga melihat sebenarnya bukannya keramaian itu. *It's not the quantity* tetapi *quality* pegawai-pegawai itu. Di kementerian saya, saya boleh benar mengakui bahawa kualiti pegawai penguatkuasaan saya amat saya banggakan. Ini kerana ada program-program seminar, bengkel yang kita adakan untuk menanam semangat sayang kepada negara, sayang kepada rakyat dan sebagainya. *Alhamdulillah*.

■1100

Akhir sekali Yang Berhormat ada menyebut soal kesedaran pengguna yang seterusnya berpendapatan rendah dan juga sederhana. Sebenarnya kesedaran pengguna ini telah kami jalankan melalui program-program *outreach* oleh pejabat cawangan di seluruh negara. Dalam mana hari ini untuk makluman Yang Berhormat, kita ada sebanyak 72 buah bahagian seksyen penguat kuasa, 72 buah di seluruh negara iaitu 15 cawangan negeri dan 57 pejabat cawangan, dalam mana ada 146 daerah di seluruh negara. Tidak mencukupi, kita akui itu. Walau bagaimanapun, selain daripada program *outreach* ini pun saya ingat ada ramai di antara Ahli-ahli Yang Berhormat juga yang telah bekerjasama dengan kementerian kita, dengan NGO dan sebagainya buat program-program *outreach* ini.

Selain daripada itu juga penyebaran maklumat melalui iklan di media massa, *pamphlet*, maklumat tentang kejayaan penguatkuasaan yang dijalankan di surat khabar. Dua tiga hari lepas dan tiap-tiap hari ada program dia. Baru-baru ini di Putrajaya, barang-barang tiruan ini kita pergi rampas Yang Berhormat. Jadi melalui *Facebook*, laman sosial, *Twitter* dan juga maklumat-maklumat ini boleh

dimanfaatkan oleh pengguna dari semua lapisan ekonomi dalam semua lapisan masyarakat. So, bantuan dan juga sokongan daripada Ahli Yang Berhormat saya salurkan kepada Dewan yang mulia ini untuk kita sama-sama menyumbang membantu kita supaya kita dapat membela pengguna yang sebahagian kecilnya telah ditipu oleh golongan yang memikirkan keuntungan diri mereka sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri hadir hari ini. Soalan saya, adakah pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan mengawal kebanjiran barang-barang kedai RM2. Di kampung ini banyak sangat kedai RM2 yang macam cendawan tumbuh. Jadi, sudah pastilah barang ini tiruan, sudah pastilah barangnya tidak berkualiti. Pakai satu hari pecah, contohnya baldi air. Murah tapi hanya bertahan beberapa hari.

Ini pada saya ada persaingan yang tidak sihat dengan pengeluar-pengeluar IKS kita, di mana IKS tidak dapat memasarkan pasaran ataupun produk-produk oleh kerana persaingan yang tidak sama padang. Maknanya barang daripada China dan Taiwan itu sangat murah berbanding dengan IKS yang kita bangunkan sendiri dan akhirnya satu keadaan yang tidak begitu baik dalam persaingan ini. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri dan apa tindakan Yang Berhormat Menteri yang membolehkan persaingan padang yang sama rata dengan pengusaha-pengusaha barang daripada China ini. Terima kasih.

Dato' Sri Hasan bin Malek: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Satu soalan yang baik ya. Saya ambil pendekatan soal dan hak tanggungjawab pengguna itu sendiri. Tadi disebut soal kedai RM2. Kedai RM2 ini bukan bermakna ia barang tiruan. Sebab itu saya selalu kaitkan pula soal hak dan tanggungjawab pengguna itu sendiri. Kita buat iklan-iklan di lebuhraya, jadilah pengguna bijak bagi mereka supaya dapat memilih di antara barang-barang. Kalau barang tiruan ini sebenarnya barang-barang ini sudah melepasi syarat-syarat pengimportan daripada pihak kastam dan sebagainya. Maknanya barang itu dibawa masuk ke negara kita. Yang ini kita tidak boleh halang. Tinggal lagi kita sebagai pengguna kena bijak memilih untuk membeli barangan-barangan sekadar mana yang kita mampu. Kalau misalnya barang kedai RM2 seperti yang disebutkan tadi bukan bermakna semuanya barang tiruan tetapi nilai RM2.

So, maknanya kita hendak mendidik rakyat pengguna supaya bijak memilih supaya memilih barangan yang bermutu. Sebab itu kita galakkan program-program anugerah harga berpatutan. Yang ini program yang kita buat supaya pengguna ini sentiasa dididik, diajar untuk memilih barangan-barangan yang baik dan bermutu. Kalau misalnya macam barang makanan pula, kemasukan mereka adalah di bawah kawalan Kementerian Kesihatan. Kalau misalnya yang ada hubung kaitnya dengan perkhidmatan yang lain, kementerian lain pula yang bertanggungjawab. Cuma yang penting sekali Ahli-ahli Yang Berhormat ialah tentang pendidikan kepenggunaan itu mesti ada.

Sebab itu kalau misalnya ada laporan, ada terdapat macam disebut tadi barang-barang yang murah RM2 ini betullah sekali dua pakai sudah tidak boleh sudah. So, kalau begini keadaannya jangan beli barang itu. Pengguna macam saya sebut mesti bijak, mesti maklumkan kepada yang lain.

Ini takkanlah hendak beli barang RM2, hendak harap dua hingga empat tahun boleh pakai. Itulah Tuan Yang di-Pertua supaya pengguna kita dididik supaya bijak memilih barangan. So, saya ingat itu sahaja. Kalau ada apa-apa maklumat lain, saya bersedia untuk menerima dan kita ambil tindakan secara bersama bagi menangani masalah Yang Berhormat dari Jempol, Senator tadi. Terima kasih.

5. Puan Hajah Khairiah binti Mohamed minta Menteri Pendidikan menyatakan, apakah langkah kerajaan dalam menggalakkan budaya membaca di kalangan pelajar terutamanya kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah di kawasan luar bandar.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed atas soalan tentang budaya membaca. Tuan Yang di-Pertua, memandangkan soalan ini soalan budaya, membaca izinkan saya memulakan jawapannya dengan dua rangkap pantun.

*Meniti senja biasan mentari,
Merekah setitis menjelang kabut,
Bacalah baca setiap hari,
Tidak akan habis ilmu dituntut.*

*Cantik sungguh si bunga kejora,
Buat hiasan di hari raya,
Marilah sahut seruan negara,
Bangsa membaca bangsa berjaya.*

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan komited untuk menggalakkan budaya membaca dalam kalangan murid-murid sekolah melalui pelbagai program yang dilaksanakan. Program Nadi Ilmu Amalan Membaca (NILAM) merupakan salah satu program galakan membaca secara terancang dan berstruktur di semua sekolah sama ada di bandar mahupun luar bandar.

Melalui program ini, murid-murid diwajibkan untuk membaca buku-buku selain daripada buku teks dan pembacaan ini direkodkan. Program ini diwajibkan bagi semua murid dari Tahun 1 hinggalah ke Tingkatan Lima. Selain membaca, program ini merangkumi pelbagai aktiviti seperti aktiviti bercerita, *role-play* dan juga kuiz. Sebagai insentif kepada murid-murid yang banyak membaca, Anugerah Nilam dilaksanakan di peringkat sekolah, daerah, negeri dan juga nasional.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2013 peratusan pelajar-pelajar sekolah rendah yang mengambil bahagian, penglibatan murid-murid dalam program di bandar 86% dan di luar bandar 80% murid-murid yang mengambil bahagian. Pada tahun 2014 pula, di luar bandar 82%, peningkatan 2% dan di bandar 87.5% peningkatan 1.5%.

Secara perbandingan pada tahun 2013, 84.3% murid sekolah rendah telah menyertai Program Nilam dan pada tahun 2014, 84.3% murid menyertai program ini dan kita nampak peningkatan sebanyak 1.9%. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, contoh pemenang tempat ketiga dalam kategori bahasa Malaysia dalam Program Nilam peringkat kebangsaan, adik Nur Aisyah Fazila

binti Mat Nawi daripada Sekolah Kebangsaan Pulau Condong Kelantan. Beliau membaca 410 buku dalam setahun. Johan pula, adik Nurul Syafiqah Dayana binti Harizan daripada Melaka, 900 buku dalam setahun. Kategori bahasa Inggeris adik Cassandra Francine Marcos daripada Sekolah kebangsaan Convent Sitiawan 1,124 buku dalam setahun.

■1110

Selain daripada anugerah-anugerah seumpama ini, Kem Membaca 1Malaysia juga salah satu aktiviti galakan membaca yang dilaksanakan di seluruh negara di mana objektifnya ialah meneruskan momentum pembelajaran selepas musim peperiksaan di hujung tahun. Bagi tahun 2014, pelancaran Kem Membaca 1Malaysia telah dilaksanakan dari 4 hingga 6 November 2014 di Sekolah Kebangsaan Agama Madrasah Haji Abdul Kadir Hasan di Kuching, Sarawak.

Bagi menyokong pelaksanaan program-program ini, Kementerian Pendidikan Malaysia turut menyediakan bahan-bahan bacaan tambahan yang terkini dan berkualiti untuk kegunaan di pusat sumber sekolah. Pada tahun ini sahaja sebanyak 620 buah sekolah rendah terlibat dengan pembekalan bahan bacaan tambahan di bawah Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia, Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI). Kadar bacaan murid sekolah dipantau secara dalam talian dan program-program intervensi dilaksanakan di peringkat sekolah, daerah dan negeri dari semasa ke semasa. Guru-guru juga dilatih untuk melaksanakan program bacaan secara berkesan di sekolah. Sekian, terima kasih Yang Berhormat.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mulakan soalan dengan bacaan *Bismillahi Rahmani Rahim...* [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Bermaksud, "*Bacalah dengan nama Tuhan yang menjadikan kamu.*"

Sekali lagi terima kasih. Cuma saya pun tak pasti sama ada soalan saya ini boleh dimaklumkan balas oleh pihak Yang Berhormat Menteri Pendidikan kerana saya berpandangan harga bahan bacaan di Malaysia keseluruhannya dan termasuk buku kanak-kanak yang berkualiti dan menarik adalah mahal. Dengan harga ini tidak mungkin penduduk di luar bandar mampu untuk memiliki bahan-bahan yang begitu menarik dan berkualiti. Apabila saya ke *Big Bad Wolf* terbaru, saya dapati buku-buku yang dijual di *Big Bad Wolf* yang begitu berkualiti dan menarik untuk kanak-kanak dijual dengan harga yang murah. Jadi, adakah mungkin pihak kerajaan melalui Kementerian Pendidikan turut boleh mengadakan penjualan buku dengan harga yang begini murah bukan sahaja di bandar, di Kuala Lumpur, di Selangor, bahkan di seluruh negara. Saya kira ini boleh membantu menarik minat untuk kanak-kanak membaca.

Satu lagi soalan saya, di kampung-kampung terdapat perpustakaan desa. Cuma saya kira ia perlu diberi nafas baru kerana perpustakaan ini tidak bermaya, tidak menarik dan tidak mampu merangsang minat anak-anak membaca. Perlu ada suatu konsep yang baru dan saya cadangkan dan minta mohon pandangan pihak-pihak yang berkenaan supaya tambah baik konsep supaya ia boleh merangsang minat anak-anak kita di bawah usia 12 tahun. Sekian, terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah. Dua soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang

Berhormat tentang harga buku bacaan dan juga bagaimana kementerian dapat menggalakkan lebih banyak lagi penganjur pameran untuk menjelajah ke seluruh negara. Perkara ini berlaku tetapi mungkin tidak secukup-cukupnya. Apabila saya pergi merasmikan program-program ataupun pameran buku, saya sentiasa mencadangkan kepada penganjur agar jangan sahaja menganjurkan pameran buku seumpama ini di pusat-pusat bandar.

Kalau boleh, kita harus memastikan pameran-pameran ini dapat dianjurkan di seluruh Malaysia dan kita akan terus memberi cadangan ini kepada penganjur-penganjur buku dan saya difahamkan ada dari semasa ke semasa, pencetak-pencetak buku- *publishers*, dengan izin mengadakan pameran-pameran seumpama ini di ibu negeri, negeri masing-masing. Contoh, di Pulau Pinang, contoh di Johor Bahru, di Melaka, di Seremban, di Shah Alam, di Perak, di Kota Bharu, di Kuala Terengganu, di Kuching, di Kota Kinabalu, di Kangar dan mana-mana Kuantan semua ada. Akan tetapi kita boleh mencadangkan juga kepada mereka supaya meluaskan tempat-tempat ini. Saya setuju pameran-pameran seumpama ini, bukan sahaja *Big Bad Wolf*, pameran buku yang dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, apabila mereka mengambil bahagian dalam pameran-pameran seumpama ini, mereka sentiasa menurunkan harga semata-mata lebih ramai lagi dapat membeli buku ini.

Itu harapan dan juga minat membaca ini akan kita tingkatkan secara tidak langsung dan kita akan teruskan dan kita akan terus mencadangkan apa yang telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi kepada penganjur-penganjur pameran buku. Saya pasti juga, pihak media juga telah memainkan peranan penting untuk melaporkan pameran-pameran seumpama ini supaya orang ramai dapat mengambil bahagian dan juga membeli buku-buku ini. Ini saya ucap terima kasihlah dia atas cadangan Yang Berhormat sebentar tadi.

Cadangan yang kedua Yang Berhormat tentang perpustakaan desa. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, perpustakaan ini di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Walau bagaimanapun, bab membaca ini memang di Kementerian Pendidikan kita memang membantu untuk memastikan budaya membaca ini kita memberi penekanan. Saya setuju kita harus memberi nafas baru, tetapi saya juga menyeru dan merayu kepada rakyat Malaysia, kalau ada buku-buku yang hendak didermakan malah masyarakat setempat boleh menganjurkan program-program untuk rakyat mendermakan buku-buku dan membuat aktiviti-aktiviti seumpama ini supaya masyarakat dapat menjaga perpustakaan desa ini.

Kita tidak boleh memastikan atau kita tidak boleh membiarkan perpustakaan desa ini sepatutnya 100% dijaga oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia ataupun Kementerian Pendidikan, malah semua rakyat Malaysia dapat membantu menyalurkan buku-buku untuk mendermakan kepada perpustakaan desa ini, menganjurkan aktiviti-aktiviti dan saya pasti dengan bila adanya aktiviti seumpama ini, lebih ramai lagi akan mengunjungi ke perpustakaan desa. Maka interaktif dengan masyarakat tempatan dan juga perpustakaan desa ini dapat juga kita kembangkan kepada banyak lagi aktiviti-aktiviti yang lain. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Dr. Lucas bin Umbul: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan ini adalah merujuk kepada cara menggalakkan membaca bagi pelajar-pelajar di luar bandar. Seperti mana yang kita maklum bahawa isu dan cabaran sekolah-sekolah di luar bandar masih kekurangan dari segi kemudahan asas dan juga ada sokongan ibu bapa dan masyarakat.

Ini saya merujuk kepada sekolah-sekolah luar bandar yang telah saya lawati di negeri Sabah dan saya hendak bertanya kepada Kementerian Pendidikan, apakah langkah kementerian untuk menaiktarafkan pusat-pusat sumber sekolah-sekolah di luar bandar ini yang masih kekurangan kemudahan asas, dan apakah cara kementerian membantu supaya pusat-pusat sumber di luar bandar ini diberi nafas baru, diberi *environment* yang lebih kondusif, dilengkapi dengan bahan-bahan bacaan yang mencukupi bagi meningkatkan minat dan semangat anak-anak kita di luar bandar supaya mereka lebih mencintai buku-buku yang dibekalkan oleh Kementerian Pendidikan. Sekian, terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan a/ P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat. Kita sedar bahawa kebanyakan sekolah di Sabah dan Sarawak, kawasan luar bandar, ini mempunyai pusat sumber, kebanyakan. Malah semua sekolah lebih 10,000 sekolah di negara ini Kementerian Pendidikan mewajibkan ada pusat sumber. Luas pusat sumber ini tertakluk kepada jumlah pelajar dan juga kemampuan sekolah tersebut.

■1120

Tanggungjawab Kementerian Pendidikan Malaysia juga sentiasa memberi dan menambahkan buku-buku di pusat sumber ini. Malah seperti mana yang saya telah maklumkan sebentar tadi, tahun ini sahaja sebanyak 620 buah sekolah rendah terlibat dengan pembekalan bahan bacaan dan kita akan teruskan pembekalan ini setiap tahun. Seperti mana yang saya jawab soalan Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah binti Mohamed sebentar tadi, tanggungjawab ini tidak bolehlah semata-mata di bahu Kementerian Pendidikan Malaysia ataupun Kementerian Komunikasi dan Multimedia menjaga perpustakaan. Pusat sumber ini pusat memberi ilmu, pusat memberi bahan bacaan.

Oleh yang demikian saya cadangkan, menyeru, merayu kepada pemimpin-pemimpin dan juga komuniti-komuniti kita di seluruh Malaysia jom kita bersama-sama memberi, menderma buku-buku bacaan kepada anak-anak. Kita boleh memperkasakan lagi pusat sumber dengan memberi sumbangan buku-buku supaya anak-anak kita dapat membaca buku-buku ini di pusat sumber mereka. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

6. **Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian dalam membasmi masalah setinggan di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur dan sejauh manakah keberkesanan pemindahan penduduk setinggan ke kawasan penempatan baru setakat ini.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/ Jaganathan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, sebagai kerajaan yang prihatin terhadap keperluan rakyat, penduduk setinggan

yang mendiami tanah kerajaan dan projek-projek kerajaan yang melibatkan setinggan akan ditawarkan untuk berpindah ke Program Perumahan Rakyat atau PPR atau Rumah Perumahan Awam yang sedia ada dengan sewaan RM124 sebulan. Tiada sebarang pampasan lain diberi kepada setinggan yang terlibat dengan projek kerajaan.

DBKL walau bagaimanapun akan memberi suguhati pemindahan sebanyak RM1,000 kepada setiap keluarga setinggan yang terlibat. Bagi setinggan yang mendiami tanah pemilik swasta, adalah menjadi tanggungjawab pemilik berkenaan untuk menguruskan dan menyelesaikan masalah penempatan semula setinggan berkenaan. Dalam pemindahan setinggan baru-baru ini, kerajaan akan memperuntukkan unit rumah kos rendah dengan keluasan sekurang-kurangnya 750 kaki persegi dilengkapi dengan tiga bilik dan dua bilik mandi dengan harga RM40,000 seunit.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator juga, kebelakangan ini proses pemindahan setinggan menjadi semakin sukar ekoran daripada campur tangan pihak-pihak yang berkepentingan. Walaupun sesi *public engagement* telah diadakan namun terdapat setinggan yang membuat tuntutan yang tidak munasabah seperti wang pampasan yang tinggi, tawaran rumah percuma dan lain-lain tuntutan yang menyebabkan rundingan gagal. Terdapat juga setinggan yang membawa tuntutan mereka ke mahkamah dan menggunakan perintah mahkamah bagi menghalang pihak berkuasa daripada mengambil tindakan terhadap mereka.

Kementerian ini melalui DBKL walau bagaimanapun akan tetap mengambil kira maklum balas daripada penduduk dan berusaha untuk membela penduduk-penduduk yang sentiasa bersama kerajaan kerana kebajikan dan kesejahteraan hidup rakyat merupakan perkara yang kerajaan utamakan. Program pembersihan setinggan akan terus dilaksanakan melalui pendekatan seperti berikut:

- (i) mencegah dan mengawal pertumbuhan setinggan baru melalui penguatkuasaan;
- (ii) mengadakan sesi *public engagement* bersama setinggan yang terlibat dalam projek pembangunan; dan
- (iii) menawarkan pembelian rumah kepada setinggan yang terlibat melalui projek penswastaaan.

Sekian terima kasih.

Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan setinggan ini ialah satu masalah yang dihadapi oleh kementerian bukan sahaja di Wilayah Persekutuan tetapi di seluruh Malaysia pun, semua bandar-bandar besar memang mengalami masalah ini. Akan tetapi soalan tambahan saya ialah untuk setinggan yang ingin berpindah secara sukarela, apakah kemudahan-kemudahan khas yang telah pun disediakan oleh kementerian bagi pihak mereka?

Soalan kedua saya, adakah cara untuk memberikan rumah ini adalah sama dengan orang biasa yang memohon atau ada memberikan satu kemudahan khas untuk golongan setinggan ini yang secara sukarela akan memberi potongan untuk mereka pindah? Terima kasih.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Soalan Yang Berhormat Senator tadi utarakan merupakan satu soalan di mana setinggan yang pindah secara sukarela. Ini saya boleh katakan tidak berlakulah di mana-mana tempat. Setinggan kalau mahu, dia hendak ambil tanah itu jadikan tanah hak dia sendiri. Tidak pernah semasa dalam perkhidmatan ini saya lihat mana-mana setinggan yang datang kepada kami dan mengatakan kami akan keluar secara sukarela.

Kebiasaannya mereka dipaksa. Kami terpaksa menggunakan secara penguatkuasaan supaya mereka keluar dan setelah berunding banyak kali dengan mereka, akhirnya apabila mereka tahu bahawa mereka tidak ada kesempatan lain ataupun jalan-jalan lain, *loophole* lain dengan izin, maka mereka akan berpindah.

Apabila mereka buat keputusan untuk berpindah, kita akan layan mereka seperti satu program kerajaan di mana kita akan beri perhatian kepada mereka. Mereka akan diberi rumah PPR ataupun Projek Perumahan Awam atau PPA dan kita juga memberi mereka sagu hati. DBKL bagi sagu hati RM1,000. Manakala untuk orang-orang yang memohon secara individu untuk mendapatkan ataupun menyewa rumah-rumah PPR ini, mereka terpaksa melalui kriteria pemilihan yang telah ditetapkan. Mereka mempunyai kriteria seperti tahap pendapatan yang ditentukan, mereka terpaksa mempunyai keluarga, mereka ini adalah warganegara dan sebagainya.

Di Kuala Lumpur, kita ada lebih kurang 45,000 permohonan. Kita juga kurang rumah PPR. Oleh itu kita beri keutamaan kepada orang-orang ataupun pemohon-pemohon yang mempunyai kriteria ataupun merit yang tertinggi dan mereka akan ditawarkan. Sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana yang kita tahu kekuatan kita di Wilayah Persekutuan ini hanya ada sedikit sahaja lagi. Kita dapati kekuatan itu datangnya daripada orang-orang Melayu yang mendiami kawasan-kawasan setinggan. Kita juga tahu bahawasanya pada zaman Allahyarham Dato' Haji Harun Idris membawa orang-orang Melayu dari kampung mendiami Kuala Lumpur di kawasan setinggan.

Apa yang saya hendak tanya kepada Menteri pada hari ini, negara kita tahun 2020 sifar setinggan dan akan menjadi negara maju. Apakah kementerian mengambil perhatian dalam soal ini? Setinggan-setinggan yang ada, yang akan dipindahkan dan tanah-tanah itu diambil untuk dibangunkan. Apakah ada jaminan daripada pihak Kementerian Wilayah Persekutuan khususnya untuk menempatkan semula setinggan-setinggan itu di tempat asal mereka ataupun mereka ini diberi tempat lain dan akhirnya menjadi kerugian yang amat sangat kepada kerajaan di Wilayah Persekutuan? Mohon komen daripada Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Di sini ingin saya maklumkan bahawa dalam bancian pada tahun 1998 dan tahun 1999 yang dijalankan oleh Universiti Sains Malaysia, jumlah setinggan di Kuala Lumpur ini merupakan 28,541 orang. Pada masa sekarang ini kita telah berjaya memindahkan 25,640 orang dan jumlah bakinya ialah 2,901 orang. Manakala dalam tanah persendirian kita ada 1,969 unit setinggan.

Kerajaan kita ini memang prihatin dan kita mengambil langkah-langkah untuk memastikan semua setinggan atau tanah yang dibangunkan di kawasan setinggan ini dipastikan bahawa tempat atau kedudukan mereka kembali ke tempat yang sama.

■1130

Oleh itu, dalam program yang kita lakukan baru-baru ini dalam contoh Sentul Raya yang mana kita telah memindahkan setinggan rumah panjang Jinjang ke Bukit Jalil dan kita telah memberi jaminan kepada mereka supaya mereka dapat kembali ke Sentul apabila Program Perumahan Rakyat ini siap di kawasan mereka dalam tiga tahun yang akan datang. Macam itu juga di kawasan Kampung Pandan India yang mana setinggan di sana pun telah dipindahkan ke Bukit Jalil dan sebagainya. Kita juga beri jaminan kepada mereka, mereka dapat kembali ke kawasan tersebut.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

Ini adalah program yang dilaksanakan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan pada masa sekarang untuk menjamin bahawa mereka dapat hidup di kawasan mana mereka selesa. Sekian terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

7. Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff minta Menteri Kesihatan menyatakan, bagaimanakah kementerian mengawal dan memantau penjualan ubat-ubatan, makanan kesihatan dan produk kecantikan yang dijual secara atas talian.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Shahanim. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengambil pelbagai pendekatan dalam usaha mengawal selia laman web dan laman sosial yang menjual produk kesihatan dan kecantikan melalui Bahagian Perkhidmatan Farmasi (BPF). Selain daripada menjalankan operasi serbuan secara berterusan, KKM juga sentiasa memantau kewujudan laman web dan laman sosial dari segi kesahihan produk yang dijual dan pengiklannya. Ini dilakukan bagi melindungi pengguna daripada terjebak dan percaya kepada promosi-promosi dan iklan-iklan yang kebanyakannya sengaja direka tanpa sebarang asas dan bukti saintifik.

KKM menjalinkan kerjasama rapat dengan agensi-agensi penguatkuasaan lain seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, PDRM, KPDNKK dalam usaha mengekang kewujudan laman web dan laman sosial yang dikesan melanggar akta-akta yang dikuatkuasakan oleh KKM. Kerjasama antara agensi ini telah berjaya dilakukan semasa Operasi Pangea yang telah dijalankan setiap tahun semenjak tahun 2012 dan Operasi Storm yang bermula pada tahun 2014. Operasi ini dijalankan secara bersepadu dan melibatkan kerjasama agensi-agensi penguatkuasaan yang lebih daripada 100 negara di seluruh dunia dan dikoordinasi oleh Interpol. Hasil Operasi Pangea VII yang telah dijalankan dari 13 Mei hingga 20 Mei 2014, sebanyak 213 laman web dan 97 laman sosial telah

disiasat dan diambil tindakan. Manakala bagi Operasi Storm V yang dijalankan dari 15 Ogos hingga 14 September 2014, sebanyak 31 laman web lagi telah disiasat dan diambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, KKM juga mengadakan pelbagai aktiviti dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan di kalangan pengguna. Tumpuan diberikan dalam aktiviti penyebaran maklumat dan pendidikan kesedaran tentang kawalan penggunaan dan penjualan ubat dan kosmetik di pasaran serta bagaimana untuk membuat pilihan yang bijak supaya tidak terpengaruh dengan iklan dan promosi penjualan ubat-ubatan atau produk kesihatan secara atas talian. Aktiviti ini melibatkan pameran interaktif yang mana pengunjung didedahkan dengan maklumat terkini berhubung kawalan terhadap produk farmaseutikal di Malaysia dan ditunjukkan sampel produk-produk yang terlarang.

Di samping itu, dialog melibatkan kumpulan pendengar yang berbeza turut dijalankan sama ada melalui media seperti TV, radio ataupun secara khusus kepada pelesen, pengamal perubatan, pengiklan, media dan sebagainya. Aktiviti ceramah turut dijalankan melibatkan segenap lapisan masyarakat daripada pelajar, penjawat awam dan penduduk sama ada di kawasan bandar ataupun di kawasan luar bandar.

Sepanjang tahun 2013, sebanyak 1,439 aktiviti kesedaran dan pengguna telah dijalankan di seluruh Malaysia melibatkan 555 penceramah, 762 pameran interaktif dan 82 sesi dialog dengan menyasarkan pelbagai kategori pengguna seperti penjawat awam, pelajar, badan korporat dan lain-lain. Sehingga bulan Oktober 2014 pula, sebanyak 633 ceramah, 835 pameran dan 68 dialog telah dijalankan dan jumlah aktiviti yang dijalankan ini semakin meningkat dari setahun ke setahun.

Selaras dengan perkembangan semasa Tuan Yang di-Pertua, teknologi terkini turut digunakan dalam menyampaikan maklumat kepada pengguna dengan memuat naik ke dalam laman web rasmi Bahagian Perkhidmatan Farmasi di www.farmasi.gov.my dan laman *Facebook*, Pilih Ubat Berdaftar.

Tuan Yang di-Pertua, KKM bertanggungjawab memastikan semua produk makanan yang dijual mematuhi Akta Makanan 1983 dan peraturan-peraturan di bawahnya. Dari segi kawalan penjualan makanan kesihatan secara atas talian, KKM sedang membangunkan satu mekanisme kawalan keselamatan makanan bagi produk tersebut, Tuan Yang di-Pertua.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memang tidak dinafikan ubat-ubatan, makanan kesihatan dan produk kecantikan yang dijual secara *online* adalah sangat menarik dengan promosi dan tuntutan-tuntutan luar biasa yang diiklankan. Antaranya orang yang hitam boleh jadi putih dalam masa seminggu, yang gemuk boleh jadi kurus, yang kurus boleh jadi gemuk dalam masa seminggu dan harga yang ditawarkan juga ada kalanya lebih murah daripada yang terdapat di pasaran. Saya sendiri berada di Kedah, saya lihat ramai masyarakat dari Kuala Lumpur terutamanya yang masuk ke Danok, yang masuk ke Hatyai di Thailand, membeli produk-produk ini dengan harga saya beri contoh, produk kecantikan muka. Dia beli dengan harga RM3, bila dia jual *online* dalam harga RM20.

Jadi soalan tambahan saya, saya difahamkan kementerian mempunyai Pegawai Farmasi di *front line*, dengan izin atau di setiap pintu masuk negara. Akan tetapi, adakah kementerian mempunyai atau bercadang menyediakan pangkalan data yang boleh diakses oleh pengguna berhubung senarai ubat-ubatan, makanan kesihatan atau produk kecantikan. Ini kerana saya pasti, sebagai pengguna masa kini, tidak dapat menyemak sendiri kesahihan produk yang dijual mahupun status penjualannya. Oleh itu, tiada jaminan bahawa produk terbabit berdaftar dengan kementerian dan dibuktikan selamat, berkualiti dan berkesan kepada pengguna. Saya pohon penjelasan. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Puan Shahanim dia rajin tunggu di sempadan ini. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, sebagai amalan biasa dan memang peraturan sebenarnya, tiap-tiap ubat yang dijual, tiap-tiap produk yang dijual mestilah ada dia punya MAL *number*, ikut lapan angka itu. Yang itu kena ada di kotaknya dan juga hologram kena ada. Kalau tidak ada yang itu maknanya ubat itu ubat tiruan. Setiap vitamin contohnya yang ubat tambahan ini, ia kena juga ada *number* dan tiap-tiap *claim* yang dibuat di atas kotak itu mestilah sama dengan kandungan ubat itu.

Jadi yang ini kita buat *random checking* Tuan Yang di-Pertua. *Random checking* maknanya kita ambil *sampling* memang beribu, beratus ribu sampel diambil setiap tahun untuk di *check* dan kalau didapati apa yang di *claim* atas kotak tidak sama dengan itu, mereka akan dikenakan tindakan. Jadi kalau kita pergi kedai, semak dan setiap kedai ada dia punya *hologram reader* itu, ada. Kalau tidak betul, kita boleh *check* memang tidak betul. Tidak salah kalau kita *check* dan mestilah setiap kali kita hendak beli ubat, beli apa-apa pun, *check* ada nombor hologram dan juga nombor MAL itu. Itu yang paling mudah Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Roslin binti Haji Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya untuk soalan Nombor 7 ialah yang mana baru-baru ini dimaklumkan bahawasanya kerajaan akan mempertingkatkan mutu ubat-ubat di hospital-hospital kerajaan. Saya mohon kepada pihak kementerian untuk memberitahu saya, berapakah syarikat pembekal yang diberi kontrak untuk membekalkan ubat-ubatan, peralatan perubatan dan berapa banyakkah di antara mereka yang mempunyai kilang sendiri. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini lain sedikit Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi tidak apa, saya cuba jawab juga. bekalan ubat kepada kementerian kebanyakannya daripada melalui Pharmaniaga yang telah pun dilantik oleh kementerian untuk membuat bekalan kepada seluruh kementerian.

■1140

Akan tetapi ada syarikat-syarikat yang membekalkan ubat melalui *direct supply* bukan melalui Pharmaniaga, sama ada *central contract* ataupun melalui belian dari hospital itu sendiri. Jadi ada beberapa kategori di situ Tuan Yang di-Pertua. Jadi itu amalan yang telah dibuat Tuan Yang di-Pertua.

8. Datuk Yahaya bin Mat Ghani minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, setelah Ops Qaseh dijalankan, adakah isu gelandangan di ibu kota telah dapat diatasi.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, Ops Qaseh adalah satu nama yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat kepada operasi bersepadu sedia ada di mana ia menunjukkan bahawa operasi ini adalah bagi menyelamatkan pengemis dan bukan menangkap pengemis. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menangani masalah pengemis, orang papa dan gelandangan dengan pendekatan yang berhemah dan prihatin bagi membantu mereka untuk memberikan perlindungan yang sewajarnya.

JKM melaksanakan operasi berdasarkan Akta Orang Papa 1977 di mana pegawai JKM dan PBT diberi kuasa menyelamatkan orang papa yang didapati mengemis atau merayau-rayau. Seksyen 2, Akta Orang Papa 1977 mendefinisikan orang papa sebagai:

- (a) seseorang yang didapati mengemis di sesuatu tempat awam dengan sebegitu cara hingga menyebabkan atau mungkin menyebabkan kegusaran kepada orang-orang yang lazim mengunjungi tempat itu atau hingga mengadakan kacau ganggu; atau
- (b) seseorang peleser yang dijumpai di sesuatu tempat awam, sama ada atau tidak dia mengemis, yang tidak mempunyai mata pencarian pada zahirnya atau tempat tinggal atau yang tidak dapat menyatakan hal dirinya dengan memuaskan.

Gelandangan pula secara umumnya merujuk kepada individu yang bukan sahaja tidak mempunyai pekerjaan tetap atau tempat tinggal tetap tetapi juga kurang fungsinya dalam keluarga atau masyarakat. Mereka terdiri dari penagih dan bekas penagih dadah, arak, pesakit mental, pendatang asing, tiada pekerjaan tetap, bekas banduan dan tidak mempunyai rumah.

Operasi bersepadu yang dijalankan melibatkan pelbagai agensi penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Agensi Antidadah Kebangsaan, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Kesihatan dan lain-lain agensi penguatkuasaan. Operasi ini biasanya diketuai oleh pihak PDRM atau PBT dan dijalankan empat kali setahun atau mengikut keperluan.

Setiap agensi penguatkuasaan yang terlibat akan membuat saringan pengemis dan gelandangan ini untuk diambil tindakan mengikut bidang kuasa masing-masing. Pengemis dan orang papa akan diserahkan kepada JKM. Penagih dadah akan diserahkan kepada Agensi Antidadah Kebangsaan, pendatang asing akan diserahkan kepada Jabatan Imigresen, pesakit mental akan diserahkan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia dan gelandangan yang di dalam proses mencari pekerjaan dan tidak ada tempat tinggal akan dirujuk ke Anjung Singgah dan Jabatan Tenaga Kerja bagi proses selanjutnya.

Selain daripada itu JKM juga menjalankan operasi berkala atau berjadual dan operasi *ad hoc* di setiap daerah bagi menangani masalah pengemis dan kutu rayau. Operasi ini dijalankan sekurang-kurangnya sebulan sekali dan melibatkan agensi-agensi penguatkuasaan di peringkat daerah. Manakala operasi *ad hoc* serta-merta dijalankan segera oleh JKM apabila mendapat aduan daripada individu atau masyarakat berkaitan kewujudan aktiviti pengemis di premis atau persekitaran mereka.

Statistik menunjukkan penurunan jumlah bilangan pengemis atau orang papa yang diselamatkan dalam operasi berkenaan dari tahun ke tahun. Jumlah pengemis dan orang papa yang diselamatkan pada tahun 2011 ialah sejumlah 1,446 orang, tahun 2012 pula menurun kepada 1,223 orang dan tahun 2013 pula menurun kepada 1,048 orang. Sehingga bulan Ogos tahun ini seramai 911 orang telah pun diselamatkan. Sekian, terima kasih.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana memberi jawapan yang cukup panjang saya kira. Soalan tambahan saya, selain daripada memberi kemudahan seperti Anjung Singgah kepada para gelandangan, apakah program-program yang telah dilaksanakan bagi memastikan golongan ini dapat menaikkan taraf hidup mereka dan seterusnya mereka dapat keluar dari kepompong kemiskinan dan tidak lagi tinggal di jalanan.

Keduanya, terima kasih kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) kerana banyak menangani isu ini. Juga terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan kadangkadangkang beliau juga turun ke bawah untuk melihat keadaan ini. Namun seramai mana yang kita pindah, yang kita tolong, yang kita bantu, seramai itu juga lah yang masih ada sebagai gelandangan, peminta sedekah dan sebagainya. Apa cara mekanisme yang terbaik pihak kementerian untuk melaksanakan supaya mereka ini tidak lagi dilihat mencemarkan Kota Raya Kuala Lumpur, terima kasih.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Sebenarnya pengurusan golongan gelandangan ini kita akan ikut keadaan mereka. Kalau penagih dadah kita akan serahkan kepada AADK untuk yang dibawa jagaan kebajikan, pengemis dan gelandangan warganegara Malaysia yang diselamatkan dan akan ditempatkan di Desa Bina Diri. Warga emas yang berumur 60 tahun ke atas diberikan perlindungan di rumah Seri Kenangan. Di kedua-dua Desa Bina Diri dan Rumah Seri Kenangan ini, mereka akan menjalani pemulihan dan latihan kerjaya bagi tempoh tidak melebihi tiga tahun. Mereka turut diberikan rawatan perubatan dan penjagaan kesihatan serta bimbingan kaunseling. Mereka juga diberikan latihan vokasional, pertanian, kraf tangan, bimbingan agama dan juga melibatkan diri dalam aktiviti rekreasi.

Sebenarnya untuk menangani masalah ini, kami telah pun menubuhkan Anjung Singgah dan Anjung Singgah ini kalau kita tengok setakat ini kita ada empat buah Anjung Singgah. Pertamanya di Kuala Lumpur, Johor, Pulau Pinang dan juga di Sarawak. Mereka yang datang ke Anjung Singgah ini, mereka ikut tempat, mereka ada masalah yang berlainan. Kalau untuk kita membuat satu tindakan pencegahan, saya hendak beri satu contoh di sini iaitu Anjung Singgah Sarawak yang mana kita mewujudkan Anjung Singgah di Sarawak ini untuk individu atau kumpulan datang daripada

pendalaman Sarawak dan datang ke Bandar Kuching kerana mahukan pekerjaan dan menyara kehidupan keluarga di kampung.

Dengan mengadakan Anjung Singgah itu, mereka tidak akan datang ke Kuala Lumpur kerana kita *content* mereka berada di Kuching. Selain daripada itu saya hendak berkongsi dengan Ahli-ahli Yang Berhormat masalah gelandangan yang dirujuk ke Anjung Singgah ini kalau kita tengok apa yang di Kuala Lumpur itu, masalah adalah masalah kepesatan urbanisasi dan sosial iaitu golongan gelandangan di Kuala Lumpur kebanyakan terdiri daripada golongan penagih dadah, HIV, penyakit berjangkit dan kesukaran mendapatkan pekerjaan berikutan dengan faktor kesihatan mental serta fizikal dan taraf pendidikan yang rendah.

■1150

Selain itu, taraf kos hidup yang terlalu tinggi berbanding dengan pendapatan yang diperoleh atau kes terdampar juga penyebab kepada isu gelandangan kerana datang ke bandar raya untuk mencari pekerjaan demi mendapatkan pendapatan. Oleh itu, ikut masalah mereka, ikut keperluan mereka, kita mesti adakan pendekatan yang berlainan. Ini bukan satu masalah yang boleh diatasi hanya dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Kita perlukan kerjasama beberapa pihak seperti rakan utama kita iaitu PBT dan juga NGO-NGO yang mampu dan sukarela untuk beri bantuan kepada mereka. Terima kasih.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat Menteri, apakah Ops Qaseh ini akan diteruskan di bandar-bandar lain seperti di Johor Bahru dan juga di Pulau Pinang? Ini kerana gelandangan di bandar-bandar besar ini memang semakin hari semakin ramai dan semakin kuat bergelandangan. Terima kasih.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Yang Berhormat, seperti apa yang saya telah sebut tadi itu, kita memang mengadakan operasi sekurang-kurangnya empat kali setahun, iaitu operasi yang telah ditetapkan. Selain daripada itu, kita juga ada operasi secara *ad hoc* dan juga operasi apabila kita ada dapat aduan. Operasi ini bukan sahaja kita akan mengadakan di tempat-tempat bandar raya tetapi di seluruh negara, sekiranya ada keperluannya. Terima kasih.

9. **Dato' Khairudin bin Samad** minta Menteri Pendidikan menyatakan, status pertuduhan kes kebocoran kertas soalan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) 2014 September lalu dan apakah langkah strategik kementerian dalam memartabatkan semula imej dan kualiti kawalan keselamatan bagi setiap peperiksaan bertaraf nasional.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Khairudin atas soalan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin mengucapkan terima kasih atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam isu soalan bocor UPSR. Sehubungan dengan itu Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab bersekali pertanyaan lisan yang berhubung kait dengan perkara ini yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat pada hari ini. Pertanyaan tersebut ialah pertanyaan nombor 9 oleh Yang Berhormat Senator Dato' Khairudin bin Samad dan juga Yang Berhormat Senator Dato' Lim Nget Yoon, nombor 12.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kejadian kebocoran kertas peperiksaan ini amat mendukacitakan semua pihak. Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah membuat laporan polis supaya siasatan menyeluruh dapat dilakukan dengan serta-merta. Kementerian Pendidikan Malaysia yakin pihak berkuasa akan dapat merungkai punca berlakunya kebocoran kertas peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) tersebut dengan mengambil tindakan sewajarnya mengikut lunas perundangan yang sedia ada.

Kementerian Pendidikan Malaysia tidak akan sama sekali berkompromi dengan mana-mana pihak terlibat dan bertanggungjawab dalam perkara ini. Kita akan mengambil tindakan ke atas pegawai Kementerian Pendidikan Malaysia jika mereka disabitkan bersalah oleh pihak berkuasa mengikut Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menubuhkan satu jawatankuasa bebas untuk mengenal pasti kelemahan dan ruang-ruang ketirisan pengurusan dan pengendalian kertas peperiksaan yang boleh dimanipulasi oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Yang Arif Tun Zaki Tun Azmi. Jawatankuasa ini ditubuhkan pada bulan September 2014. Dalam tiga bulan ini Tuan Yang di-Pertua, jawatankuasa ini telah bermesyuarat 17 kali termasuk lawatan-lawatan ke sekolah-sekolah untuk memantau secara peribadi dan terperinci semua aspek. Malah, semalam saya dimaklumkan bahawa satu Laporan Interim pun telah dibentangkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri. Jawatankuasa ini dipertanggungjawabkan untuk meneliti semula dengan izin, *standard operating procedure* bagi pengendalian dan pengurusan peperiksaan awam serta proses kerja berkaitan dan seterusnya menyediakan cadangan penambahbaikan yang bersesuaian.

Selain itu, Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah melaksanakan rombakan dan penempatan pegawai-pegawai bagi memantapkan lagi pengurusan dan pengendalian peperiksaan awam ini. Di samping itu, Kementerian Pendidikan Malaysia juga turut mengambil langkah-langkah mengetatkan lagi semua aspek keselamatan di setiap peringkat pengurusan peperiksaan awam. Setiap individu yang terlibat secara langsung dalam proses pengurusan peperiksaan perlu menjalani tapisan keselamatan dan diwajibkan menandatangani surat akuan Akta Rahsia Rasmi 1972 seperti mana yang ditetapkan dalam *standard operating procedure*, dengan izin, yang sedia ada.

Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah melengkapkan pemasangan kamera litar tertutup ataupun CCTV di semua bilik kebal seluruh negara sebagai langkah penambahbaikan pemantauan dan keselamatan bahan peperiksaan.

Beberapa langkah jangka pendek termasuklah memendekkan tempoh penyimpanan di bilik kebal dan penghantaran kertas soalan ke bilik kebal sebelum peperiksaan bermula serta memantapkan lagi pengurusan krisis ataupun *crisis management*, dengan izin, sedia ada untuk bertindak serta-merta apabila berlaku sebarang kemungkinan yang tidak diingini. Langkah ini dijangka

mampu untuk menangani masalah kebocoran kertas peperiksaan seiring dengan kecanggihan teknologi pada masa kini.

Kementerian Pendidikan Malaysia ingin menegaskan bahawa peperiksaan awam dilaksanakan mematuhi *standard operating procedure* pengendalian peperiksaan awam. Walau bagaimanapun, saya ingin menarik perhatian Ahli Yang Berhormat bahawa sebaik mana pun prosedur operasi standard yang sedia ada, keselamatan pengendalian peperiksaan ditambah baik dan diperketat, soal yang paling penting ialah 3S iaitu kejujuran, amanah dan integriti individu yang akan menentukan perkara seperti ini tidak akan berlaku lagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kerana masa tidak mengizinkan, saya minta maaf Yang Berhormat. Waktu telah menunjukkan dan kita banyak lagi perbincangan yang terpaksa kita lakukan. Maka, setakat itu sahajalah soalan-soalan lisan kita buat pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab lisan tamat.]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2015

Bacaan Kali yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang"

[10 Disember 2014]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada lima minit lagi Yang Berhormat. Silakan.

11.58 pg.

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam Bajet 2015, kerajaan mengumumkan akan mempermudah kemudahan cuti menjaga anak selama satu tahun tanpa terikat dengan cuti bersalin kepada semua kakitangan wanita penjawat awam. Wanita ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Cuma dalam pengumuman ini, kerajaan belum lagi memberikan kaedah pelaksanaan dan bagaimana kemudahan ini tertakluk. Ramai tertanya-tanya, adakah senioriti perjawatan akan terjejas ekoran pengambilan cuti ini? Justeru itu, JPA perlu memberi garis panduan secara jelas akan isu senioriti ini, hak emolumen dan perkiraan pencen atau faedah jika sekiranya penjawat awam wanita mengambil cuti menjaga anak bermula tahun 2015.

Seterusnya untuk wanita juga, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan kerana amat serius menangani isu

perumahan mampu milik rakyat. Kejayaan kementerian dalam memperkenalkan skim Rumah Transit Belia memang dipuji kerana benar memberi manfaat kepada golongan sasaran.

■1200

Saya ingin mencadangkan agar jangan lupa isu perumahan bagi wanita seperti ibu tunggal dan wanita tidak berpasangan yang kurang mampu. Mereka ini juga memerlukan pembelaan kerajaan. Jadi, saya berharap agar program pembinaan rumah mampu milik akan diberi keutamaan juga kepada golongan ibu tunggal dan wanita tanpa pasangan agar keperluan perumahan mereka dapat kita tangani sepenuhnya.

Perkara yang ketiga, semenjak kes banjir lumpur kali kedua di Cameron Highlands, selain faktor iklim, kita meragui setakat manakah perundangan *statutory* yang ada untuk mengurangkan aktiviti penerokaan tanah haram yang menyebabkan sungai cetek dan berisiko banjir kilat apabila hujan lebat seolah-olah telah menjadi acara tahunan. Saya amat tersentuh apabila Yang Berhormat Dato' Seri Shahidan bin Kassim selepas melawat kawasan Cameron Highlands menggunakan perkataan-perkataan hancur. Ini bererti perkara ini amat serius sekali. Begitu juga di sekitar bandar atau Lembah Klang, banjir kilat berlaku kerana kontraktor projek infrastruktur seperti projek MRT gagal menyediakan langkah komprehensif menangani risiko banjir kilat kerana kekangan sistem perparitan dan saluran di sekitar kawasan projek mereka.

Di sini saya mohon penjelasan dari Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Pertama, kerana kesulitan dari segi kerja sama dengan pelbagai agensi peringkat Pusat dan negeri serta PBT bagi memastikan kualiti alam sekitar terpelihara dari risiko banjir kilat dapat dielakkan sepenuhnya. Apakah perlu satu bentuk peraturan-peraturan baru di bawah kuasa Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar bagi menguatkuasakan secara efektif, tegas dan tanpa kompromi dengan mewakilkan kuasa penguat kuasa beberapa peruntukan yang termaktub di bawah Akta Kualiti Alam Sekitar 1970.

Kedua, apakah kekangan utama Jabatan Pengairan dan Saliran sama ada dari segi peruntukan bajet, tambatan banjir, sistem saluran atau kuasa penguatkuasaan atau strategi penguatkuasaan dengan kerjasama pihak berkuasa negeri dan pihak berkuasa tempatan. Saya mohon pencerahan.

Saya juga mohon agar Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri serta PBT duduk semeja untuk mengkaji sama ada perlukah satu pindaan ataupun akta baru yang perlu diwujudkan untuk menangani masalah hakisan yang telah berlaku sekarang. Di sini saya juga mohon bertanya sama ada Akta Pemuliharaan Tanah 1960 masih relevan kerana daripada kejadian hakisan yang kerap berlaku sekarang, seolah-olah akta ini tidak dipedulikan. Di dalam akta ini, dia adalah khusus berkaitan dengan pemuliharaan bukit dan perlindungan daripada hakisan tanah dan larian kelodak. Di sini dia ada penalti iaitu RM5,000 dan penjara sehingga enam bulan. Memang jumlah yang sikit ini, sesiapa pun boleh membayar denda. Saya harap perkara ini perlu *review*, kajian semula.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada satu minit lagi.

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: Kita tidak mahu perkara ini berlaku di hadapan kita setiap hari.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada lagi. Satu lagi perkara Tuan Yang di-Pertua ialah saya juga ingin menyentuh mengenai isu jabatan penguatkuasaan menggunakan platform kerjasama dengan badan kebajikan sosial untuk menganjur seminar rasmi jabatan. Saya mendapat maklum Jabatan Alam Sekitar menganjurkan Seminar Penerangan Akta dan Peraturan Baru Udara Bersih 2014 dan papan iklannya dibuat di laman web rasmi jabatan. Ini merupakan isu integriti yang tidak boleh kita biarkan. Apakah perlu penglibatan kelab sukan dan kebajikan mengutip fi peserta sedangkan fungsi rasmi jabatan menyampaikan urusan rasmi mengenai peraturan jabatan atau akta caj dikutip oleh kelab sukan dan kebajikan.

Justeru itu, saya mohon agar JPA menyemak semula Pekeliling Bil.3, Tahun 1998 terutama peraturan 21, 22 dan 23 mengenai peraturan penerimaan hadiah atau pembiayaan aktiviti kelab sukan dan kebajikan dikuatkuasakan sepenuhnya. Saya mencadangkan agar semua jabatan kerajaan yang menganjur seminar mengenai urusan rasmi, yang dilarang menggunakan kerjasama kelab diberhentikan. JPA diharap dapat mengeluarkan pekeliling dan Suruhanjaya Integriti dan sila siasat kes-kes penggunaan kerjasama kelab ini dengan segera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya minta maaf kerana kita nampak hari ini hari terakhir, saya cuba beri peluang kepada semua berbahas. Tanpa membuang masa, saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus.

12.05 tgh.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam.*

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kerana diberi peluang untuk turut bercakap dalam perbahasan belanjawan negara 2014 ini. Mungkin ini ialah ucapan panjang saya yang terakhir sebagai Ahli Dewan Negara. Saya harap ini hanya ucapan yang terakhir sebagai di penghujung kerjaya sebagai Senator, tidak merupakan ucapan terakhir di penghujung umur mudah-mudahan.

Gaya dan nada kandungan ucapan ini Tuan Yang di-Pertua, mungkin agak berbeza sedikit berbanding dengan ucapan-ucapan saya selama enam tahun yang lalu. Enam tahun lamanya saya diberi penghormatan sebagai sebahagian dari badan perundangan yang tertinggi di negara yang tercinta ini. Saya sedar khidmat bakti yang saya beri tidak setara, malah jauh lebih rendah daripada pelbagai ganjaran dan keistimewaan yang saya terima. Saya bersyukur kepada Allah SWT atas segala rahmat dan kurnia-Nya itu. Saya berterima kasih kepada kepimpinan tertinggi negara termasuk kepada Tuan Yang di-Pertua atas kepercayaan, kehormatan dan keistimewaan yang diberi.

Tuan Yang di-Pertua, tumpuan utama ucapan saya dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2015 ini berkisar sekitar topik atau tema pembinaan negara bangsa atau dengan izin, *nation building*. Saya ingin menghubungkan topik pembinaan negara bangsa ini dengan

pemahaman dan penghayatan wawasan dan visi pemimpin-pemimpin kita yang terdahulu terutama Allahyarham Tun Abdul Razak.

Saya ingin berhujah bahawa kita telah gagal memasyarakatkan pelbagai visi dan wawasan yang dicetuskan oleh para pemimpin kita, termasuk wawasan atau seruan untuk merubah sikap. Malah, Mantan Perdana Menteri Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir bin Mohamad sendiri mengakui di penghujung jawatannya sebagai Perdana Menteri bahawa dalam satu *interview* dengan *Mingguan Malaysia*, Tun Dr. Mahathir mengakui bahawa salah satu kegagalannya selama 22 tahun menjadi Perdana Menteri ialah kegagalan merubah sikap dan mentaliti masyarakat Melayu. Kita juga kurang tegas dan kurang proaktif dalam memasyarakatkan dan melaksanakan pelbagai dasar kebangsaan yang telah dirumuskan. Itulah antara punca kenapa kita dalam membina negara bangsa itu masih jauh daripada berjaya.

Saya ingin berhujah bahawa dari segi pembangunan ekonomi dan hal ehwal kebendaan negara kita berdiri di barisan terhadapan di kalangan negara-negara yang mencapai kemerdekaan selepas perang dunia yang kedua. Infrastruktur sosial atau kemudahan-kemudahan awam, gedung-gedung yang mencakar langit dan jalan-jalan raya yang panjang terentang serta lapangan terbang yang anggun dan canggih, semuanya setanding dan setara, malah melebihi sesetengah negara maju di dunia ini. Kemudahan mencari rezeki dan nafkah hidup di bandar-bandar kecil dan besar, di kebun-kebun kelapa sawit dan di puncak-puncak bukit termasuk di Cameron Highlands telah menyebabkan watan kita dikerumuni oleh jutaan orang-orang asing dari serata benua, baik yang datang secara halal atau yang menyeludup secara haram.

■1210

Mereka berpusu-pusu datang ke negara kita untuk mencari kehidupan yang selesa yang gagal mereka peroleh di negara asal mereka masing-masing. Semua itu adalah tanda-tanda dan bukti kejayaan pembangunan kita di bidang material dan kebendaan. Akan tetapi sayang di bidang pembinaan negara bangsa dan jati diri nasional serta perpaduan kaum dan semangat kekitaan sebagai warganegara yang diikat dan diakadkan oleh satu Perlembagaan, kita masih tertinggal jauh ke belakang.

Masih terlalu banyak yang tidak menghayati semangat dan roh Perlembagaan, malah ramai yang mengingkari dan memungkari kandungan-kandungan tertentu dalam Perlembagaan itu. Adalah satu perkara yang sangat memalukan dan memilukan bila kita baca di akhbar-akhbar tentang anak-anak muda berumur belasan tahun, lahir dan besar di negara ini, mendapat segala kemudahan hidup termasuk makan, minum dan tidur serta pelbagai kemudahan yang lain tetapi tidak tahu bertutur dalam Bahasa Kebangsaan.

Ini mungkin ada kaitannya dengan sistem persekolahan kita yang pelbagai aliran oleh Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi sendiri Menteri Dalam Negeri sekarang mengatakan sistem itu adalah sistem yang cacamarba. Saya mendengar sendiri ucapan Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi itu di Kuala Terengganu kira-kira tujuh tahun yang lalu. Akan tetapi selain dari itu yang lebih menjijikkan lagi ada pula sesetengah kumpulan yang mempersendakan

lambang-lambang suci kebangsaan seperti lagu kebangsaan, bendera negara dan ada pula dengan sengaja melakukan pelbagai bentuk provokasi, mempersendakan isu-isu sensitif yang boleh mencetuskan rusuhan kaum atau keganasan etnik. Ini adalah sebahagian daripada tanda-tanda kegagalan kita membina sebuah negara bangsa yang kita impikan itu.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin bercakap mengenai isu penting yang sifatnya mempunyai implikasi yang amat serius dan menjadi penghalang kepada perpaduan nasional dan pembentukan sesebuah negara bangsa itu. Isu yang saya maksudkan ialah sekolah pelbagai aliran yang menjadi ibarat duri dalam daging dalam persefahaman kaum di negara ini. Saya ingin memulakan pandangan tentang sekolah pelbagai aliran ini dengan beberapa rangkap pantun.

*Sistem sekolah satu aliran,
Wahana perpaduan pelbagai kaum,
Jika sungguh cintakan watan,
Beljarlah di bawah satu bumbung.*

*Bukan beruang sebarang beruang,
Beruang tidur beruang betina,
Jurang bukan sebarang jurang,
Jurang sosial membawa bencana.*

*Jurang akademik jangan diabai,
Jurang ekonomi turut terlibat,
Bagaimana perpaduan akan tercapai,
Jika sekolah berlainan tempat.*

*Antara kaum dan sesama kaum,
Banyak jurang semakin lebar,
Walau harimau belum mengaum,
Di dalam sekam api membakar.*

Banyak yang tersirat di sebalik yang tersurat itu Tuan Yang di-Pertua. Selanjutnya mengenai sekolah pelbagai aliran ini. Ada beberapa petikan daripada ucapan para pemimpin yang ingin saya berkongsi bersama di sini. Tadi saya menyebut tentang Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi menyifatkan sistem kita sekarang sebagai sistem cacamarba. Ini tidak terbatas kepada pemimpin-pemimpin Melayu sahaja. Kira-kira tujuh tahun yang lalu pemimpin atau Ketua Parti Kemajuan Rakyat (PPP) Datuk M Kaveas juga mengusulkan supaya kita menjadikan sistem pelajaran di negara ini, sistem pendidikan di negara ini menjadi satu sistem satu aliran.

Yang Berhormat Dato' Razali Ibrahim Menteri di Jabatan Perdana Menteri sekarang juga menyuarakan hal yang sama beberapa waktu yang lalu. Ketua UMNO Bahagian Petaling Jaya berura-ura supaya perkara ini dibincangkan dalam Perhimpunan Agung UMNO yang lalu. Akan tetapi kerana desakan-desakan tertentu harapan daripada Ketua UMNO Petaling Jaya ini tidak terlaksana. Semua ini membuktikan bahawa ini ialah, "*Duri dalam daging*" dalam usaha kita membentuk sebuah negara bangsa itu.

Oleh kerana itu saya rasa Tuan Yang di-Pertua perkara ini mestilah dihadapi dengan penuh keberanian dan pengorbanan. Kita bertanya kenapa sebahagian masyarakat China mempertahankan

sistem ini? Adakah kerana ingin mempertahankan kecinaannya atau merasa terlalu angkuh dengan segala kelebihanannya dan ingin mempertahankan hak eksklusifnya, kerana apa? Adakah kerana sekolah Cina itu terlalu unggul?

Tuan Koh Chin Han: Yang Berhormat, saya ingin mencelah.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Duduk dahulu, tidak habis lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, hendak beri laluan atau tidak?

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya tidak memberi laluan. Saya ingin teruskan bercakap.

Tuan Yang di-Pertua: Minta maaf Yang Berhormat. Peraturan itu, itulah keadaannya.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Untuk mempertahankan hak eksklusif mereka. Saya rasa Tuan Yang di-Pertua okeylah kerana orang Cina terlalu ingin, terlalu ghairah ingin mempertahankan sekolah aliran Cina ini, saya ingin mencadangkan supaya perkara ini kita lihat dengan lebih berani. Saya mencadangkan okeylah dibuat satu kajian, kita sedia mengekalkan sistem pelajaran pelbagai aliran termasuk aliran bahasa Cina ini tetapi dengan satu syarat.

Syaratnya ialah supaya seluruh aliran persekolahan di negara ini mestilah dipopulasikan, mestilah menampung pelbagai kaum secara profesional. Kekalkan sekolah Cina, okeylah kerana beria-ia sangat hendak mengekalkannya tetapi segala keistimewaan, segala keunggulan, segala eksklusif dalam sekolah Cina itu haruslah dikongsi bersama. Dikongsi bersama dengan kaum-kaum lain di negara ini secara profesional. Saya percaya barangkali sebahagian orang Melayu sendiri pun tidak setuju tetapi saya hanya minta supaya kerajaan memikirkan kemungkinan ini. Kalau tidak seperti yang saya katakan sekarang api di dalam sekam sedang membara.

Dengan itulah saya minta supaya perkara ini diberi perhatian yang sungguh-sungguh. Itulah, barangkali perkara ini boleh dilanjutkan lagi Tuan Yang di-Pertua tetapi saya rasa saya tidak mahu mengambil masa terlalu panjang. Cuma, selain daripada itu yang saya ingin rujuk ialah tentang keperluan kita memperkasakan kembali pelbagai dasar-dasar kebangsaan dan menghormati simbol-simbol Kebangsaan. Seorang pegawai polis pernah *complaint* kepada saya, pernah bersungut kepada saya. Kenapa katanya, kata pegawai polis ini kita terlalu memperlekehkan bendera-bendera kecil. Ertinya di zaman perayaan kemerdekaan, bendera-bendera senegara bersepah di serata tempat sedangkan itu adalah lambang negara.

Ertinya ada yang menjadikan bendera tempat duduk, ada yang membiarkan bendera bersepah di tengah jalan bila diterbangkan di dalam kereta. Oleh kerana itu, saya minta supaya perkara ini diberi perhatian yang sungguh-sungguh supaya penghormatan terhadap bendera ini benar-benar kita lakukan. Selain daripada itu, saya rasa juga perlu kita meremajakan kembali, menggunakan istilah yang *famous*, yang popular di Perhimpunan Agung UMNO yang lalu. Meremajakan kembali pelbagai dasar-dasar nasional sebab apa sahaja yang kita lakukan sebenarnya pembangunan bajet tahunan, rancangan lima tahun, rancangan jangka panjang sebenarnya kita gubal dan kita laksanakan berdasarkan dasar-dasar nasional.

Kira-kira 10 tahun yang lalu, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) mengeluarkan buku ini, *'Dasar-dasar Pembangunan Malaysia'*. Akan tetapi ternyata sekarang banyak dari dasar-dasar ini yang dilupakan oleh banyak orang terutama kepada pemimpin-pemimpin yang strategik kedudukannya. Saya tidak tahu berapa orang di antara pemimpin-pemimpin kita yang faham, mengerti apa dia, dengan izin, *denial strategic challenges* dalam Wawasan 2020. Sedangkan sewaktu Wawasan 2020 dilancarkan kira-kira 20 tahun yang lalu, saya ingat waktu itu, seorang rakan saya sendiri yang telah pun menjadi Almarhum, waktu itu dia menjadi Naib Presiden 'Pakatan Rakyat' tidak salah saya, Allahyarham Rustam A. Sani, anak seorang nasionalis Melayu Ahmad Bustamam bekerjasama dengan Tun Dr. Mahathir memasyarakatkan Wawasan 2020 sehingga ideologi, pandangan kenegaraan mengenai Wawasan 2020 itu menjadi merata difahami.

■1220

Akan tetapi perkara yang seperti ini sekarang tidak dilakukan lagi. Itu hanya satu contoh Tuan Yang di-Pertua tetapi banyak perkara yang lain termasuk umpamanya Dasar Bahasa Kebangsaan. Kenapa sesetengah orang yang lahir di negeri ini, yang menghirup udara di negeri ini tidak tahu fasal Bahasa Kebangsaan? Bagi saya, ini adalah kegagalan kita memasyarakatkan, melaksanakan Dasar Bahasa Kebangsaan. Oleh kerana itu perlulah peremajaan kembali itu. Saya katakan begitu Tuan Yang di-Pertua, sesuai dengan pandangan sahabat saya, Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki dalam buku beliau, *'Politik Islam dan Melayu'*.

Dalam satu halaman dalam buku ini, Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki mengatakan, *"Sesungguhnya setiap dasar pembangunan yang direncanakan walau sehebat mana sekalipun tidak akan membawa apa-apa makna jika tersisa segelintir manusia yang cuma berfikir dalam kerangka untuk mengaut keuntungan diri dengan melakukan pelbagai bentuk penyimpangan dan penyelewengan"*. Ertinya Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf sendiri menyedari peri perlunya pelbagai Dasar Nasional itu di remajakan, direjuvinasikan, pelbagai, bukan sesuatu perkara sahaja. Untuk itu barangkali saya mencadangkan supaya kalau ada orang UMNO di sini, jadikan buku ini sebagai buku...

Beberapa Ahli: Ada.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: *[Menunjukkan sebuah buku]* Saya minta supaya buku ini dijadikan buku rujukan untuk kursus-kursus politik UMNO supaya mendewasakan pemikiran orang UMNO, mudah-mudahan. So, janji ya? Diberikan sahaja pun tidak guna. Diberi, dibaca, dihayati dan dilaksanakan dan amalkan. Saya rasa buku ini memang satu buku yang cukup bagus, lebih bagus daripada buku saya yang bernama *'Cermin Belakang'* yang juga diedarkan dalam Perhimpunan Agung UMNO tahun lalu. Akan tetapi kalau buku saya dengan buku Dato' Dr. Asyraf hendak di sekalikan membacanya, baik sangatlah mudah-mudahan... *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya saya ingin menyarankan pandangan saya, menyuarakan pandangan *political economy* saya terhadap Bajet 2015 ini dalam bentuk puisi kalau Tuan Yang di-Pertua izinkan. Ia puisi tetapi kandungannya ialah *political economy* yang membahaskan secara puitis.

Tuan Yang di-Pertua: Kita tahu Yang Berhormat ahli sajak, ahli puisi, silakan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih. Pertama sekali kita terpaksa mengakui kejayaan kita. Untuk itu ada dua rangkap pantun enam kerat.

*Banyak sudah kemajuan dicapai,
Berkat kesedaran semangat muafakat,
Serta amalan tegur-menegur,
Tetapi perjuangan belum selesai,
Kuatkan terus azam dan tekad,
Janganlah luntur, janganlah kendur.*

*Dongeng Pak Kaduk dan Lebai Malang,
Cerita Mat Jenin serta Si Luncai,
Tamsil nasihat satu amaran,
Jangan berulang nasib yang malang,
Tebuslah segera warisan tergadai,
Tingkatkan daya penguatkuasaan.*

Sesuai dengan saranan Dato' Dr. Asyraf Wajdi di sini... [*Menunjukkan sebuah buku*] Itu pantun. Saya rasa ada puitis dan sekali gus mempunyai nilai-nilai *political economy*. Selanjutnya saya tidak akan memakan masa yang terlalu panjang Tuan Yang di-Pertua tetapi saya berasakan mempunyai tanggungjawab moral untuk membacakan tiga sajak didedikasikan satu kepada Tun Abdul Razak, satu kepada Tun Abdullah Ahmad Badawi, satu kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib.

Kepada Tun Razak, kita berterima kasih kepada beliau. Jasanya amatlah banyak. Kalau hendak ditulis buku berjilid-jilid pun, tidak akan habis, tidak akan selesai tetapi kalau dirangkumkan dalam sebuah sajak menurut pepatah orang-orang Minangkabau Tuan Syed Shahir. Katanya, '*Dilipat sekecil kuku, dikembang selebar alam*'. Ertinya jasa Tun Razak itu, sebut sahaja jasa Tun Razak, itu maknanya lipat sekecil kukuh tetapi hendak dikembang selebar alam, tidak akan habis masa. Kata orang, '*Bercakap malam berhabis minyak, bercakap siang berhabis hari*'. Untuk itu, saya ingin membacakan puisi kepada Tun Razak ini. Terima kasih Tun Razak.

*Jika semua jasa hendak dikenang,
Dan segala bakti hendak disebut,
Ke manakah kata-kata hendak dicari,
Carilah ke rongga-rongga dada yang tulus,
Dengan seribu kamus,
Carilah ke lubuk hati takrif terima kasih.*

*Tun Razak,
Ingatlah kami jika terlanjur,
Maafkanlah mereka yang tidak tahu bersyukur,
Kekaguman dan terima kasih kepada mu tuan,
Adalah alam luas yang tidak terbatas,
Kerana wawasan dan dedikasi mu,
Adalah puncak tinggi tak terdaki,
Adalah lautan dalam tak terselam,*

*Untuk membangkitkan kembali satu bangsa,
Menebus martabat menebus maruah.*

*Tun Razak,
Wariskanlah kepada kami,
Kearifan tuan melihat yang tersirat,
Memahami makrifat serta mentafsir hakikat.
Kami ingat tuan sebagai bapa pembangunan,
Yang senantiasa mendengar jeritan dan rintihan rakyat,
Dalam gema soalan-soalan minta dijawab.
Apa guna politik merdeka jika ekonomi melarat.
Apa guna menang sorak jika kampung tergadai.
Alangkah malang itik di air mati tak minum.
Alangkah malang ayam di kepek mati tak makan.*

*Tun Razak,
Soalan-soalan itu amatlah getir,
Amatlah pahit dan amatlah menghiris.
Lalu tuan beri jawapan yang tegas dan yakin,
Serta tindakan bijaksana seorang pemimpin.
Maka berkobarlah semangat pembangunan,
Dengan seruan bekerja dari subuh ke senja.*

*Jangan biarkan tanah terbiar,
Tukarkan RIDA menjadi MARA,
Lengkapkan FELDA dengan FELCRA.
Jangan lelehkan air mata,
Tetapi perahlah keringat untuk menjunjung amanah rakyat.
Pastikan pembangunan mesti berkembang.
Pastikan pengagihan mesti seimbang.
Kami ingat tuan sebagai juru bicara dasar pendidikan,
Meletakkan asas kukuh jangan dianjak,
Minda dan mental mesti berkembang,
Moral dan budi mesti mulia,
Kemahiran dan teknologi mesti meningkat,
Tetapi maruah bangsa dan jati diri adalah syarat, adalah matlamat.
Tuan telah meletakkan asas pembinaan bangsa,
Bermartabat dengan acuan sendiri.
Dasar Bahasa Kebangsaan.
Dasar Pendidikan Kebangsaan.
Dasar Kebudayaan Kebangsaan dan
Dasar Ekonomi Baru.
Dirgahayu, dirgahayu, dirgahayu.*

*Dari dalam lahad mu Tun Razak,
Kami dengar pesan dan amanat,
Dasar-dasar yang tuan asas dan letak,
Jangan ditukar jangan dianjak,
Kerana semuanya adalah amanat keramat,
Pesanan sakti para luhur,
Menjunjung maruah dan martabat,
Menuju masyarakat yang adil membina negara yang makmur.*

*Tun Razak,
Ingatkanlah kami jika terlanjur,
Atas jasa mu tuan kami menjunjung kasih,
Kami bersyukur.*

Itu kepada Tun Razak Tuan Yang di-Pertua. Ini kepada Tun Abdullah Ahmad Badawi yang juga ada hubungan dengan *political economy* dan pembinaan negara bangsa. Judul sajaknya 'SMS kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi'. Sewaktu itu beliau masih Datuk.

*Fakir yang daif hendak bermadah,
Berkirim pesanan dengan SMS,
Meluahkan perasaan kepada Pak Lah,
Dalam gelora semangat GPMS.*

*Telah bermadah pujangga Shakespeare,
Heavy is the head that wears the crown,
Demikian pula kata pepatah Melayu,
Betapa berat mata melihat,
Bahu memikul merasakannya berganda-ganda lebih berat.
Sesungguhnya beban yang Dato' Seri pikul kini,
Beratnya tiada terperi,
Ke manakah azimat dan kekuatan hendak dicari.
Saya teringat tokoh-tokoh terpuji,
Dan saya yakin begitu juga Dato' Seri.*

■1230

*Dato' Seri punya azimat,
Ajaran dan Nur Muhammad punya pedoman,
Diwarisi amanat Aminuddin Baki punya strategi,
Bertindak akal budi Tun Abdul Razak.*

*Itulah tokoh-tokoh memandu arah tuju,
Di samping pengalaman masa lalu,
Serta alam luas sumber segala guru.*

*Sewaktu SMS ini hendak ditulis,
Saya teringat kisah Nabi Muhammad di Jabal Qubis,
Memikul amanat yang amat berat,
Membanteras khurafat dan segala yang sesat,
Memimpin umat ke siratul mustakim,
Membawa cahaya ke seantero benua dengan bijaksana,
Tabah dan sabar.*

*Bukankah dari sana Dato' Seri mengambil iktibar
Mencari pedoman di setiap persimpangan,
Di setiap pendakian,
Mencari kekuatan tatkala beban semakin berat.
Tali apakah yang hendak dipegang,
Selain tali Allah serta tali Muhammad,
Semasa laut berombak dan bergelombang,
Semasa cabaran menerjang dan setiap penjuru.*

*Sewaktu kata-kata disusun untuk SMS ini,
Saya teringat sendu Aminuddin Baki,
Jasadnya kini telah berpadu dengan bumi
Tetapi arwahnya mungkin sedang mengawasi kita,
Dan mungkin masih tertanya-tanya di alam barzakh,
Kiranya ayam di kepuk dan itik di sumur,
Masih diancam bahaya kebulur,
Tentu kita akan menjawab tidak.*

*Akan tetapi apakah jawapan itu mutlak,
 Dalam dunia yang terus bergolak,
 Dan watan warisan diancam perompak,
 Dengan musuh-musuh di darat dan di laut,
 Di hadapan mata dan di dalam selimut.*

*Jawapan mutlak memang susah diberikan,
 Tetapi soalan Allahyarham hanya sekadar mengingatkan,
 Atau mungkin arwah Aminuddin Baki,
 Sedang tersenyum bangga daripada alam barzakh,
 Memerhati Dato' Seri kini berada di puncak kuasa,
 Meneruskan perjuangan yang belum selesai,
 Memikul amanah, menebus warisan tergadai.*

*Waspadalah kita daripada alam barzakh arwah Aminuddin Baki tetap mengintai.
 Setelah membaca SMS ini
 Dato' Seri akan terus diburu masa,
 Jutaan harapan oleh jutaan yang berharap,
 Akan terus mendesak,
 Dan dalam kesyukuran mencari damai abadi,
 Dato' Seri akan terus berbakti,
 Untuk kesentosaan yang seimbang,
 Satu bangsa yang cemerlang untuk kecemerlangan yang abadi,
 Satu negara yang terbilang untuk keterbilangan yang mithali,
 Satu tamadun yang gemilang.*

*Demikian lah SMS ini diutus,
 Dengan semangat GPMS yang tulus
 Dengan kesetiaan dan salam akrab.
 Semoga semua doa makbul dan berkat.
 Selamat maju jaya Dato' Seri Yang Berhormat.
 Wabillahitaufik wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Ini untuk Yang Amat Berhormat Dato' Najib. Penghabisan...

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat, silakan. Kualiti ini. Saya bagi masa Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ada tertinggal sedikit fasal sajak Pak Lah tadi.

*Bila SMS ini hendak diutus,
 saya mencari alamat.
 Teringat kembali Tun Abdul Razak,
 dengan kepintaran merancang dan ketegasan bertindak,
 meletakkan asas pembinaan satu bangsa,
 bangsa bermartabat dengan acuan sendiri.
 Dasar Bahasa Kebangsaan,
 Dasar Pendidikan Kebangsaan,
 Dasar Kebudayaan Kebangsaan
 Dan Dasar Ekonomi Baru.
 Kami yakin semuanya itu akan Dato' Seri teruskan,
 Demi perpaduan dan keperkasaan ibu pertiwi,
 Demi maruah dan kejituan jati diri,
 Demi memastikan pembangunan terus berkembang,
 Dan demi memastikan pengagihan mesti seimbang.*

*Demikianlah,
 Bagai terdengar amanat Tun Razak dari dalam lahad berpesan,
 Dan terus mengingatkan dasar dan falsafahnya,
 Jangan ditukar,
 Jangan dianjak.
 Betapa pun peritnya,
 Teruskan lah semua perjuangan.*

*Semasa Dato' Seri membaca SMS ini,
 Saya membayangkan wajah seorang insan yang beriman,
 Tenang dan tawakal dalam pencarian damai abadi,
 Wajah seorang pemimpin tertinggi yang tidak henti-henti dikagumi,
 Dan dipuji oleh penyokong berulang-ulang mengaku setia,
 Dan oleh rakan dan sahabat yang mengaku sangat rapat.
 Berapa panjangkah senarai kedudukan jawatan dan projek,
 Yang mereka minta dan mereka kecek.*

*Memanglah kepala yang memakai mahkota,
 Menjunjung beban berat bukan kepalang,
 Serta menghadapi kerenah siang dan malam.*

*Demikianlah SMS ini diutus dengan semangat GMPS
 Yang tulus dengan kesetiaan dan salam akrab,
 Semoga semua doa makbul dan berkat,
 Selamat maju jaya Dato' Seri Yang Amat Berhormat.*

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah puisi yang penghabisan ditujukan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Najib Tun Razak tapi sekali gus jugalah kepada rakan-rakan kita yang lebih selesa dipanggil golongan minoriti di sana. Gurindam perpaduan.

*Berfikirlah kita sebelum bercakap,
 Jangan segala yang terfikir kita cakapkan,
 Berharap,
 Kita semua berharap,
 Semoga negara tetap makmur maju dan tenteram.*

*Jangan bercakap sesedap mulut,
 Segala akibat patut fikirkan,
 Fikirkan masak-masak yang hendak disebut,
 Air yang jernih jangan keruhkan.*

*Jangan bercakap tanpa berfikir,
 Buruk padahnya berpanjang-panjang,
 Negara dan bangsa akan kucar-kacir.*

*Awasilah lidah yang tidak bertulang.
 Segala yang terfikir jika ditutur,
 Demokrasi bertukar menjadi anarki,
 Yang sudah terbina akan hancur,
 Orang yang sayang menjadi benci.*

*Jangan sekali meludah ke langit,
 Jangan menepuk air di dulang,
 Usahlah bangsa diberi aib,
 Maruah umat mesti dijulang.*

*Janganlah lidah bercabang-cabang,
Membuat tuduhan yang bukan-bukan,
Betapa berat mata memandang,
Berat lagi bahu memikul beban- beban Dato' Seri Najib.*

*Gigitlah lidah katupkan bibir,
Telinga dan mata silalah buka,
Padah yang buruk mesti difikir,
Elakkan negara dilanda petaka.*

*Berdada lapang beralam luas,
Itulah nasihat para mualim.
Biar hati membara panas,
Stabil kan minda berkepala dingin.*

*Beralih duduk tidaklah salah,
Asal di tikar yang sehelai.
Wajiblah kita bermuhasabah,
Melihat keperluan mengubahsuai.*

*Tidaklah salah beralih tegak,
Asal di tanah yang sebidang.
Matlamat yang mulia jangan dianjak,
Strategi boleh dikaji ulang.*

*Berfikirlah kita sebelum bercakap,
Segala yang terfikir kita cakapkan,
Itulah fatwa itulah syarat,
Bersama kita memupuk perpaduan.*

Sekianlah, tiga buah puisi untuk tiga orang pemimpin Tuan Yang di-Pertua.
Akhirnya serangkap pantun untuk kita bersama.

*Anak Enggang di kayu tinggi,
Patah ranting terbanglah dia,
Anak dagang tidak lama di sini,
Tiba musim pulang lah ia.*

Insya-Allah, terima kasih. [Tepuk]

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir. Saya ingin menjawab sedikit pantun yang disebut oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus kalau boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sudah bercakap belum?

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Saya sudah bercakap tapi hanya perkara kerana ini terakhir saya di sini.

Tuan Yang di-Pertua: Ringkas boleh. Satu saja.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Ya, ini khas untuk sahabat saya. Walaupun kadang-kadang dia sering menyindir dan menyinggung.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:

*Tahu dikilek baliung,
Kilek camin nan ka muko,
Tahu jo gabak tando ka ujan,
Cewang di langik tanda paneh,
Ingek di rantiang mencucuak,
Tahu di dahan ka maimpok,
Tahu di unak kamanyag kuik,
Pandai maminteh sabalum anyuik.*

Terima kasih.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Tuan Yang di-Pertua...

■1240

Tuan Yang di-Pertua: Itu orang Minang yang faham itu. Walau bagaimanapun, saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus yang telah menyatakan pendirian beliau. Memang betul inilah kali sesi yang terakhir bagi beliau, masa perkhidmatannya adakan berakhir bulan depan dan di atas perbahasan itu saya rasa amat baik sekali malah, kalau sesiapa sahaja dalam Dewan ini boleh buat macam mana Yang Berhormat Dato' Firdaus saya akan bagi masa lebih.

Itu bermakna kualiti perbahasan tidak ada mengandungi benda-benda yang tidak baik. Kenalah menghayati apa yang disarankan oleh beliau tadi. Ini adalah untuk kebaikan bersama. Tanpa buang masa saya silakan kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf Wajdi.

12.41 tgh.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Dewan yang dihormati sekalian. Pertamanya saya mengucapkan terima kasih kerana memberikan ruang untuk saya turut sama berbahas dalam Rang Undang-undang Perbekalan. Tanggungjawab saya mungkin lebih sukar kerana masih terpegun dengan ungkapan kata-kata yang begitu indah daripada saya menganggap sebagai guru sayalah, mentor, Dato' Dr. Firdaus dan diambil sebahagian daripada apa yang saya hendak cakapkan ini daripada buku saya. Jadi saya terpaksa tinggalkan bahagian itulah.

Pertamanya saya hendak mulakan perbahasan ini dengan mengungkapkan ayat-ayat suci Al-Quran daripada Suratul Al-Hasyr, ayat ketujuh yang mana Allah SWT telah berfirman... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Maksudnya, "Apa yang Allah kurniakan kepada Rasul-Nya (Muhammad) dari harta penduduk negeri, bandar atau desa dengan tidak berperang, maka adalah ia tertentu bagi Allah, dan bagi Rasulullah, dan bagi kaum kerabat Rasulullah dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, serta orang-orang musafir yang keputusan ketetapan yang sedemikian supaya harta itu tidak hanya berlegar sekitar orang-orang kaya dari kalangan kamu sahaja".

Saya mulakan ini kerana saya kira perbahasan berkenaan dengan Bajet 2015 ini menggambarkan apa yang pertama sekali saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan yang terus komited dalam mengangkat ekonomi negara dan kita tengok daripada prestasi ekonomi

yang dikeluarkan daripada perbahasan ataupun ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menunjukkan bahawa negara kita berada pada landasan yang baik. Mungkin satu perkara yang bukan sahaja dihadapi oleh Malaysia tetapi juga di serata dunia, isu yang sering berbangkit ataupun menjadi satu barah besar kalau kita tidak tangani dengan baik ialah soal kesaksamaan dalam konteks pengagihan k-ekonomi.

Itu adalah perkara yang sebenarnya menjadi satu isu besar di dunia hari ini dalam kerangka negara ingin melonjak ke tahap lebih maju dan lebih berjaya kita berhadapan dengan realiti masyarakat bahawa market ataupun pasaran yang kita anggap sebagai bebas itu sebenarnya tidak sebebasnya. Sebab itulah banyak pakar ekonomi menyatakan bahawa *market imperfection* ataupun *market distortion*, dengan izin ketidaksempurnaan pasaran yang ada itu memerlukan tanggungjawab kerajaan untuk melakukan tindakan-tindakan berupa *corrective action*, dengan izin ataupun pembaikan supaya tidak berlakunya ketidaksempurnaan pengagihan ekonomi yang boleh mendatangkan kemudaratannya yang lebih besar.

Justeru hujah saya yang pertama saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kerajaan kerana terus menjadikan agenda memperkasa ekonomi bumiputera ini sebagai salah satu strategi terpenting dalam kita melonjak negara kita ke arah yang lebih baik lagi. Saya berkata sedemikian kerana dalam realiti hari ini kita masih lagi belum mencapai tahap di mana rakyat kita berlakunya kesaksamaan dari segi pengagihan ekonomi antara bumiputera dan juga bukan bumiputera. Bumiputera ini bukan hanya Melayu tetapi juga kaum-kaum dan bangsa-bangsa lain terutama di Sabah dan Sarawak yang harus kita ambil kira secara teliti dan secara tuntas.

Ini adalah semangat yang telah pun termaktub dalam perlembagaan yang tidak boleh dipersoalkan oleh mana-mana pihak. Dalam Artikel Perkara 153, Perlembagaan Persekutuan, dalam memastikan sebenarnya kalau kita melihat semangat Perkara 153, Perlembagaan Persekutuan itu yang dimaktubkan di dalam perlembagaan hasil daripada kesepakatan kaum dalam hendak membentuk negara bangsa pada peringkat awal kita mencapai kemerdekaan.

Itu semua adalah kerana melalui Suruhanjaya Reid dan juga kontrak sosial yang dibentuk adalah melihat realiti rakyat negara ini yang bersifat berbilang kaum. Di atas faktor sejarah kita dipisah-pisahkan dari segi ekonominya, dari segi sosialnya yang menyebabkan masyarakat yang lahir ataupun rakyat yang lahir ini berlaku ketidakseimbangan, yang inilah kalau kita lihat kenapa semangat pembentukan Perkara 153, Perlembagaan Persekutuan itu adalah untuk memastikan wujudnya kesefahaman bahawa hak dan keistimewaan bumiputera itu harus dipertahankan.

Salah satu perkara yang perlu dipertahankan ialah soal pengagihan ekonomi dan tahap sosial rakyat negara ini. Sebab itulah kalau kita lihat Tun Razak sendiri pun dalam memastikan semangat ini diteruskan, dasar-dasar *affirmative* terutamanya selepas apa yang berlaku pada 1969 dijadikan satu iktibar akan keperluan kerajaan membawa satu pendekatan *affirmative* seperti Dasar Ekonomi Baru supaya rakyat di negara ini tidak akan ada berlakunya kaum-kaum yang terpisah-pisah daripada arus perdana.

Sebab itulah dalam konteks ini saya ingin tekankan bahawa pentingnya untuk dasar-dasar *affirmative* ini diteruskan tanpa rasa apologetik tanpa rasa bersalah. Saya ingin memetik kata-kata Profesor Amy Chua daripada *Yale Law School, United States* yang dalam bukunya yang telah memenangi anugerah *New York Best Seller* yang bertajuk, "*World on Fire: How Exporting Free Market Democracy Breed Ethnic Hatred and Global Instability*", dengan izin kalau saya membaca petikannya. Ini kerana petikan ini amat penting untuk kita fahami kenapa dasar-dasar ini harus diteruskan..

Saya petik kata-katanya, "*When free market democracy is pursued in the presence of a market-dominant minority, the almost invariable result is backlash. This backlash typically takes one of three forms. The first is a backlash against markets, targeting the market-dominant minority's wealth. The second is a backlash against democracy by forces favorable to the market-dominant minority. The third is violence, sometimes genocidal, directed against the market-dominant minority itself.*"

Dalam buku ini sebenarnya Profesor Amy Chua telah membangkitkan bagaimana banyak negara-negara apabila rakyat itu tidak diurus dengan baik terutamanya berlakunya ketidaksamaan ataupun ketidakserataan antara pengagihan ekonomi golongan majoriti dan minoriti. Maksudnya golongan minoriti yang menepati sesebuah negara itu mempunyai kelebihan yang luar biasa dari segi penguasaan ekonomi. Hasilnya negara-negara ini berhadapan dengan pelbagai konflik dan kemelut krisis perkauman seperti yang berlaku di Uganda, Rwanda, Sri Lanka, Fiji, Afrika Selatan, Thailand, Indonesia dan juga disebutkan dalam buku ini apa yang berlaku pada 1969 di Malaysia.

Beliau seorang Cina yang berketurunan Cina yang mengajar dalam konteks sosial politik di Amerika Syarikat membuat kajian secara empirikal dan dasar-dasar yang dilaksanakan oleh pelbagai negara. Dalam satu bab dia memuji Malaysia kerana memperkenalkan apa yang disebut sebagai *positive discrimination policy* atau dengan izin, dasar-dasar *affirmative* yang mana disebutkan dalam buku ini dasar ini adalah acuan yang unik dalam konteks Malaysia untuk menguruskan kepelbagaian kaum dan bangsa.

Dalam konteks inilah kita harus memahami bahawa Malaysia terbangun dalam kerangka rakyat yang begitu *fragile*, yang begitu rapuh. Kalau berlaku sedikit ataupun berlaku kecenderungan segelintir untuk menabur atau mencetuskan keresahan ataupun isu-isu sensitif yang boleh membakar perkauman. Dia akan mudah untuk meruntuhkan negara ini.

■1250

Ini antara faktor kenapa kita perlu mempertahankan dasar seperti ini. Ayat yang saya bacakan tadi sebenarnya ayat yang menunjukkan bahawa Allah SWT sendiri pun mengiktiraf dasar *affirmative* kerana ini berlaku pada zaman Nabi SAW. Apabila Rasulullah, Nabi berhijrah dari Mekah ke Madinah nak membangunkan negara bangsa buat pertama kali dalam sejarah Islam membentuk sebuah negara di Madinah, apa yang berlaku di Madinah ialah Madinah didiami oleh pelbagai kaum dan kabilah dan masalah yang utama di Madinah adalah sebelum kedatangan Nabi, golongan Yahudi ataupun kaum-kaum di Madinah terbahagi kepada Arab yang terbahagi pula kepada pelbagai Kabilah dan kaum Yahudi yang terbahagi juga kepada pelbagai kabilah. Yang menjadi masalah, kaum Yahudi yang merupakan golongan minoriti tak sampai pun 5% menguasai hampir 100% ekonomi di Madinah

yang menyebabkan berlakunya kecemburuan, berlakunya pertelingkahan yang berterusan peperangan antara satu kabilah dengan kabilah yang lain sehingga menjejaskan keamanan dan kestabilan.

Oleh sebab itulah apabila Nabi Muhammad SAW berhijrah ke Madinah, perkara pertama selain daripada yang kita tahu dia membina masjid, dia membina pasar, dia juga membuat satu tindakan *affirmative*. Apabila ada harta-harta rampasan perang ataupun harta-harta yang diperoleh daripada perang, diagih-agihkan bukan secara sama rata sama rasa tetapi diagihkan berasaskan prinsip keadilan kerana prinsip keadilan dalam Islam disebut... [*Bercakap dalam bahasa Arab*] iaitu meletakkan sesuatu di tempatnya.

Mengikut Aristotle, ketidakadilan akan berlaku apabila semua orang yang tidak sama diperlakukan secara sama rata. Itu Aristotle. Maknanya, apa yang kita faham berkenaan keadilan, dia bukan sama rata tetapi meletakkan sesuatu di tempatnya. Apa yang dilakukan oleh Nabi ialah dia mengagihkan kekayaan ini hanya kepada orang-orang yang benar-benar memerlukan kerana berlakunya faktor sejarah di mana dia tidak dapat peluang dan ruang untuk mendapat tempat dalam sektor ekonomi di Madinah terutamanya golongan Muhajirin dari Mekah, golongan Ansar yang miskin di Madinah. Mereka inilah yang diagih-agihkan kekayaan dan juga di kalangan orang-orang Yahudi yang miskin sahaja. Jadi ini antara faktor-faktor yang kita harus faham dalam konteks *affirmative*.

Oleh sebab itulah dalam konteks memperkasakan ekonomi bumiputera hari ini, saya kira penting untuk kerajaan menilai semula apakah pendekatan-pendekatan yang telah dilakukan selama ini benar-benar berkesan dalam memastikan aspek kesaksamaan ekonomi ini berlaku dengan baik.

Kita masih lagi mendengar keluh kesah di kalangan bumiputera soal pemilikan ekuiti dan sebagainya. Saya kira pendekatan kerajaan yang ingin membangunkan dasar membina GLC-GLC ini juga harus dinilai kembali. Bagaimanakah keberkesanan GLC-GLC ini dalam membantu memperkasakan agenda bumiputera ini. Saya kira ini antara pendekatan yang menarik dan unik dalam konteks Malaysia. Mewujudkan GLC-GLC dengan harapan melalui organisasi-organisasi besar ini, mengumpulkan dana-dana daripada bumiputera, contohnya PNB mengumpulkan dana serendah RM1 melalui Amanah Saham Bumiputera umpamanya, dapat mengumpulkan dana dan menguasai sektor-sektor penting dan strategik, contohnya Maybank umpamanya dalam sistem perbankan.

Akan tetapi kita persoalkan, apakah semangat dan roh untuk memperkasakan bumiputera itu sampai ke dalam CEO-CEO yang mengepalai GLC-GLC yang secara tersiratnya mereka harus meletakkan agenda bumiputera ini sebagai agenda yang teratas. Kerana apa? Ini kerana hari ini kita masih mendengar perusahaan-perusahaan kecil dan sederhana, SKS yang masih lagi mengeluh untuk mendapatkan dana-dana pembiayaan daripada bank-bank besar ini.

Walhal, kalau kita tahu pun, lima buah bank terbesar di Malaysia hari ini dikuasai oleh GLC-GLC. Maybank umpamanya, dikuasai oleh PNB secara majoritinya, Bank Islam dikuasai oleh Lembaga Tabung Haji, Affin Bank dikuasai oleh LTAT, RHB dikuasai oleh EPF dan CIMB dikuasai oleh Khazanah. Kenapa GLC-GLC ini menguasai bank-bank ini? Kerana untuk membawa semangat

membantu SKS-SKS, perusahaan kecil dan sederhana di kalangan bumiputera. Kalau mereka tidak bantu, siapa lagi?

Oleh sebab itulah perkara ini saya hendak cadangkan kepada kerajaan supaya di samping pelbagai *report card* kepada GLC-GLC ini tiap-tiap tahun, perlu ada satu *report card* penting dengan izin...

Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Datuk Wira Haji Oardin: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun sebelah itu.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Sikit sahaja ya. Saya habis ini, lepas itu saya bagi. *Report card* untuk menilai sejauh mana CEO-CEO GLC ini benar-benar berjaya daripada segi pencapaian dan prestasinya menjaga ataupun memperkasakan agenda bumiputera. Ini penting supaya *report card* itu juga dibawa kepada Parlimen supaya kita boleh menilai sama ada agenda ini benar-benar diambil serius ataupun sebaliknya. Saya benarkan pencelahan.

Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Datuk Wira Haji Oardin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Asraf.

Saya tertarik amat sangat bila Yang Berhormat sebutkan soal peranan-peranan pemimpin-pemimpin GLC yang ada ini. Cuma saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat, adakah itu bermaksud bahawasanya pemimpin-pemimpin utama dalam GLC ini telah pun hilang semangat DEBnya, telah hilang semangat bagaimana GLC ini ditubuhkan untuk membawa wawasan Dasar Ekonomi Baru bagi membantu golongan bumiputera? Jadi Yang Berhormat rasa mereka dah tidak ada lagi semangat ini ataupun mereka ini sengaja bertindak sedemikian ataupun mempunyai agenda-agenda yang tertentu? Jadi mohon penjelasan Yang Berhormat Dato'.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Ya, ini pun saya nak tahu, dan sebab itulah saya mengatakan tadi, kita tak cukup kalau kita duduk menuding jari. Lebih baik kita *move forward*, kita bergerak ke hadapan, kita minta untuk kerajaan mewajibkan semua GLC ini ada *report card* yang tersendiri yang memberikan makluman dan juga pemberitahuan kepada kita apakah prestasi daripada segi menjaga ataupun memperkasakan agenda bumiputera ini. Daripada situ, baru kita boleh menilai sama ada apakah prestasi tahun lepas daripada segi nak meningkatkan keupayaan dan pemerkasaan ekonomi bumiputera ini boleh berlaku dengan baik atau sebaliknya. Kalau kita bercakap secara retorik pun tak tidak guna dalam Dewan yang mulia ini. Itu cadangan saya yang pertama.

Yang keduanya, mereka juga harus memikirkan soal penjanaan ekonomi bumiputera secara holistik, bukan hanya nak menguasai sekadar ekuiti-ekuiti sahaja tetapi juga menguasai daripada segi *supply chain*, dengan izin. Maknanya, daripada konteks pelbagai sektor, umpamanya sektor binaan. Kita ramai kontraktor bumiputera tetapi malangnya kita tidak menguasai *the supply chain* itu ataupun rangkaian bekalan bahan-bahan binaan umpamanya, kita tidak menguasai. Jadi, apabila kita tidak menguasai, harga itu pun kita tidak boleh tentukan. Oleh sebab itulah perlu ada pendekatan yang secara holistik. Ini sebagai salah satu contoh sahaja yang mana pihak GLC boleh lakukan.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, apa yang ingin saya bangkitkan, rentetan daripada soal memperkasakan ekonomi bumiputera juga, saya ingin juga membawa sidang Dewan ini kepada satu

isu yang penting iaitu isu hak asasi manusia. Hari ini apabila membicarakan isu hak asasi manusia, kita ingin tahu sebenarnya apa hakikatnya pendirian kerajaan dalam mendefinisikan ataupun mengambil semangat prinsip hak asasi manusia. Apakah Malaysia menyetujui secara mutlak konsep hak asasi manusia sebagaimana *United Nations* ataupun Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Deklarasi Sejagat Hak Asasi Manusia? Ini kerana perkara ini sentiasa disebut-sebut oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul yang mana beliau sentiasa sebut bahawa kita hendak menggunakan *United Nations*, Deklarasi Sejagat Hak Asasi Manusia ini sebagai satu asas dalam kita merangka apa juga agenda-agenda menyentuh hak asasi manusia.

Bagi saya, ini penting kerana apakah apabila kita menyetujui Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, *United Nations Declaration of Human Right* ini, dengan izin, dia akan membelakangi prinsip yang terkandung di dalam Perlembagaan? Bagi saya secara peribadi, saya rasa tidak setuju kerana dalam konteks hak asasi manusia kalau kita mengambil kira deklarasi sejagat itu, dia mengambil faham hak asasi manusia berasaskan definisi hak asasi manusia secara mutlak atau *the absolute of human rights* dan ini sudah tentu bertentangan dengan prinsip Perlembagaan yang meletakkan contohnya Perkara 3, Islam sebagai Agama Persekutuan dan hak asasi manusia takkan mungkin boleh bersifat *absolute* dengan izin, ataupun secara mutlak. Dia adalah bersifat relatif.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kerana masa menunjukkan tepat jam 1 petang, kita terpaksa tangguhkan persidangan kita sehingga jam 2.30 petang dan kita akan sambung semula dan Yang Berhormat boleh sambung selepas itu.

Sambil itu, saya ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat. Kalau boleh, Yang Berhormat duduk dalam Dewan kerana kadangkala itu perbahasan itu ada kualiti-kualitinya dan juga kalau boleh, semua kalau tak bersetuju, bila giliran nanti boleh berbahas. Inilah contohnya yang saya hendak berlaku di Dewan Negara. Maknanya kita hendak mempertingkatkan, memperkasakan Dewan ini. Tidak ada emosi, tak ada apa personal. Kita berbahas untuk kebaikan negara. Dah tu saya harap semualah. Saya nampak ramai tak ada ini. Saya tahu ada beberapa orang minta izin daripada saya, saya tak ada masalah tetapi yang lain tak ada itu, elok duduk dalam Dewan.

Maka itu, saya tangguhkan sidang sehingga jam 2.30 petang nanti. Sekian, terima kasih.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat.]

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah, kita teruskan dengan menjemput Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf Wajdi untuk menyambung perbahasan Yang Berhormat.

2.32 ptg.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberikan keizinan kepada saya untuk meneruskan perbincangan. Saya tadi berhenti pada hujah saya yang kedua berkenaan dengan isu hak asasi manusia. Saya meminta kerajaan...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat meneruskan, Yang Berhormat ada 14 minit lagi Yang Berhormat.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Saya memohon kerajaan agar menyatakan pendirian secara jelas dalam Dewan yang mulia ini berkenaan dengan prinsip kerajaan terhadap definisi dan takrifan hak asasi manusia. Apakah kita mengikut secara mutlak definisi yang diberikan oleh deklarasi sejagat mengenai hak asasi manusia. Atau kita mempunyai acuan sendiri yang tentunya harus berpandukan kepada Perlembagaan Persekutuan. Yang mana antara lainnya meletakkan asas-asas agama seperti dalam Perkara 3 iaitu kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan dan agama-agama lain yang bebas untuk diamalkan. Dalam konteks ini kita harus berpegang kepada prinsip Rukun Negara, Kepercayaan Kepada Tuhan sebagai asas dalam mentakrifkan hak asasi manusia. Supaya tidak timbul ideologi-ideologi songsang yang kita biarkan menular dalam kerangka negara kita seperti ideologi liberalisme...

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Boleh saya mencelah, Yang Berhormat:

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Ya, silakan.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator. Saya cuma hendak bercakap tentang hak asasi manusia ini. Tidakkah mungkin kita mengikut langkah yang telah pun dibuat oleh Parti Konservatif dari Britain yang akan mencadangkan pada penghujung tahun ini untuk memansuhkan *Human Rights Act 1998* (HRA), Hak Asasi Manusia yang kita tahu Britain sebuah negara yang maju. Akan tetapi telah sampai ke tahap ingin menghapuskan HRA 1998 dan akan menggantikan *Bill of Rights and Responsibilities*. Itu saya bersetuju dengan apa yang kata Yang Berhormat tadi kita kena bercakap dari segi tanggungjawab, kita juga. Maka, kita kena mengikut acuan kita, terima kasih.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih. Saya bersetuju tetapi tidak semestinya kita harus ikut apa yang dibuat oleh barat. Kita masih mempertahankan konsep hak asasi manusia. Dalam Perlembagaan pun jelas berkenaan dengan perkara ini. Akan tetapi hak asasi manusia berasaskan dengan acuan kita. Ia harus datang dengan tanggungjawab. Kita tidak boleh cakap soal hak tanpa berbicara soal tanggungjawab. Jadi, sebab itulah prinsip ini sebenarnya kerana kita negara Malaysia ini sebenarnya kita harus bersyukur dan berbangga. Ini kerana Malaysia dijadikan contoh sebagai negara Islam yang *moderate*, sederhana atau prinsip yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri prinsip *wasatiyyah*. Prinsip *wasatiyyah* ini bukan prinsip Islam sahaja, ia adalah prinsip seluruh agama. Maknanya, seluruh agama mahukan sifat *moderation* ataupun keseimbangan. Yang dimaksudkan *wasatiyyah* ataupun keseimbangan ini bukan bermaksud *extreme* ke kanan yang disebut di dalam kitab-kitab fiqh Islam yang disebut sebagai... [*Berucap dalam bahasa Arab*] iaitu *extreme* dan juga melampau dalam agama....

Dato' Lim Nget Yoon: Boleh mencelah?

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Nanti, saya habiskan ini dahulu. Yang kedua, ia bukan juga bersifat... [*Berucap dalam bahasa Arab*] ataupun memperlonggar agama sehingga ada segelintir pihak yang mendefinisikan *moderation* ini kepada liberal. Kita tidak mahukan prinsip liberalisme. Apa maksud liberal? Liberal maknanya, mencabut asas-asas kebebasan, sebarang bentuk peraturan, prinsip keagamaan dan juga nilai sehinggakan apabila kita bercakap soal hak asasi manusia, ia mendefinisikan secara mutlak.

Kalau hendak buat perkahwinan secara sejenis pun ia diterima kerana itu asas *liberisme*. Akan tetapi kita tidak. Dalam konteks Malaysia, Islam baik, Kristian baik, Buddha baik, Hindu baik dan juga agama-agama lain, semua mengiktiraf bahawa kepercayaan kepada Tuhan tidak mengizinkan sebarang bentuk fahaman-fahaman yang bersifat *extreme* ke kanan mahupun liberal melonggarkan prinsip agama. Silakan Yang Berhormat.

Dato' Lim Nget Yoon: Apakah pandangan Yang Berhormat tentang hak asasi ini selalu disalahgunakan oleh pihak tertentu. Contohnya, kebebasan *speech*. Jadi, di mana-mana sosial media kah, di *website* kah, ada yang menghina dan sebagainya. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Ya, saya sebenarnya menyokong sahabat-sahabat saya yang lain, Ahli-ahli Dewan yang sudah pun memberikan ucapan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana dengan tegas mahu mengekalkan Akta Hasutan. Apabila kita bercakap soal kebebasan, ia bukan bersifat mutlak, ia bukan sehingga kita bercakap kebebasan sehingga boleh menghina orang lain, sehingga boleh mencetuskan kemudaratan kepada orang lain. Ini bukan kebebasan. Sebab itulah kebebasan yang saya maksudkan tadi seperti mana yang disebutkan oleh sahabat saya, kebebasan dengan tanggungjawab. Jangan sampai menghina, sampai menggunakan media-media sehingga boleh membobrokan ataupun menghancurkan kestabilan, keharmonian dan juga kerukunan kehidupan kita rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, hujah saya yang ketiga. Isu yang saya hendak bangkitkan dalam konteks ini ialah soal patriotisme yang saya lihat makin menipis di kalangan rakyat kita, terutama generasi muda. Kita ingin tahu dalam Dewan yang mulia ini, sejauh manakah keberkesanan latihan khidmat negara yang kita belanjakan ratusan juta. Ini juga sempat saya tengok dalam laporan perbelanjaan yang lepas-lepas, setiap tahun kita peruntukkan puluhan, bahkan ratusan juta kepada latihan khidmat negara.

Secara teorinya, objektif atau matlamat yang diletakkan oleh PLKN, umpamanya memupuk patriotisme, membina jati diri, memupuk integrasi nasional, ini perkara-perkara yang cukup cantik. Akan tetapi setelah beberapa tahun perjalanan ini, apakah sudah dibuat penilaian secara tuntas. Kalau ada, bentangkan di Dewan yang mulia ini kerana kita hendak tahu. Semakin banyak program-program yang sebegini rupa, semakin banyak duit-duit rakyat dibelanjakan, semakin banyak kita dapat lihat nilai kecintaan kepada negara, patriotisme di kalangan anak-anak muda ini semakin luntur dan semakin menipis.

Saya berkata sebegini sebab kita risau berkenaan dengan generasi akan datang. Bagaimanakah negara bangsa yang kita hendak wujudkan pada masa akan datang? Saya setuju dengan apa yang Yang Berhormat Prof. Dato' Dr. Firdaus sebutkan. Saya tidak mahu mengulang balik apa yang disebutkan tetapi kita harus sama-sama mempunyai nilai kenegaraan yang sejati. *We have to have the statesmanship* dalam diri kita.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: Minta laluan boleh?

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Boleh, silakan.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Dr. Asyraf. Mutakhir ini kita lihat, anak-anak muda khususnya, begitu *extreme* dengan apa yang berlaku. Adakah Yang Berhormat setuju dengan pandangan saya bahawasanya dengan bermula daripada 2008, setelah Barisan Nasional tidak mendapat 2/3 majoriti di Parlimen. Maka, pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan mengadu domba, cocok, menghasut dan sebagainya.

■1440

Jadi, inilah perkara-perkara yang berlaku. Kita yakin anak-anak muda dididik dengan agama yang cukup oleh ayah dan ibu. Akan tetapi kerana hasutan inilah yang mengakibatkan perkara ini berlaku. Adakah Yang Berhormat setuju?

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Ya, saya setuju dan sebab itulah kita mahukan program-program yang menggunakan duit rakyat dengan matlamat untuk memperkasakan integrasi nasional ini dilakukan pertanggungjawaban. Kena ada satu penilaian sama ada keberkesanan nak mewujudkan integrasi nasional yang luhur, nilai patriotisme di kalangan anak-anak muda ini benar-benar berjaya ataupun tidak.

Bukan itu sahaja, saya sebutkan tadi. Kita kena lahirkan ahli-ahli politik yang berjiwa negarawan, bukan berjiwa politikus kebinatangan. Kenapa saya sebutkan sedemikian? Ini kerana kalau kita bercakap soal negarawan, kita tidak bercakap masing-masing nak jadi hero kepada kaum masing-masing. Kalau kita tengok hari ini, semua nak bercakap berkenaan dengan kaum masing-masing. *[Tepuk]*

Walhal, apakah selama 57 tahun kita merdeka ini Yang Berhormat sekalian, apakah kita tidak mengecapi kestabilan, keharmonian, kerukunan? Semua dapat apa yang dikehendaki cumanya memang akan tidak sempurna. Kita kena sama-sama menyempurnakan dan bergerak ke arah menyempurnakan sesuatu yang kita inginkan. Akan tetapi kalau kita masing-masing turut sama sebagai ahli-ahli politik, sebagai pemimpin-pemimpin membawa isu-isu kaum seolah-olah nak menjadi jaguh dalam pertempuran ataupun perbalahan yang ada hari ini, kita tidak akan membina sebuah negara bangsa yang kuat. Oleh sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, saya ingat ini perkara yang perlu kita fikirkan secara bersama.

Yang keempat Tuan Yang di-Pertua, saya nak bercakap dalam konteks soal pematuhan syariah. Kita lihat dalam belanjawan kali ini pun disebutkan berkenaan dengan nak menjadikan Malaysia memperkasakan sistem kewangan Islam, nak memperkasakan industri halal dan sebagainya. Saya cuma nak bercakap perkara yang saya pernah bangkitkan. Saya rasa sudah tiba

masanya negara dan kerajaan memikirkan kerangka pematuhan syariah secara holistik. Apa yang dimaksudkan dengan kerangka pematuhan syariah secara holistik?

Hari ini Tuan Yang di-Pertua kalau kita lihat, hanya dua sahaja industri yang benar-benar di kawal selia dan dijaga serta dipelihara dari segi pematuhan syariah. Yang pertama dari segi industri kewangan Islam yang ada Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Kedua, industri halal. Itu pun banyak masalah kerana kita tidak ada Akta Halal, kita hanya bergantung kepada Akta Perihal Dagangan 2011 yang dibuat pindaan bagi memberi kuasa kepada JAKIM dan majlis-majlis agama untuk mengeluarkan sijil-sijil halal. Jadi dengan secara kesimpulannya hanya dua sahaja industri yang dikawal selia. Bagaimana industri-industri lain? Kita dapat lihat hari ini. Kalau berjalan sahaja di bawah-bawah...

Timbalan Yang di-Pertua: Ada satu minit lagi Yang Berhormat ya.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Jambatan dan sebagainya, kita dapat lihat. Syariah *compliance* *Ah long*, ataupun pengurup wang yang patuh syariah ataupun yang memberikan pinjaman sama ada berlesen ataupun tidak berlesen dengan menggunakan perkataan patuh syariah. Ada juga yang menggunakan perkataan industri *tourism* patuh syariah. Ada juga yang menggunakan industri *tourism* patuh syariah. Semua nak menggunakan patuh syariah seolah-olah nak menipu rakyat mengatakan bahawa mereka lebih Islam berbanding dengan industri-industri lain ataupun syarikat-syarikat lain.

Akan tetapi, hakikatnya siapa sebenarnya yang memberikan pengiktirafan, yang berikan pensijilan bahawa mereka ini benar-benar membawa aspirasi syariah ataupun prinsip Islam. Semua tertipu. Apabila tidak ada akta yang sebegini rupa, akhirnya rakyat dan masyarakat lah menjadi mangsa. Kita sebagai pemimpin ataupun kerajaan harus melihat perkara ini secara holistik supaya bukan sahaja kita bercakap soal halal dari segi makan dan minum semata-mata, halal juga menyentuh segala-galanya. Apabila kita bercakap halal, dia juga menyentuh soal bagaimana kita nak menggunakan wang secara halal, bagaimana kita nak menggunakan label secara halal, bagaimana kita nak mengoperasi *business* kita, perdagangan kita, perniagaan kita secara halal. Ini paling utama Tuan Yang di-Pertua.

Buat akhirnya lah kalau izinkan saya dalam satu minit lah untuk saya, ada poin penting yang saya nak sebutkan di sini.

Timbalan Yang di-Pertua: Buat secara ringkas ya Yang Berhormat.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Secara keseluruhannya, saya kira daripada bajet kali ini saya ingat perkara yang kita perlu pertahankan tidak lain dan tidak bukan selain daripada isu yang saya bangkitkan daripada konteks dasar-dasar *affirmative*, memperkasa ekonomi bumiputera, saya juga nak membawa seperti mana rakan-rakan saya yang lain berkenaan dengan elaun Ahli-ahli Dewan Negara. Kalau saya tak bercakap ini, saya rasa tak kena.

Sebagai Ahli Senator yang terbaru- antara yang terbaru lah, saya rasa amat kecewa melihat bagaimana Dewan Negara diperlakukan. Ini kerana kita kena ingat bahawa Dewan Negara ini adalah Dewan yang tertinggi dalam konteks sistem Parlimen di Malaysia. Kalau tahap gaji dan elaun Ahli-ahli

Dewan ini lebih rendah daripada Ahli Dewan Rakyat, itu pun dah tak kena. Apatah lagi kalau kita nak naikkan martabat kita seiring dengan konsep prinsip perlembagaan yang meletakkan Parlimen, Dewan Negara yang paling tinggi, Dewan Rakyat yang nombor dua. Akan tetapi, kalau gajinya tidak setara, saya rasa itu satu penghinaan kepada Dewan yang mulia ini. *[Tepuk]*

Saya bukan bercakap soal- saya tak merasakan bahawa Ahli-ahli Dewan ini semua nak menagih simpati. Semua akan merempat kalau dapat gaji hanya RM4,000-RM5,000 sahaja, tidak. Akan tetapi, kita nak meletakkan martabat. Nak memartabatkan Dewan Negara. Ada bezanya soal memartabatkan dengan soal nak menagih simpati untuk mendapatkan gaji lebih tinggi. Tidak. Kalau kita sebut kepada orang lain pun malu, apatah lagi kita nak mengatakan bahawa Malaysia ini Dewan Negara paling tinggi tetapi gajinya antara yang terendah. Yang sampai saya pun tersentak jugalah. Kalau kita pencen ini kita juga sebenarnya layak untuk menerima BR1M. Jadi ini perkara yang saya rasa amat malang sekalilah. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberikan ruang kepada saya. Saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2015. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Tuan Koh Chin Han.

2.46 ptg.

Tuan Koh Chin Han: Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertualah. Cuma saya nak katakan ini kali kelima saya bangun, dan tak dapat berucap. Mungkin saya dalam golongan yang dikatakan *no so tall*, yang tak dapat dilihatlah...

Timbalan Yang di-Pertua: Itu mungkin perasaan Yang Berhormat tetapi tak adalah.

Tuan Koh Chin Han: *Anyway*, terima kasih banyaklah kepada Tuan Yang di-Pertua. Salam bahagia dan salam 1Malaysia saya ucapkan pada rakan-rakan sekalian dalam Dewan ini.

*Dari Melaka saya ke Dewan,
Demi bangsa, agama dan negara,
Membahas dengan hati terbuka,
Untuk kebaikan rakyat jelata.*

Saya ingat rakan-rakan di sini semua sekali mempunyai satu hasrat yang sama yang mana kita datang ke sini, hadir di sini sebagai Senator membahaskan adalah demi kebaikan rakyat jelata. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membahaskan Bajet 2015 yang bertemakan ekonomi keperluan rakyat. Lebih spesifiknya isu berkenaan perpaduan nasional yang telah banyak dibahaskan selama dua minggu ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum faktor utama untuk negara kita terus maju ke depan demi mencapai Wawasan 2020 banyak bergantung kepada perpaduan nasional. Ini adalah kerana perpaduan nasional akan menjamin kita sebagai sebuah masyarakat majmuk yang aman dan damai, yang harmoni yang dapat menstabilkan politik negara dan seterusnya meletakkan negara kita di satu tempat yang tinggi di kaca mata dunia.

Selama 57 tahun kita mencapai kemerdekaan, perpaduan nasional merupakan satu pencapaian ataupun kejayaan yang boleh kita banggakan. Saya pernah menjawat jawatan Setiausaha Sulit kepada mantan Menteri Pengangkutan, Tun Dr. Ling Liong Sik. Pada waktu itu, saya selalu diberitahu oleh Tun Dr. Ling yang mana negara kita merupakan sebuah negara yang dihormati dan dikagumi bukan sahaja oleh pemimpin-pemimpin negara-negara Dunia Ketiga malahan pemimpin negara-negara maju sekali.

Mereka begitu kagum dengan pencapaian negara kita, yang mana rakyat yang majmuk berbilang kaum, agama, bahasa, kebudayaan dapat hidup aman damai di tanah air yang kita cintai ini. Banyak juga negara pada waktu itu pemimpin-pemimpinnya datang ke Kuala Lumpur untuk membuat lawatan belajar dengan pemimpin negara kita, macam mana kita boleh mencapai kejayaan tersebut. Mereka begitu kagum sekali.

■1450

Namun, kita lihat sejak kebelakangan ini, yang saya nampak itu kedatangan mereka itu yang pemimpin-pemimpin negara tersebut agak berkurangan. Maka saya ambil kesempatan ini, saya ingin bertanyalah kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan, dalam tahun ini berapa ramai kah ketua-ketua negara asing yang datang melawat ke negara kita dengan tujuan belajar dengan kita berkenaan perpaduan nasional kita.

Tuan Yang di-Pertua, pada perhimpunan bulanan JPM yang lepas, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak telah menyuruh kita beri perhatian kepada perpaduan nasional. Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak mengatakan kini jarang rakyat jelata mempamerkan perpaduan nasional. Cuma kita dapat lihat sewaktu berlakunya MH370 dan MH17 yang mana perpaduan nasional itu dapat dipamerkan dan ini amat menyedihkan kerana sekarang perpaduan nasional bagaikan sesuatu yang sukar kita dapat lihat ataupun sukar kita mencapai. Amat menyedihkan kerana perpaduan nasional ini menjadi semakin renggang dan tercabar.

Ada segelintir golongan masyarakat yang kian hari kian mempermainkan isu ini demi kepentingan masing-masing. Keadaan bertambah buruk dengan adanya yang mula mengetepikan sensitiviti agama yang lain. Ada pula yang melabelkan kaum-kaum lain sebagai pendatang dan penceroboh dan sebagainya. Ada juga yang membakar al-Quran, membakar kitab, ada juga yang membaling kepala babi ataupun khinzir di surau. Ada juga yang menconteng-conteng di dinding surau pada minggu yang lepas dan perkara ini saya ingin mengatakan ia bukannya berlaku di sesuatu kaum.

Kita semua berhadapan dengan cabaran ini yang mana isu ini berlaku atau masalah ini berlaku terdapat di semua pihak. Golongan yang tidak bertanggung jawab dan suka main api ini wujud di mana-mana tidak kira di masyarakat kaum Cina, Melayu ataupun India. Saya ingin menyeru supaya kerajaan mengambil tindakan yang tegas bukan sahaja ke atas golongan-golongan yang saya katakan tadi tetapi juga termasuk golongan yang menuduh sebarang tanpa bukti sebenar yang berlaku. Tindakan yang diambil ke atas Alvin Tan mahupun Ali...

Dato' Khairudin bin Samad: Yang Berhormat, hendak minta laluan sedikit boleh? Sekejap sahaja.

Tuan Koh Chin Han: Boleh, boleh.

Dato' Khairudin bin Samad: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ajukan kepada Yang Berhormat, saya lihat yang ini, yang saya selalu yang saya sendiri katakan dalam Dewan yang mulia ini, yang sebenarnya pemimpin-pemimpin masyarakat, pemimpin parti-parti politik boleh minta supaya anggota-anggota mereka itu jangan buat kerja-kerja yang boleh menggugat perpaduan kita ini. Oleh sebab... sebentar Yang Berhormat, sebab dari segi tolak ansur ini— tak boleh, tak boleh berdiri Yang Berhormat, kena duduk. Minta maaf, saya cakap sedikit sahaja. Saya hendak sebut Yang Berhormat, Yang Berhormat bercakap tadi kalau tidak melihat Yang Berhormat itu, saya ingat orang Melayu bercakap. Saya sangat bergembira...

Tuan Koh Chin Han: [*Bangun*]

Dato' Khairudin bin Samad: Sekejap, saya sambung sedikit.

Tuan Koh Chin Han: Akan tetapi masa itu mungkin tidak mengizinkan pasal saya punya...

Dato' Khairudin bin Samad: Boleh, boleh, saya minta izin dah.

Tuan Koh Chin Han: *No, I mean* saya punya teks pun panjang lagi, ada *I think...*

Dato' Khairudin bin Samad: Sedikit sahaja, saya sambung sedikit.

Tuan Koh Chin Han: Yang Berhormat Dato' hendak meluahkan itu mungkin ada dalam teks yang akan saya bacakan kemudian.

Dato' Khairudin bin Samad: Oh! Okey, okey.

Tuan Koh Chin Han: Tuan Yang di-Pertua, saya akan teruskanlah ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan..

Tuan Koh Chin Han: Kenyataan dan kelakuan-kelakuan tersebut telah menyinggung perasaan kebanyakan rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan agama yang rata-rata kita mencintai keamanan dan kestabilan di negara ini demi membendung gejala tersebut berleluasa. Tindakan yang sewajarnya patut diambil terhadap mereka yang mencaci, menghina atau menyelar mana-mana kaum dan agama di negara ini.

Dalam hal ini, saya berpendapat bahawa pihak kerajaan terutamanya patut mengambil tindakan yang tegas dan keras ke atas individu tersebut. Mereka perlu dihadapkan ke mahkamah. Sekiranya didapati bersalah maka hukuman yang setimpal harus dijatuhkan. Hukuman tersebut bukan sahaja melalui hukuman penjara tetapi juga melalui hukuman khidmat komuniti supaya mereka boleh belajar bergaul dan insaf akan kesalahan mereka. Jadi dalam aspek ini, yang tadi saya katakan, kerajaan perlu meminda undang-undang yang berkenaan untuk mencapai tujuan tersebut sama ada akta hasutan yang diperkukuhkan ataupun akta keharmonian yang kita bincangkan sebelum ini.

Saya juga berpendapat bahawa pihak media memainkan peranan yang penting dalam memupuk perpaduan nasional ataupun pihak media juga boleh mengelakkan daripada menyebabkan perpaduan nasional ini menjadi semakin renggang. Ini adalah kerana sesetengah pihak media suka memberikan fokus ataupun *highlight*, dengan izin, kepada golongan yang mempermainkan isu-isu

tersebut semata-mata untuk menunjukkan bahawa mereka adalah jaguh bangsa sendiri. Cara liputan media sebegini sememangnya akan menaikkan langganan media masing-masing di mana ramai yang akan membaca berita tersebut.

Akan tetapi demi perpaduan nasional, pihak media perlu berhenti memperbesar-besarkan ataupun mensensasikan kenyataan-kenyataan yang berunsur sensitif, yang menghina atau tidak menghormati kaum-kaum ataupun agama-agama yang lain. Janganlah kita terus biarkan puak-puak ini terus bersorak sehingga bukan sahaja kampung mereka yang tergadai malah sehingga negara kita yang dicintai ini juga tergadai akibat hubungan antara masyarakat berbilang kaum yang semakin merosot.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan yang mulia ini, saya juga ingin menyentuh tentang isu pendidikan vernakular. Saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang telah sekali lagi mengesahkan kedudukan pendidikan vernakular di negara ini adalah terjamin dan termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan seperti yang ramai lagi tadi rakan-rakan Senator yang mengatakan memang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Berbanyak-banyak terima kasih diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas keprihatinan beliau di dalam Bajet 2015 yang akan sekali lagi memperuntukkan RM50 juta kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan buat pertama kali memperuntukkan RM25 juta untuk Sekolah Menengah Kebangsaan Cina ataupun *conforming school*, dengan izin.

Kita tahu walaupun terdapat segolongan kecil masyarakat yang mempersalahkan sistem pendidikan kita sebagai punca perpaduan nasional yang nampaknya kian longgar. Golongan ini menyalahkan kewujudan sekolah-sekolah vernakular sebagai punca masalah ini. Mereka mengatakan bahawa murid-murid di sekolah-sekolah vernakular kurang bergaul dan berinteraksi dengan murid-murid di sekolah-sekolah kebangsaan. Di sini saya tidak berhasrat untuk menuding jari dan mencari kesalahan mana-mana pihak. Sebaliknya, saya ingin memberi sedikit pandangan saya ke atas permasalahan yang kita hadapi.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan vernakular telah lama wujud di dalam sistem pendidikan negara ini. Pendidikan vernakular wujud sejak sebelum kemerdekaan negara kita. Namun pada masa itu rakyat Malaysia berbilang kaum dapat hidup dengan aman dan damai.

■1500

Misal kata rakyat Malaysia pada era 1950-an, 1960-an sehingga era 1970-an walaupun mendapat pendidikan di sekolah-sekolah yang berlainan, tidak kira sama ada di sekolah kebangsaan atau pun di sekolah vernakular, mereka boleh minum kopi dan santai bersama di sebuah kedai kopi yang sama. Kini kalau saya lihat mungkin cuma wujud di Sabah dan Sarawak.

Pada masa itu juga tidak wujud puak-puak yang menyelar rakyat Malaysia yang berbilang bangsa ini ataupun beragama lain dengan panggilan-panggilan yang bukan-bukan atau mencabar keharmonian kaum dan agama yang lain. Saya ingin memaklumkan kepada Dewan ini walaupun saya ini merupakan produk pendidikan vernakular. Seperti tadi Yang Berhormat Dato' mengatakan kalau

rupa saya memang macam orang Melayulah, cara cakap pun Melayu tetapi saya merupakan produk pendidikan vernakular di negara ini.

Namun, saya berasa bangga dengan negara yang saya cintai ini. Walaupun saya seorang Cina, namun saya tahu dan saya faham adat resam orang Melayu dan India. Saya menghormati kepercayaan-kepercayaan agama yang lain tidak kira Islam, Hindu, Kristian dan lain-lain. Ibu bapa saya, guru-guru saya, pemimpin-pemimpin saya mengajar saya supaya menghormati kaum dan agama yang lain. Saya turut diajar agar berbaik-baik dan berkawan rapat dengan rakan-rakan Melayu dan India demi keharmonian dan kemakmuran masyarakat di negara ini.

Pada dua tahun yang lepas kerana sebelum ini saya menjawat jawatan Setiausaha Khas Kepada Ketua Menteri Melaka, Dato Seri Idris Harun. Pada dua tahun yang lepas, berturut-turut sewaktu Hari Raya Aidilfitri, saya bergaya serupa macam Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai semalam. Saya pakai juga baju Melayu, bersongkok. Kita lihat kebanyakan akan merasa suka hati kalau setiap rakyat Malaysia melihat pemakaian atau kita menghormati agama, bangsa dan kita menghormati hak-hak yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Kita tidak melihat bangsa itu baik buruknya melalui warnanya, melalui agamanya ataupun lain-lain. Sebaliknya, kita melihat seseorang itu berdasarkan kepada nilai-nilai murninya sama ada dia seorang yang jujur, sama ada dia seorang yang berilmu, yang boleh dipercayai. Itulah nilai-nilai yang patut kita lihat pada seseorang, tidak kira dia Cina, Melayu atau India. Bukan berdasarkan kepada warna kulit ataupun agamanya.

Saya berpendapat dan penuh yakin bahawa elemen kepelbagaian atau kelainan kaum dan agama serta bahasa bukanlah satu penghalang ataupun kelemahan untuk kita bersatu. Sebaliknya ia adalah satu pendorong dan kekuatan untuk kita maju ke depan, terutamanya ia dapat meningkatkan daya saing kita di pentas antarabangsa. Saya percaya sebab itulah kenapa terdapat lebih daripada 60,000 orang murid-murid bukan kaum Cina yang belajar di SRJK(C) dan angka ini sedang meningkat.

Untuk memastikan rakyat daripada kaum dan agama dapat bergaul dan berinteraksi bersama, pihak kerajaan perlu mengadakan lebih banyak program untuk mengeratkan hubungan masyarakat ini, terutamanya semasa mereka masih kecil lagi. Bak kata pepatah, "*Melentur buluh, biarlah dari rebungunya*". Dalam hal ini saya berpendapat bahawa Kementerian Pendidikan dan Kementerian Belia dan Sukan memainkan peranan yang amat penting untuk mewujudkan program-program supaya murid-murid yang berbilang kaum, agama dan latar belakang sama ada dari sekolah-sekolah kebangsaan, sekolah vernakular mahupun sekolah antarabangsa atau swasta untuk bergaul bersama.

Misal kata di peringkat daerah, kita boleh mengadakan pertandingan-pertandingan sukan ataupun bengkel-bengkel sukan, malah bengkel kemahiran hidup yang melibatkan sekolah-sekolah. Sama ada sekolah kebangsaan, Cina mahupun Tamil supaya murid-murid berbilang kaum ini boleh bergaul bersama dan lebih memahami antara satu sama lain.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Boleh saya mencelah Yang Berhormat?

Tuan Koh Chin Han: Nanti saya. Ya Tan Sri. Tan Sri ini orang kampung saya.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Orang kampung kena bagilah.

Tuan Koh Chin Han: Biar saya habiskan dahulu. Ia adalah penting bahawa semangat perpaduan hubungan ini perlu dipupuk dari zaman muda, terutama ketika mereka masih kecil lagi. Dalam konteks ini, kalau kita umur yang lebih daripada 40 tahun, dahulunya kita nampak dalam pasukan bola sepak negara kita waktu itu terdiri daripada pemain-pemain ada Melayu, ada Cina dan ada India.

Kalau dahulu kita nampak ada Soh Chin Aun, ada James Wong, ada Wong Hung Nang, ada Kan Hang Meng, selepas itu Santokh Singh, ada R. Arumugam, Mokhtar Dahari dan ramai lagi. Namun sekarang, kalau saya lihat pemain-pemain ini kalau tidak silap, *more than*, lebih daripada 90% mungkin satu kaum sahajalah. Saya melihatnya daripada konteks sebab kalau sukan itu yang merupakan satu alat untuk memupuk perpaduan, terutamanya sukan berpasukan macam bola sepak, ragbi mahupun hoki.

Maka, saya menyeru Kementerian Belia dan Sukan perlulah merancang sesuatu supaya dalam sukan berpasukan ini kita dapat merancang untuk mendapatkan pemain-pemain dari berbilang kaum. Saya yakin sekiranya pasukan 1Malaysia ini dapat kita tubuhkan, ia merupakan satu pasukan yang kuat sekali. Itu yang betul-betul mempamerkan semangat 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada cadangan-cadangan di atas, saya berpendapat bahawa Pelan Transformasi Belia Negara yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan Bajet 2015 juga bakal memupuk perpaduan nasional. Contohnya, menambah baik Program Rakan Muda, Program Kem Unity yang bakal diperkenalkan dan program-program kesukarelawan belia melalui IM4U dan MyCop yang diumumkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya menyokong penuh usaha Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menggalakkan dan melancar program-program belia. Ini kerana melalui program-program inilah yang melibatkan orang muda yang berbilang kaum dan agama. Ia merupakan satu platform untuk mengeratkan lagi hubungan orang-orang muda yang berbilang kaum dalam usaha membina negara ini.

Oleh yang demikian, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Perdana Menteri atas keprihatinan beliau kepada belia dan juga perpaduan nasional. Terutamanya melalui peruntukan sebanyak RM320 juta untuk Pelan Transformasi Belia Negara.

Tuan Yang di-Pertua, demi mencapai matlamat Pelan Transformasi Belia Negara ini saya berpendapat kerajaan perlu melantik seorang Timbalan Menteri Belia dan Sukan yang berbangsa Cina. Oleh sebab sekarang ini kita nampak yang Menteri Belia dan Sukan ialah Tuan Khairy Jamaluddin dan timbalannya dari MIC. Akan tetapi yang ada Melayu, ada India tetapi tidak ada Cina. Saya bercadang demi menjayakan matlamat tersebut, kerajaan ataupun Perdana Menteri perlu melantik seorang Timbalan Menteri Belia dan Sukan yang berbangsa Cina yang bertanggungjawab memantau dan menyelaras penglibatan kaum Cina dalam kesemua program ini. Calon tersebut bagi saya tidak lain dan tidak bukan ialah saudara saya Yang Berhormat Senator Tuan Chong Sin Woon sepatutnya yang boleh dipertimbangkan cadangan saya ini.

■1510

Tuan Yang di-Pertua, ini sampai saya hendak gulung. Usaha dan kejayaan perpaduan nasional juga banyak bergantung kepada pemimpin-pemimpin politik dan masyarakat seperti kita semua yang duduk di dalam Dewan ini. Bagi saya, sekiranya kita menghormati Perlembagaan Persekutuan, kita memegang kepada keikhlasan, persefahaman dan juga semangat *inclusiveness*, dengan izin, maka saya ingat negara kita boleh capai satu perpaduan nasional yang agak boleh diterima dan mungkin membanggakan. Itu hasrat semualah. Maka, marilah kita berganding bahu dan berusaha sama untuk memupuk perpaduan nasional yang kita ingini. Inilah sahaja perbahasan saya dan cadangan-cadangan saya untuk dipertimbangkan oleh Dewan yang mulia ini. Dengan ini, saya mohon menyokong Bajet 2015. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Bagus Yang Berhormat. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Mohd. Suhaimi. Silakan Yang Berhormat.

3.12 ptg.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: *Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh...* [Membaca sepotong doa] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana saya pun ingat bukan giliran saya lagi. Tidak bersedia sebenarnya. Terpampang di depan saya ini, di depan komputer saya ini, saya ini dipilih oleh Dewan Undangan Negeri Kedah. Jadi perbahasan saya ini Tuan Yang di-Pertua, banyak akan melibatkan negeri Kedah kerana saya telah menghantar *Whatsapps, email, Telegram* dan sebagainya kepada rakan-rakan di negeri Kedah. Setakat ini saya telah mendapat 132 respons. Kalau saya hendak baca semua ini Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat. Jadi saya ambil *top 10* sahaja dan saya juga hendak minta maaf kerana suara saya terlalu...

Timbalan Yang di-Pertua: Kita tidak ada masa. Jadi pilih yang penting sahaja.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Ya, saya akan memilih yang penting sahaja Tuan Yang di-Pertua. Saya akan baca sahaja kerana suara saya pun pedih dan serak. Pertama, duit jimat untuk *fuel subsidy* RM20 bilion. Minta duit tersebut guna untuk buat lebuhraya baru dan terbesar. Lebuhraya yang ada, jadikan enam lorong.

Kedua, Hospital Sungai Petani. Pesakit tidur atas katil kanvas lebih kurang macam askar Melayu '*selului*' pakai. '*Selului*' ini bahasa Kedah '*selalu*' Tuan Yang di-Pertua.

Ketiga, sistem pendidikan kita kerap bertukar, tidak ada roh dan tidak holistik. Tukar Menteri, tukar arah. Contohnya dahulu kita kurang doktor, kemudian kita luluskan banyak kolej perubatan, *medical college*, yang ini pandai '*orang putih*' sedikit. Tumbuh macam cendawan. Kemudian ada 5,000 doktor, hendak pakai hanya 2,500. Sudah kelam-kabut, doktor tidak ada kerja.

Keempat Tuan Yang di-Pertua, minta maaf Tuan Yang di-Pertua, sakit tekak.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya faham Yang Berhormat. Saya pun lebih kurang sama.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: [Ketawa] Sehati sejiwa. Keempat, bonus kakitangan kerajaan kalau boleh minta disalurkan sebelum pembukaan persekolahan penggal pertama. Jika lambat, ada yang akan menggunakan kad kredit yang mana faedahnya tinggi.

Kelima, meminta pihak kerajaan memperjelaskan isu berkaitan status jawatankuasa CEC DAP. Ini kasar sedikit Tuan Yang di-Pertua, yang telah lama tertangguh agar semua rakyat mengetahui bahawa kita masih ada undang-undang berhubung dengan persatuan dan parti-parti di Malaysia.

Keenam, Bajet 2015 tidak sentuh langsung bab padi termasuk subsidi. Apakah kami ini tidak mengundi? Apakah kami ini tidak mengundi Tuan Yang di-Pertua? Kenapa kami petani-petani dipinggirkan? Dahulu sekiranya ada peningkatan hasil padi, kerajaan akan beri insentif kepada petani sebanyak RM200 setiap satu relung. Sebaliknya dari musim pertama 2014, insentif itu telah diberhentikan. Kenapakah insentif ini diberhentikan? Ini kerana insentif inilah yang merupakan penggerak kepada petani-petani untuk bekerja lebih kuat.

Sehubungan dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya ada membaca laporan daripada MADA. MADA ini yang menjaga kawasan-kawasan bendang di negeri Kedah dan daripada laporan ini saya melihat MADA mendapat peruntukan yang begitu tinggi sebanyak RM115 juta. RM115.2 *million* tahun 2011 dan ada lagi tambahan selepas itu. Saya melihat MADA juga tidak bergerak seperti mana objektif yang dinyatakan di dalam buku ini.

Kalau kita tengok objektif MADA ini, mentransformasikan industri padi ke tahap moden, cekap, mampan dan kompetitif, mempergiatkan penglibatan peladang dalam keseluruhan rantaian nilai atau *total value chain* padi dan beras, memaksimumkan pendapatan peladang melalui pelbagai sumber. Saya tidak nampak petani-petani di Kedah di bawah kawasan MADA yang peningkatan ekonominya begitu ketara. Ada naik, tetapi tidak begitu ketara seperti mana *expectations* petani-petani di negeri Kedah.

Ada juga kita dimaklumkan bahawa kerajaan telah memperuntukkan kalau tidak salah saya RM1.2 bilion untuk menaiktarafkan *irrigation system* di kawasan MADA. Jadi saya hendak bertanya kepada kementerian, bilakah *irrigation system* ini akan dilaksanakan supaya petani-petani di negeri Kedah di bawah kawasan MADA mendapat *supply* dengan izin, air yang mencukupi supaya tanaman mereka ini dapat dipertingkatkan.

Soalan seterusnya daripada rakan-rakan di negeri Kedah. Saya minta maaf kerana hanya hendak baca sepuluh. Terdapat lambakan jumlah bilik-bilik hotel, motel, chalet dengan melebihi permintaan di pasaran. Sebelah kampung saya memang banyak Yang Berhormat, chalet-chalet yang naik macam *mushroom*. Kadang-kadang dia beli kontena, dia buat chalet. Ditambah pula dengan adanya *homestay* yang tidak memenuhi dan menepati syarat. Keadaan bertambah rumit dengan adanya pangsapuri dan juga rumah-rumah yang dijadikan *holiday apartment*, tetapi dipanggil juga sebagai *homestay*. Kerajaan diminta mengadakan garis panduan berhubung dengan isu-isu ini.

Kelapan Tuan Yang di-Pertua, kenapakah syarikat-syarikat *maintenance* rumah-rumah *flat*, di negeri Kedah ada juga rumah-rumah *flat*, dikenakan GST, sedangkan syarikat-syarikat ini memberi khidmat berbayar seperti menjaga lif, kebersihan, menjaga kawasan taman permainan kanak-kanak, mencuci kolam renang dan sebagainya. Dengan GST, bermakna *maintenance cost* akan naik harga dan sekali gus menjejaskan pengundi-pengundi di kediaman-kediaman tersebut.

■1520

Kesembilan, hari ini masih terdapat 10 hingga 15 orang anak-anak di SMK Tingkatan 5 yang masih tidak boleh membaca dan menulis. Minta kerajaan beri tumpuan berhubung isu ini khususnya di kawasan-kawasan luar bandar.

Kesepuluh Tuan Yang di-Pertua, kami minta kerajaan memberi kuasa kepada Peguam Negara supaya diberi kuasa buat petisyen arah kerajaan negeri ganti tanah rizab Melayu yang telah diambil sama ada oleh kerajaan ataupun syarikat-syarikat.

Saya buat sedikit kajian berhubung dengan tanah rizab Melayu ini, Tuan Yang di-Pertua. Saya melihat rupa-rupanya tanah rizab Melayu ini termaktub dalam perlembagaan kita juga bahawa Majlis Raja-Raja Melayu telah menentukan bahawa pada setiap masa, tanah rizab Melayu ini hendaklah melebihi 50%.

Kalau kita tengok penyusutan tanah rizab Melayu ini Tuan Yang di-Pertua, tahun 1921 yang saya dapat angka di sini, keluasan tanah rizab Melayu adalah 2,088,500 hektar. Tahun 1931 menyusut kepada 2,422,000 hektar. Tahun 1955 seluas 1,757,000 hektar. Tahun 1970 seluas 1,718,000 hektar. Ia semakin menurun. Tahun 1983 seluas 1,300,000 hektar. Tahun 1986 seluas 1,700,000 hektar. Tahun 2005 seluas 1,600,000 hektar dan tahun 2009 seluas 1,500,000 hektar. Kalau kita tengok dari segi peratusnya daripada tahun 1921, kita ada 23%, sekarang sudah jadi 11% sahaja. Ini saya tidak tengok angka bagi tahun 2014 atau yang mutakhir sekali.

Saya dapat laporan ini pun saya melihat bahawa tanah rizab Melayu ini memang ada enakmen-enakmen di setiap negeri. Saya hendak mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Kedah kerana telah berjaya *maintain*, dengan izin, lebih daripada 50% tanah rizab Melayu.

Saya melihat baru-baru ini ada satu memorandum Perpaduan Nasional di mana koleksi daripada NGO-NGO telah pun meminta supaya tanah-tanah rizab Melayu ini hendaklah dikembalikan kotanya kepada kota asal. Jadi saya hendak menyeru kepada kerajaan negeri melalui Kerajaan Persekutuan supaya tanah-tanah rizab Melayu ini dikembalikan semula. Contoh yang boleh kita berikan, saya tengok dalam laporan ini, tanah rizab Melayu yang diambil untuk membuat lebuhraya tidak digantikan balik. Bayangkan dari Utara dan Selatan, tanah-tanah rizab Melayu yang diambil itu tidak digantikan balik.

Persamaan dengan perkara ini juga Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai seorang sahabat yang mempunyai tanah rizab Melayu di Selayang. Dia hendak membangunkan tanah rizab Melayu ini dan membawa gerangnya ke bank dan bank yang *value*, dengan izin, tanah tersebut terlalu rendah sehinggakan dia tidak dapat membuat projek ini. Jadi kita hendak minta supaya kerajaan menilai semula tanah rizab Melayu yang ada di dalam pekan ataupun di tempat-tempat yang strategik disamakan dengan tanah yang bukan rizab Melayu supaya diberi peluang kepada tuan punya tanah ini dapat membangunkan tanah mereka sama seperti tanah-tanah bukan rizab Melayu.

Berbalik kepada rakan-rakan saya yang menghantar *WhatsApp* dan SMS ini. Kami rakyat bersetuju dengan tidak sepenuh hati- bersetuju tetapi dengan tidak sepenuh hati dengan pelantikan CEO MAS yang baru iaitu Christoph R. Mueller yang bukan warganegara Malaysia. Akan tetapi, kita

minta MAS jangan seperti syarikat-syarikat gergasi lain yang nombor satunya Orang Putih, nombor duanya Orang Putih, *procurement officemya* Orang Putih, semuanya Orang Putih. Contoh syarikat dia bagi tetapi saya tidak hendak maklumkan di sini.

Kedua belas, setakat mengajar tidak mengapa- ini *direct* Tuan Yang di-Pertua, setakat mengajar tidak mengapa. Kerja-kerja kerani yang tidak tahan ini. Sudah tiga hari duduk berulang pergi sekolah *dok check wiring*, kerusi meja rosak, *aircond* rosak, atap pecah, buat semula pelan sekolah. Kita ini cikgu, bukan *wireman*, bukan arkitek, bukan kontraktor. Mungkin Tuan Yang di-Pertua pun tidak faham. Dia ini cikgu tetapi kerja *check wiring* di sekolah pun dia kena buat. Cat sekolah pun dia kena cat kerana tidak ada kakitangan yang mencukupi. Jadi saya rasa kena minta juga Kementerian Pendidikan melihat perkara-perkara begini kerana banyak sekali berlaku di sekolah-sekolah, lebih-lebih lagi di kawasan luar bandar.

Ketiga belas ialah maklumat guru. Kenapa tidak ada satu sistem yang standard yang boleh diguna pakai? Setiap kali sektor yang berlainan minta, kita kena *key in* semula. Kalau dalam setahun 10 sektor minta fakta, maka 10 kalilah kena *key in*. Saya rasa Kementerian Pendidikan faham bab ini.

Ada GLC dan syarikat-syarikat milik kerajaan- ini daripada sahabat di Kuala Lumpur. Kalau staf beri cadangan, *top management* dan *board* akan tanya macam-macam. Kucar-kacir bila buat *presentation*. Lepas itu tidak ada tindakan. Akan tetapi kalau konsultan dari luar negeri yang memberi pendapat dan pandangan, maka pandangan itu diambil terus walaupun konsultan itu dibayar dengan harga yang cukup tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja yang saya hendak baca daripada rakan-rakan saya. Akhir sekali kerana saya terlalu pedih sangat tekak saya ini Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memberi sedikit penerangan saya selaku Bendahari Agung PEMADAM, hendak bercakap sedikit berhubung dengan dadah, musuh nombor satu negara.

Saya melihat semalam Yang Berhormat Menteri memberi penerangan kepada kita berhubung dengan dadah. Saya melihat setakat mana ekonomi kita berkembang kalau musuh negara nombor satu ini tidak kita atasi, buatlah banyak mana pun, akhirnya anak-anak kita akan terjerumus ke dalam kancuh dadah ini.

Fakta yang saya dapat di sini, tindakan di bawah Akta Dadah Berbahaya ini Tuan Yang di-Pertua, dari tahun 2011 hingga 2014, kalau kita tengok nilai harta yang disita sahaja memang menakutkan. Tahun 2011 sebanyak RM64,836,000 harta yang disita. Tahun 2012 ada penurunan sedikit sebanyak RM54.4 juta. Tahun 2013 sebanyak RM94.9 juta. Jumlah bagi tiga tahun ini ialah RM263 juta yang disita oleh Polis Diraja Malaysia.

Kemudian kalau kita tengok lagi angka tangkapan ke atas penuntut-penuntut sekolah dan penuntut IPT, bagi sekolah yang umur bawah 11 tahun, tahun 2011 seramai 24 orang, tahun 2012 seramai 32 orang, tahun 2013 seramai 35 orang, tahun 2014 seramai 30 orang. Di IPT, tahun 2011 seramai 118 orang, naik kepada 120 orang, turun kepada 108 orang, turun kepada 71 orang. Mereka yang jual dadah umur 11 tahun ke bawah seramai 49 orang, IPT seramai 48 orang.

■1530

Kemudian kita tengok orang yang 'dok' tangkap ini pegawai. Pegawai dan anggota tahun 2012, anggota yang ditangkap, bekal dadah 13 orang. Tahun 2012 seramai 10 orang, tahun 2013 seramai 12 orang. Pegawai dan angkatan tentera yang positif dadah adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah (Orang)
2011	201
2012	193
2013	200

Kalau kita tengok daripada angka-angka ini Tuan Yang di-Pertua, kita bimbang. Ini kerana yang hendak menangkap pun hisap dadah, yang di sekolah pun hisap dadah dan dalaman angkatan tentera pun hisap dadah.

Saya hendak bercerita sedikit daripada pengalaman saya selaku Ahli Bendahari PEMADAM, kami dibawa untuk melawat rakan-rakan kita yang terlibat dengan dadah ini. Terdapat di Melaka, bapa dia di Kedah, dapat bapa dia yang suntik dadah kepada anak lelakinya di kemaluannya. Kemudian selepas bapanya *high*, anak pula suntik di kemaluan bapanya. Kedua-duanya penagih dadah, dengan izin. Selepas itu kami tanya anaknya yang berumur 6 tahun, "*Abang cucuk 'tote' ayah, ayah cucuk 'tote' abang.*" Jadi apabila kami melihat perkara ini, apa yang akan jadi kepada keluarga ini.

Di Subang Jaya, pukul isteri sampai mati kerana hendak beli syabu tidak ada duit. Di Perak, saya melihat dengan mata kepala saya sendiri, potong tetek emak dia ini- tetek, dengan izin. Buah dada emak dia, potong sampai habis. Emaknya tidak mahu buat laporan polis kerana sayangkan anak, hendak ambil rantai emaknya.

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat benarkan tidak?

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Saya tidak ada suara, saya tidak berapa hendak bagi laluan.

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: Sikit sahaja Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Tidak, saya teruskan. Saya pun pedih ini. Jadi saya tengok dan saya bertanya ibu ini, "*Tidak sakitkah?*" Dia kata luka ini tidak sakit, yang sakit hatinya. Ini kerana melihat anaknya sanggup buat begitu. Ibu yang menyusukan dia, dia sanggup potong hingga nampak tulang. Sanggup potong untuk hendak mendapatkan rantai emaknya untuk beli dadah. *Masya-Allah*. Kami yang tengok dia sendiri itu rasa terlalu amat sedih.

Di Melaka anak dapat HIV, bapa dapat HIV, emak tidak dapat tetapi lari tinggal anak dan bapa. Ini cerita-cerita dadah yang amat menakutkan. Oleh sebab itu saya katakan tadi pada awal tadi, setinggi mana ekonomi kita, sebanyak mana pun bajet yang diberikan kepada kita tetapi kalau musuh negara nombor satu ini tidak kita bendung, *masya-Allah*.

Dadah terbaru dipanggil *bath salt* atau *salt bath*. Itu macam kita pergi hotel, dia bagi garam dalam bilik itu dicampurkan dengan *ingredients* lain, dengan izin. Apabila kita kena *bath salt* ini, *the*

urging power itu, kita meminati hendak makan daging manusia. Ini dadah yang terbaru, sudah masuk ke Thailand *bath salt* ini. Apabila kena dia, saya katakan tadi dia hendak rasa, dia hendak makan. Orang kata melonjakkan keinginan nafsu dia hendak makan daging manusia. Katanya sudah masuk ke negara kita dan setakat ini saya melihat daripada angka-angka ini amat menggerunkan sekali.

AADK, semalam diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri kita bahawa AADK membuat program-program dan kita kalau kita tengok pada tahun lepas, banyak guru yang datang jumpa PEMADAM minta duit supaya mereka dapat buat program di sekolah. Kementerian Pendidikan tahu tidak yang bahawa tidak ada peruntukan yang diberikan kepada sekolah-sekolah untuk membanteras dadah ini, yang diberikan hanya kepada AADK sahaja. AADK pula dengan peruntukan yang diberikan tahun 2013 ini, ini angka sebenar. Program Sekolah- Sayangi Hidup Elak Dadah dibuat hanya 116 kali. Program di IPT 219 tajuk ia "*Tomorrow's Leader*". Program di tempat kerja 695, Program Keluarga Bebas Dadah, 223. Kalau kita tengok angka-angka program yang dibuat kali ini dengan angka anak murid di sekolah, kalau kita tengok daripada yang terlibat dengan dadah ini...

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada empat minit lagi Yang Berhormat ya.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Kalau begitu, saya terima kasih banyak kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya pun hendak tunggu Tuan Yang di-Pertua kata masa cukup kerana terlalu pedih kerongkong saya. Saya minta...

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa Yang Berhormat. Yang Berhormat sebenarnya boleh berhenti bila-bila masa.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Saya minta maaf, cumanya saya hendak sentuh sedikit berhubung dengan rumah PR1MA ini. Kita tidak tahu berapa harga rumah PR1MA ini dan saya dimaklumkan ada yang RM100 ribu, ada yang kurang daripada RM100 ribu. Sahabat saya di sebelah saya kata mungkin di Perlis murah daripada di Kedah atau di Selangor lebih mahal daripada di Melaka. Saya hendak cadangkan supaya khususnya di kawasan negeri Kedah ini, dahulu ada rumah PPRT yang dibina oleh KEDA, MADA dan sebagainya.

Saya hendak mencadangkan supaya rumah PPRT ini disambungkan. Ini kerana PPRT ini dibina di atas tanah pemilik rumah tersebut. Kalau kita bagi bantuan, sekarang ini dia bagi percuma tetapi kita bagi minta supaya PR1MA bagi bantuan kepada mereka ini dan sewa beli atas rumah tersebut. Jadi kita tidak payah hendak cari tanah. Tanah mereka ada dan mereka ini sanggup bagi tanah itu, buat rumah itu, kita ambil balik daripada sewa beli, daripada kita buat rumah-rumah lain. Ini cadangan saya.

Saya diminta juga untuk bercakap sedikit berhubung dengan *airport* baru yang hendak diadakan di negeri Kedah. Kalau kita tengok, saya menyokong penuh dan meminta supaya Kerajaan Persekutuan dapat mempercepatkan pembinaan Lapangan Terbang Kulim ini. Ini kerana kita tengok dari segi positifnya, lapangan terbang ini akan membawa nikmat banyak kepada orang-orang kampung di negeri Kedah. Tidak perlu kiralah dari segi pekerjaan, dari segi harga tanah di sekeliling, di persekitaran itu akan naik. Kita juga melihat kargo-kargo dari Pulau Pinang telah pun mula ditolak. Tidak bawa lagi melalui *airport*, dibawa melalui jalan biasa. Jadi kalau kita tengok, kalau hendak

membesarkan Lapangan Terbang Pulau Pinang itu, saya tengok tidak nampak jalan yang hendak dibesarkan kerana tanah yang terlalu sempit.

Kalau tuan-tuan pernah pergi ke Pulau Pinang, saya cukup takut hendak naik kapal terbang pergi Pulau Pinang. Apabila hendak *landing* di Pulau Pinang itu kita jumpa kubur dahulu. Kalau siapa pernah pergi Pulau Pinang, hendak *landing* ia mesti jumpa kubur dahulu. Kalau hendak besarkan *airport* itu, maknanya dengan kubur-kubur itu pun kita hendak kena korek. Jadi kita cadangkan supaya Kerajaan Persekutuan memberi kebenaran secepat mungkin supaya lapangan terbang di negeri Kedah yang dicadangkan di Kulim tersebut dibuat dengan cepat supaya *the golden triangle* yang ada di kawasan Kedah, Selatan Thailand dan juga sebelah Perak dapat dipercepatkan ekonomi di kawasan-kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahan lagi sudah pedih sangat. Saya akhiri dengan menyokong Bajet 2015. Terima kasih.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Sebelum saya memanggil seorang lagi Yang Berhormat untuk membahaskan rang undang-undang bajet ini, kita menjemput seorang Yang Berhormat Menteri untuk mengemukakan satu usul. Silakan Yang Berhormat Menteri.

■1540

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

3.40 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Abdul Rahim bin Bakri]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1) saya mohon mencadangkan bahawa Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7 malam atau sehingga selesai giliran ke semua ahli yang ingin berbahas yang mana terdahulu dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Isnin, 15 Disember 2014.”

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Lee Chee Leong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Salim. Silakan Yang Berhormat.

3.41 ptg.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah* saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua bagi memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2015.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin mengucapkan tahniah dan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita di atas pembentangan Bajet 2015 yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada Oktober yang lalu dengan bertemakan ekonomi keperluan rakyat. Bajet ini menggariskan tujuh strategi utama iaitu:

- (i) memperkukuhkan pertumbuhan ekonomi;
- (ii) memantapkan tadbir urus fizikal;
- (iii) mengupayakan modal insan dan keusahawanan;
- (iv) memperkasakan agenda Bumiputera;
- (v) memartabatkan peranan wanita;
- (vi) membangunkan Program Transformasi Belia Negara; dan
- (vii) menyejahterakan rakyat.

Apa yang saya hendak bawak adalah soal pembangunan yang lebih kerana saya datang daripada Dewan Negeri yang dipilih di Negeri Sembilan seperti Yang Berhormat Dato' Suhaimi. Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa pembangunan yang telah dirancang untuk tahun 2015 iaitu Lebuhraya Sungai Besi-Ulu Klang sepanjang 59 kilometer, membina Lebuhraya Pantai Barat ke Banting 276 kilometer, membina Lebuhraya Damansara, seterusnya Lingkaran Luar Kuala Lumpur.

Apa yang saya lihat dari segi bajet ini ialah kepadatan penduduk di Lembah Klang menuntut kerajaan supaya menyediakan infrastruktur yang canggih, yang lebih selesa. Maka tidak hairanlah banyak projek pembaikan infrastruktur tertumpu ke Lembah Klang. Akan tetapi masih ada infrastruktur jalan yang turut sama pentingnya dan mempunyai keperluan yang mendesak.

Saya melihat bahawa setiap saban hari, saban minggu jalan antara lebuh raya ke Kuala Lumpur-Seremban telah ditambah kepada tiga *lane* kepada empat *lane*. Jadi antara Seremban ke Pantai Timur melalui Kuala Pilah, Jempol, Bera dan juga Pekan tidak ada satu *highway* pun. Jadi kalau hendak ke Pekan kita terpaksa melalui Karak ataupun melalui Kuala Pilah, Jempol, Muadzam dan juga Pekan. Jadi saya melihat bahawa sudah sampai masanya kerana penduduk-penduduk di kawasan ini terlalu ramai dan padat yang bekerja juga di Kuala Lumpur dan setiap minggu pastinya akan sesak.

Saya dapat maklum bahawa kawan-kawan yang pergi ke Jempol tempoh hari sampai empat jam hendak sampai ke Kuala Lumpur. Jadi ini amat penting kerana penduduk-penduduk yang berada di kampung ini adalah penyokong tegar Kerajaan Barisan Nasional. Jadi mereka ini perlu dibela

dengan adanya jalan raya ini nanti akan bertambahlah pembangunan dari segi ekonomi, dari segi prasarana-prasarana lain iaitu perumahan.

Jadi kalau kita lihat perumahan di Kuala Lumpur ini terlalu tinggi. Jadi dengan adanya jalan raya ini nanti dan *insya-Allah* orang Kuala Lumpur boleh duduk di Jempol, orang Kuala Lumpur boleh duduk di Kuala Pilah dan sekarang ini kita lihat ramai oleh berulang daripada Kuala Lumpur ke Seremban 2 melalui *LEKAS Highway* ataupun melalui *highway* yang sedia ada kerana harga rumah yang terlalu mahal di Kuala Lumpur dan di Seremban masih lagi harga patut yang mana banyak mereka ini membeli rumah di Seremban. Jadi kalau adanya lebuh raya atau adanya jalan yang kedua ini dapat memudahkan lagi perjalanan ke Pantai Timur melalui jalan-jalan yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat bahawa keupayaan jalur lebar berkelajuan tinggi melalui tindakan ini kerajaan bercadang untuk melengkapkan kawasan-kawasan ekonomi yang berimpak tinggi meneruskan liputan bandar-bandar terpilih di seluruh negara dengan peruntukan RM227 bilion yang akan dibelanjakan dalam tempoh tiga tahun. Ia melibatkan 1,000 menara pencawang baru dan membina kabel dasar laut.

Saya amat menyokong usaha ini tetapi saya mohon ianya tidaklah seperti kampung tanpa wayar yang mana kemudahan yang ada hari ini maknanya tidak berfungsi seperti mana yang kita harapkan bahawa kebanyakan kampung-kampung yang ada, yang telah dibekalkan dengan tanpa wayar ini tidak dapat berfungsi. Orang-orang kampung hari ini memang perlukan internet, perlukan WiFi di kampung-kampung untuk memasarkan produk-produk yang ada dekat kampung. Jadi kerajaan telah membelanjakan dengan belanjaan yang tinggi tetapi tidak dapat digunakan.

Saya tidak fahamlah sama ada *maintenancenya* ataupun syarikat pengendali tersebut tidak dapat berkhidmat dengan baik ataupun menggunakan kemudahan yang ada ini untuk semua rakyat. Ini bak kata pepatah orang tua,

*Alang tukang, binasa kayu,
Alang cerdik binasa adat,
Alang alim rosak agama,
Alang pandai rosak negeri.*

Inilah yang kita bimbangkan bahawa kerajaan membelanjakan jutaan ringgit, bilion ringgit tetapi rakyat tidak dapat rasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak membangkitkan soal Kementerian Perdagangan yang kita tahu bahawa Kementerian Perdagangan mengeluarkan lesen francais di antara syarikat-syarikat *fast food* ataupun makanan segera yang kita lihat hari ini terlalu banyak. Jadi saya hendak menarik perhatian kepada *fast food* ini *McD* ini yang mana *McDonald's* ini telah lama beroperasi di Malaysia.

Jadi saya melihat saya sudah bangkitkan soalan ini pada penggal yang lepas tetapi tidak ada sebarang tindakan kerana saya dapati *McDonald* ini telah lari daripada sasaran sebenarnya. Dulunya dimiliki oleh 100% Bumiputera ataupun 100% warga Malaysia yang mengendalikan *McD* ataupun *McDonalds* tetapi sekarang berlainan. Apa yang saya lihat sendiri bahawa hendak menjadi francais

McD sahaja perlukan modal, yuran dia RM2.8 juta. Ini saya minta *Kementerian* Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal *Pengguna* menjawab dengan *detail* dan siapa pemegang syer yang sebenarnya sekarang.

Cuma yang saya faham pemilik syer ini adalah daripada orang-orang yang bukan warganegara. Cuma meletakkan 10% kepada bumiputera yang orang kata *sleeping partner* ataupun lebih diistilahkan kepada pak turut. Ini yang membahayakan dan tiada hak ataupun tiada keistimewaan pada bumiputera yang hendak menjadi francais. Adalah dua ke tiga orang bumiputera yang berniaga dan diskriminasikan bak kata pepatah, "*Hidup segan, mati tidak mahu.*"

Jadi yang ini Tuan Yang di-Pertua KPDNKK perlu melihat banyak lagi francais yang ditubuhkan ataupun diberi *license* tetapi asalnya bagus dan akhirnya tidak bagus kerana mendapatkan lesen, matlamat dan objektif sebenarnya tidak tersasar.

■1550

Ini bukan sahaja pada *McD*, *Starbuck*, *Burger King* dan yang lain-lain yang saya lihat terlalu merisaukan ialah *McD* ini sendiri. Keduanya tentang syarikat yang mengendalikan sendiri tanpa ada francais contohnya *KFC* di bawah Johor Corp. Yang ini kita lihat bahawa syarikat dia maju tetapi maju, kita tidak dapat *share the cake*. Maknanya orang lain tidak dapat menyertai bersama. Jadi, saya pohon agar *KFC* ini dibuka ruang supaya peniaga-peniaga bumiputera dapat turut sama dalam industri makanan ini. Begitu juga dengan *A&W* yang salah seorang Senatornya ada di sini. Ini pun perlu difikirkan. Dahulunya *A&W* hebat. Itulah satu kedai, sampai sekarang itulah kedainya. Jadi, tidak ada perkembangan dari segi ini. Jadi, apalah salahnya, apalah kiranya kalau ianya boleh membangunkan ekonomi bumiputera, membangunkan ekonomi warga Malaysia bagi peluanglah kerana ini adalah makanan dan orang lain pun boleh turut sama dalam industri tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi strategi menyejahterakan rakyat. Saya sangat bersetuju dengan pemberian bantuan persekolahan yang mana selama ini kita sudah dapat dua ataupun tiga tahun yang lalu iaitu bantuan persekolahan kepada semua murid RM100, baucar buku RM250. Ini saya melihat bahawa Kementerian Pendidikan sudah sampai masanya untuk menilai bukan semua akan dapat bantuan tersebut. Ini kerana mereka yang berpendapatan melebihi RM10,000 dapat RM100. Orang susah dapat RM100. Jadi, tidak ada kajian, orang kata hendak bagi peruntukan ini biarlah pada sasaran yang sebenar. Janganlah bagi pada orang yang sudah kenyang, suruh makan lagi ataupun orang yang dahaga tidak diberi air. Jadi, yang ini saya melihat bahawa pihak Kementerian Pendidikan mengenal pasti mereka yang benar-benar perlu bantuan persekolahan ini. Kadang-kadang anak dia ramai, kadang-kadang anak dia sedikit tetapi anak yang ramai ini patutlah dia dapat.

Kalau mereka yang berpendapatan RM10,000 ke atas hendak bagi RM100 tidak ada nilai. Jadi, apakah salah sekiranya duit RM100 yang ada pada bantuan persekolahan ini ditambah daripada RM100 kepada RM150 kerana mereka yang kaya, yang berkemampuan tidak perlulah RM100. Ini saya fikir amat sesuai kerana bantuan persekolahan ini perlu dah. Sekarang ini hendak buka sekolah, bantuan belum datang. Saya minta Kementerian Pendidikan janganlah bagi bantuan persekolahan

RM100 kaunter 'A', kaunter 'B' *collect* pula. Jadi, duit itu tidak sampai ke poket. Akhirnya entah macam-macamlah. Bayar uniform ini, bayaran itu dan bayaran lain-lain.

Walaupun yuran persekolahan *free* tetapi ada lagi bayaran yang lain-lain digunakan. Ini kita minta pihak kementerian tidak berulang kedua kalinya orang pergi ambil bantuan persekolahan RM100, ada pula satu tabung lagi untuk dibayar RM100. Jadi, tidak ada makna kerajaan membantu mereka yang susah, akhirnya tidak dapat peruntukan tersebut. Ini amat bahaya dan rakyat bercerita ibarat kerajaan mempermainkan beliau dengan adanya peruntukan RM100 ini tidak sampai ke saku mereka. Tidak sampai untuk beli bahan-bahan persekolahan kerana sekolah-sekolah tertentu telah mengenakan hari yang sama, mengenakan potongan terus. Bagi duit potong terus. Dia tidak potong masa itu tetapi dia bayar tempat yang lain. Di kantin contohnya. Bagi di bilik darjah tetapi bayaran di kantin 'A'. Jangan menampakkan sangat. Yang ini pun tidak boleh. Jadi, saya berharap pihak kementerian perlu melihat perkara ini lebih khusus lagi kerana tidak akan berulang kedua kalinya.

Keduanya, bantuan persekolahan RM100 ini kita harap adalah Kedai 1Malaysia yang mana barang-barang persekolahan ini dibeli dengan kadar yang murah seperti Kedai Runcit 1Malaysia. Jadi, adalah kedai untuk beli barang-barang persekolahan ini Kedai 1Malaysia yang khusus untuk barang-barang keperluan persekolahan, yang kita tahu bahawa musim bulan 12 ini adalah musim ibu bapa untuk membeli kelengkapan sekolah. Jadi, apalah kiranya untuk masa-masa akan datang difikirkan ataupun barang-barang yang daripada kilang yang lebih murah daripada pasaran yang ada untuk mereka ini menggunakan baucar ataupun menggunakan wang tersebut untuk membeli barang-barang keperluan sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Kerajaan Malaysia kerana telah menambah BR1M kita kepada RM950 pada mereka yang berpendapatan bawah daripada RM4,000. Jadi, mereka yang berpendapatan lebih daripada itu tidak dapat apa-apa sedangkan anak dia 10 orang hendak bersekolah. Jadi, oleh kerana pendapatan itu tidak mengizinkan beliau layak untuk mendapat BR1M. Sedangkan dengan pendapatan yang ada pada dia memang orang susah, tengok pendapatan dia RM4,000, anak dia 10 orang. Jadi, yang ini pun kita kena ambil kira.

Mungkin di Kuala Lumpur orang tidak ramai anak tetapi orang yang duduk di kampung dengan keadaan yang begitu harmoni, mereka ini memang ramai anak. Jadi, bila ramai anak, tanggungan ramai dengan kadar RM4,000 ini saya rasa kita kena cari satu mekanisme pada mereka yang bawah RM7,000 pendapatan sebulan, diberi bantuan dan paling tidak difikirkan Skim Khairat Kematian. *At least* dia dapatlah apa yang rakyat dapat oleh kerana kemampuan pendapatan tersebut tidak menjangkau apa yang dapat selama dia berada dalam lingkungan gaji tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perumahan yang disebutkan oleh pembahas sebelum ini, saya ingin membetulkan kerana dia sebut soal Negeri Sembilan. Kuota bumiputera untuk pembangunan perumahan dan juga pembangunan yang lain dihadkan daripada 30% kepada 70%. Beliau menyebut di Dewan ini, saya rasa ini adalah fakta yang tidak betul kerana Kerajaan Negeri Sembilan, begitu juga dengan Kedah. Saya rasa orang Kedah akan jawab. Negeri Sembilan masih lagi mengekalkan kuota bumiputera pemilikan rumah 30%. Bukan seperti yang disebut sebelum ini.

Jadi, yang ini saya rasa beliau kena mengetahui ataupun memahami dahulu sebelum dia bercakap di Dewan ini kerana ini mengundang persepsi buruk kerana orang Melayu hari ini dianggap menyusahkan kepada bangsa-bangsa lain. Ini bagi saya beliau kena melihat sejauh mana fakta-fakta tersebut daripada mana dia dapat. Jadi, saya hendak membetulkan fakta ini kerana saya sudah semak dengan kerajaan melalui akses setiausaha kerajaan negeri bahawa kuota untuk bumiputera masih kekal 30% di Negeri Sembilan. Jadi, saya hendak membangkitkan soal...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak mencelah kah? Ada yang hendak mencelah Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Ya, sila.

Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak. Saya ingin mencelah sedikit. Tadi diceritakan oleh Yang Berhormat Senator perkara *fast food*, dengan izin. Yang disinggung tadi *McDonalds* dan juga yang disinggung tentang *A&W*. *A&W* ini saya ialah pengkerusinya di bawah KUB. Yang Berhormat tahu sendiri bahawa *A&W* ini sudah lahir sejak 50 tahun dahulu. *To be very frank*, dengan izin, *is back-to-black*, sudah untung.

Di sini kami ada lebih kurang 21 *outlet* termasuk di PJ itu dimiliki oleh KUB atau *A&W* dan saya pengkerusinya. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua saya ingin memaklumkan bahawa *A&W* di Thailand itu, Bangkok pun *A&W* milik KUB juga. Ada 21 *outlet*, itu sebenarnya. Jadi, kami *insya-Allah* sudah berjaya, sudah dikembangkan. Kemudian, baru ini saya baru balik daripada Hawaii International. Dia kata tahniah kepada *A&W* di Malaysia yang di bawah KUB itu kerana telah berjaya meneruskan. Terima kasih.

■1600

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd. Salim bin Sharif @ Mohd. Sharif: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan soal pinjaman perumahan. Ini kerana kita tahu bahawa ramai bumiputera hendak beli rumah tetapi pihak bank enggan bagi pinjaman. Ini kerana tidak cukup syarat-syarat tertentu yang mana dia tiada *payslip*, tiada kewangannya boleh dibuktikan, jadi mereka ini susah untuk mendapatkan pinjaman perumahan. Jadi, apa yang saya lihat hari ini, sudah sampai masanya kerajaan kena menubuhkan bank perumahan, khusus untuk membantu mereka ini yang sukar untuk mendapat pinjaman perumahan. Kalau pergi bank, tidak dapat, jadi akhirnya dia tidak mampu hendak beli. Hendak tunjuk bukti atau slip gaji, mungkin kemampuan itu pun tidak cukup.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]

Kalau kerja di kampung mana ada *payslip*, mana ada bukti yang menunjukkan kewangan ini. Yang inilah kita kena fikirkan bersama dan kalau boleh kita bersetuju bersama agar bank perumahan ini dapat ditubuhkan bagi membantu menyelesaikan masalah-masalah, kuota-kuota bumiputera yang tidak terjual kerana kesukaran untuk mendapatkan pinjaman. Yang ini perlu kita ingat bahawa sampai banyak mana pun kita meletakkan had kuota dan sebagainya kalau pihak bumiputera ataupun

bumiputera tidak mampu hendak beli, tidak ada gunanya syarat 30% untuk kita hadkan itu untuk bumiputera yang hendak beli. Yang ini sangat penting.

Yang keduanya, saya membangkitkan juga isu-isu yang berkaitan dengan rumah PR1MA. Rumah PR1MA ini dibina, contohnya di Seremban. Dibina empat ribu unit yang dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Rumah tersebut, syarat yang paling penting umur 21 tahun, berumah tangga. Kalau orang bujang tidak sesuai sebab orang bujang ini meninggalkan rumah, tidak tentu dia duduk situ. Yang kita hendak bantu hari ini ialah mereka yang keluar umur 18 tahun, 19 tahun, keluar kerja kilang. Berkahwin dan menumpang rumah mertua, menyewa rumah, pendapatan yang sedikit. Jadi, bila adanya rumah PR1MA ini yang dilancarkan oleh Perdana Menteri ini, amat terkesan, amat memberi impak kepada rakyat dan rakyat berterima kasih.

Kalau di Seremban hendak ke Kuala Lumpur, hanya 30 minit melalui kereta api yang sedia ada, dengan landasan yang ada berhampiran dengan rumah PR1MA. Yang ini memang kita alu-alukan. Ada yang mengatakan bahawa kenapa 21 tahun? 21 tahun tidak kahwin. Kenapa tidak bagi pada orang yang macam ini? Ini kita kena fikirkan bahawa objektif matlamat kita menyelesaikan mereka yang berumah tangga. Pasti berumah tangga, pastinya ada anak. Kalau orang bujang, dia tidur mana pun tidak apa. Yang ini saya hendak menjelaskan bahawa perkara ini telah berbangkit di Dewan ini semalam. Mengatakan bahawa tidak adil dan ada separuh pihak mengatakan 21 tahun ini mana ada yang dah kahwin.

Sebenarnya, kahwin ini bagi saya, mereka hendak kahwin, dia kahwinlah. Kalau dia belajar lagi, dia jarang hendak kahwin. Kalau dia belajar, umur 21 tahun boleh beli rumah, mungkin bukan rumah PR1MA yang layak, mungkin rumah banglo, rumah semi D dan sebagainya. Jadi, jangan meletakkan keperluan yang tidak perlu ke hadapan kita. Jadi, saya menyanggah sama sekali keperluan ini kerana mementingkan bahawa membela nasib rakyat ini mestilah denyut nadi rakyat, apa kesusahan rakyat yang rakyat hadapi sekarang.

Begitu juga dengan perumahan, rumah FELDA. Rumah FELDA ini dibina ekoran perjumpaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan peneroka-peneroka rancangan. Kawasan Jempol yang paling banyak sekali, yang paling ramai, 32 skim FELDA dan di Jempol juga ada perumahan FELDA. Jadi, apa yang kita lihat hari ini, mereka yang telah berkahwin tetapi duduk di rumah mertua. Rumah sendiri tidak ada, duduk rumah mertua, menumpang kasih rumah mertua dan anaknya ramai. Jadi, perlukan pembelaan pada generasi pelapis.

Jadi dengan itu, kerajaan melalui Barisan Nasional telah mengadakan pertemuan dan mengambil langkah membina rumah mampu milik dalam kawasan FELDA. Jadi, mereka ini bekerja sebagai petani ada, berniaga kecil-kecilan ada dan dia hendak keluar ke Kuala Lumpur bekerja, belum tentu dapat kerja. Jadi, kita mahukan bahawa mereka di kampung ini tidak perlu keluar dari kampung tersebut. Bila kita menyediakan perumahan tersebut, maka dapatlah mereka ini teruskan pewaris di kawasan-kawasan FELDA, meneruskan perjuangan pertanian dan juga meneruskan kehidupan seharian. Ini kerana kita bagi mereka ini tidak perlu orang dari luar. Ini kerana dengan

adanya generasi pelapis ataupun generasi kedua dalam FELDA ini, ada tempat untuk mereka berteduh, ada tempat mereka untuk rumah-rumah yang ada disediakan.

Akan tetapi apa yang menjadi kerisauan, bukan soal pemilihan tetapi kerisauan pinjaman mana, bank mana yang hendak bagi untuk menyediakan pinjaman pada perumahan tersebut. Jadi, saya minta supaya pihak FELDA melalui FGV, melalui apa pun, menyediakan tabung khas ataupun sewa beli pada mereka ini agar mereka ini dapat memiliki rumah untuk diduduki tanpa melalui pinjaman bank. Oleh kerana mereka ini pun bermasalah sama seperti yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat bahawa pembangunan perumahan ini ada tiga faktor utama. Pertamanya, kenapa harga rumah ini naik? Banyak sebut fasal penawaran melebihi permintaan. Satu lagi saya melihat bahawa harga tanah ini terlalu mahal. Harga tanah mahal. Yang kedua pula, kos pembinaan mahal. Yang ketiga, sumbangan infrastruktur kepada kawasan tersebut mahal juga. Ini kerana bila kita hendak meluluskan pelan *layout* ataupun pelan tataatur, perlu pelbagai syarat. Jalan 80 kaki, longkang untuk 50 tahun, lampu jalan setiap dan kawasan-kawasan lain. Jadi, bila adanya penambahan-penambahan ini, maka segala kos perumahan tersebut dibilkan ataupun dimasukkan dalam kos jualan.

Jadi, kalau rumah tersebut berharga RM200 ribu, dalam kos pembinaan ia akan jadi RM800 ribu kerana sumbangan infrastruktur ini terlalu tinggi. Jadi, saya mencadangkan agar Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini memikirkan menyediakan kemudahan infrastruktur dahulu supaya harga rumah ini kita boleh kawal. Kawal harga rumah ini, kalau kos menyediakan ataupun kerja-kerja tanah ataupun kerja-kerja berkaitan dengan pembinaan rumah ini dapat dikurangkan, maka kuranglah harga rumah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cuba gulung Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd. Salim bin Sharif @ Mohd. Sharif: Oh, dah habis ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya melihat perkara ini penting. Kos perumahan ini, harga rumah tidak akan menurun kalau kita lihat apa yang berlaku pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak menggulung ini, cuma saya membawa suara daripada pengusaha stesen minyak Malaysia yang ada menyatakan bahawa 'rasionalisasi harga minyak dan komisen pengusaha-pengusaha stesen minyak'. Kita maklum bahawa harga apungan minyak ini baik untuk rakyat dan kita di taklimat tadi oleh Bank Negara bahawa 30% daripada hasil kita adalah daripada petroleum.

Jadi, bila berlaku penurunan harga minyak, sudah pastilah rakyat gembira. Jadi, kalau kita lihat hari ini bahawa harga minyak tersebut turun, yang ada kesan ialah pengusaha stesen minyak. Ini kerana minyak yang dibeli sebelum turun adalah harga semasa. Bila menjual ialah harga turun. Saya bagi contoh, 20,000 liter satu hari jualan, turun 4 sen

■1610

Jadi, 4 sen, RM800 akan kerugian. Untuk lesen PDA, KKLW mensyaratkan bahawa setiap stesen minyak mestilah menyimpan minyak sekurang-kurangnya, minimumnya adalah tiga hari. Kalau tiga hari, maksud dia 60 ribu liter iaitu 60 ribu liter kali penurunan minyak tersebut. Pengusaha stesen

minyak juga mengalami kerugian dari segi keapungan minyak tersebut. Jadi, apa yang kita lihat hari ini pihak KPDNKK mengkaji ataupun Kementerian Kewangan mengkaji agar komisen minyak ini dibagi melalui peratus komisen, bukan bentuk sen. Apa yang berlaku sekarang RM12.1 sen untuk per liter petrol RON95 dan juga RON97. Manakala diesel 7 sen per liter.

Jadi, bila berlaku penurunan, kesannya pastinya ada. Jadi, persatuan minyak ini memohon daripada Petronas, daripada *Shell*, daripada *Caltex*, *BP* dan *Petron* meminta kerajaan agar mengkaji semula komisen minyak ini mengikut *percent*. Ini kerana belian ini akan dipotong 1% lagi melalui *MasterCard*. Yang ini keluh kesah pada mereka ini dapat perhatian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Yang Berhormat Menteri Kewangan agar mengkaji semula pada pengusaha ini yang 65% adalah bumiputera dan separuhnya bakal menggulung tikar kalau tidak betul-betul, stesen-stesen minyak kecil di luar-luar bandar.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya terlupa. Ini pun orang kampung minta. Tentang peruntukan luar bandar hari ini kita lihat iaitu peruntukan sekolah-sekolah di pedalaman. Saya tertarik juga dengan Yang Berhormat Tuan Lihan Jok menyebut bahawa pedalaman Sabah dan Sarawak ini sangat teruk. Yang ini saya boleh akui kerana saya pernah bekerja di Kementerian Pelajaran. Saya tahu bagaimana sukarnya, peritnya mereka yang duduk di pedalaman. Sekolah-sekolah di pedalaman iaitu P1, P2 dan juga P3. Yang P3 inilah yang paling teruk. P1 dia punya peruntukan kesusahan, kepayahan hidup, Kementerian Pelajaran membagi elaun saraan hidup susah ini RM500, P2 - RM1,000, P3 - RM1,500.

P3 ini tidak ada jalan, tidak bekalan elektrik, tidak ada apa, semua tidak ada, susah. Jadi, apalah gunanya RM1,500 kalau kepayahan hidup tidak boleh bertelefon, tidak boleh guna internet dan sebagainya. Yang ini pun perlu kita fikirkan agar kita dapat menaikkan kadar elaun kepayahan hidup ini kepada guru-guru yang berada di pedalaman, Sabah dan juga di Sarawak. Oleh kerana P1, P2, P3 ini banyak berlaku di Sabah dan Sarawak. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran ini supaya tidak duduk di Putrajaya. Saya dulu dapat bekerja dengan Timbalan Menteri, setiap minggu boleh kaut pengalaman. Duduk rumah panjang, duduk rumah orang-orang susah, berjalan, menengok, jumpa guru yang ada di pedalaman dan hari ini kita lihat Timbalan Menteri tidak pergi. Timbalan Menteri syok duduk di Putrajaya bagi *statement*. Sedangkan guru-guru di pedalaman tidak ada orang pun tengok.

Jadi, mereka ini juga manusia, jadi saya berharap agar...

Tuan Yang di-Pertua: Okey Yang Berhormat, cuba gulung.

Dato' Haji Mohd. Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: ...Timbalan Menteri turun ke bawah. Saya hendak cabar Timbalan Menteri ini buktikan bahawa dia benar-benar berjiwa rakyat, membela nasib rakyat, turunlah di pedalaman kerana kepayahan hidup di pedalaman ini terlalu susah. Kalau ikutkan saya melihat, rumah kalau seorang pelajar hendak pergi ke sekolah, ada rumah transit. Rumah inilah yang ibu akan duduk bersama 3, 4 hari bersama anak ini dari kampung datang, duduk 3, 4 hari, buat rumah di tepi sungai, berpondok di tepi sungai, kemudian anak ini boleh ke sekolah. Jadi, kalau tidak adanya pendekatan yang ini, asrama desa ini, saya rasa pendidikan di luar bandar ini

tidak dapat kita tingkatkan. Kita tidak lonjakkan pun kalau tidak ada pembelaan di luar bandar. Itu saja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih...

Tuan Yang di-Pertua: Menyokong.

Dato' Haji Mohd. Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Sebelum saya menyokong, fasal Tuan Yang di-Pertua pun orang Kuala Pilah, saya pun hendak berpantunlah. Yang ini pun pantun orang lama...

Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai: Yang Berhormat, sini. Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Haji Mohd. Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Apa lagi. Ini hari tidak pakai baju Melayu?

Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai: Semalam pun saya ada pantun tahu? Bukan orang Kuala Pilah saja boleh pantun untuk Kuala Pilah. Saya pun semalam ada pantun.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa. Biar dia hendak *last* berpantun Yang Berhormat. Habiskan.

Dato' Haji Mohd. Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Okey.

*Baik negeri kerana penghulu,
Baik tepian kerana muda,
Baik kampung kerana tua,
Baik rumah kerana bonda kandung,
Penghulu sebuah hukum,
Ulama sama kitab,
Orang tua seundang-undang.*

Sekian, terima kasih. Saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2015. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Tanpa buang masa saya silakan Yang Berhormat Datuk Megat Zulkarnain.

16.16 ptg.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam Sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Dewan yang dihormati sekalian. Pertama, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih di atas peluang yang diberikan oleh Tuan Yang di-Pertua kepada saya untuk sama-sama turut membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2015. Di kesempatan ini saya hendak mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan yang telah membentangkan bajet pada bulan Oktober yang lepas yang pada saya adalah sebuah bajet bagi memberikan keselesaan kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun dalam perbahasan ini banyak perkara yang ingin saya sampaikan. Memandangkan saya agak sedikit terkilan melihatkan Dewan Negara sebagai sebuah Dewan yang *legislative*, Dewan yang tertinggi. Akan tetapi dalam beberapa siri perbahasan yang saya lihat daripada rakan-rakan, lebih cenderung kepada membincangkan soal-soal perkara yang pada saya sepatutnya tidak perlu kita pertikaikan. Yang tidak perlu lagi kita bincangkan kerana semua

perkara yang disebut telah pun termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Telah disebut dengan jelas dan nyata, apa saja tindak tanduk kita, apa saja perkara-perkara yang hendak kita bincangkan, mesti berdasarkan kepada Perlembagaan Persekutuan.

Akan tetapi dukacita sikit Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa rakan yang telah membawa perkara ini untuk dibincangkan dalam Dewan Negara. Saya tidak faham, adakah mereka ini diarah, disuruh, ditunjuk untuk supaya menyatakan perkara-perkara ini dalam Dewan yang cukup tinggi. Semua daripada kita bercakap soal memperkasakan Dewan Negara ini.

Dewan Negara sebagai sebuah Dewan yang paling tertinggi dalam negara. Dewan yang menentukan dasar-dasar negara dan akhirnya, bila Dewan Negara memutuskan, maka ia menjadi satu undang-undang yang akan dipatuhi oleh semua rakyat. Akan tetapi ada rakan-rakan kita yang masih lagi berbincang perkara yang cukup remeh. Yang tadi saya dapat dengar soal perjawatan, Timbalan Menteri, soal sukan bola sepak yang kononnya didominasi oleh kaum-kaum yang tertentu.

To me, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *it shouldn't be discuss here*. Bukan di sini tempatnya. Kalau kita hendak bercakap soal itu, saya juga bersetuju dengan Dato' Dr. Firdaus yang telah membahaskan, adinda Dato' Dr. Asyraf. Kalau kita lihat balik kepada perkara pokok itu, *why*, dengan izin, kenapa perkara ini terjadi? Tuan Yang di-Pertua, kerana sistem pendidikan kita juga perlu kita perbaiki kalau ingin kita ke arah yang lebih baik. Dia mesti ada satu sistem pendidikan yang boleh kita bina supaya dapat kita bawa.

Kita tidak lagi memecahbelahkan antara kaum dan akhirnya, ini yang kita dapat. Bayangkan kalau anak-anak kita di bangku persekolahan bermula daripada umur enam tahun telah bergaul antara satu sama lain dengan perasaan muhibah dan berbahasa antara satu sama lain dengan penuh hemah. Saya percaya perkara ini tidak akan kita bincangkan di sini. Akan tetapi sebagai Ahli Dewan, saya juga amat menghormati keputusan yang telah kita buat. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan dengan sejelas-jelasnya bahawa perkara itu tidak lagi akan kita bincangkan. Kita sudah bersetuju apa sahaja yang mengikut Perlembagaan ini.

■1620

Sama juga bila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan soal penarikan balik Akta Hasutan 1948, ada pihak-pihak khususnya kumpulan minoriti dan ada rakan-rakan kita yang mengatakan Perdana Menteri buat *U-turn*. Ini tidak tepat. Pada saya, Akta Hasutan ini dipertahankan ialah untuk memberi keselesaan kepada rakyat. Yang menjadi perkara yang saya pun tidak faham, kenapa rakyat dimomokkan supaya takut dengan Akta Hasutan ini?

Kalau kita tidak bersalah, *if you didn't commit any offence*, dengan izin, *why must you be so worried of this act?* Kenapa mesti ada perasaan takut kepada Akta Hasutan ini kalau kita tidak berniat untuk menghasut rakyat? [*Tepuk*] *Unless* kita ini hendak menghasut rakyat, pagi, petang, siang dan malam untuk menghuru-harakan negara ini, *then you are worried about this act*. Akan tetapi kalau kita berjalan seperti biasa, kita ada tanggungjawab kita sebagai *good citizens*, rakyat Malaysia yang sayang kepada keamanan, yang ingin melihat perpaduan kaum, keharmonian antara kaum ini terjalin

buat selama-lamanya, *this is not for us alone*, dengan izin. Ini untuk generasi akan datang. Yang takut sangat ini kenapa?

Soal kononnya tidak menghormati hak asasi manusia dan sebagainya, ini salah seperti kata Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf tadi. Semua benda bila tidak kena kepada kehendak mereka, melanggar hak asasi manusia. Menggunakan perkataan *human rights* itu sebagai senjata, Tuan Yang di-Pertua, untuk menidakkan kebaikan untuk negara. *This is wrong*. Ini persepsi yang salah sedang kita ajar kepada generasi muda yang ada dalam negara ini.

Kita lihat baru-baru ini dalam pertandingan bola sepak, apa berlaku? Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kita ada Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan baru ini menjawab di Dewan ini mengatakan beliau sehingga terpaksa memohon maaf kepada Kedutaan- hari ini malam ini pasukan kita berlawan. Mudah-mudahan kita doalah menang 2-0 dan layak ke *final*. Akan tetapi penyokong kita takut hendak pergi sebab kononnya dimomokkan, dia orang sedang menunggu di Vietnam

Akan tetapi kalau kita balik kepada sejarah, kita balik-balik 20 tahun sebelum ini, perkara ini tidak berlaku. Mana ada anak muda waktu itu macam saya umur 20-an pergi stadium pecahkan kepala orang, pecahkan pintu stadium. Malaysia kalah juga bertanding bola sepak *20 years ago*. Ada juga pertandingan-pertandingan yang kita tidak boleh terima keputusannya tetapi kita pulang dengan hati yang terbuka. Kenapa waktu itu anak-anak muda zaman itu Tuan Yang di-Pertua, tidak mengamalkan sikap *hooligan* seperti ini?

Oleh sebab itu saya pernah berbahas di Dewan yang cukup mulia ini, adakah anak-anak muda hari ini dihidangkan dengan perkara-perkara yang tidak baik, sedikit-sedikit tidak setuju, demonstrasi, sedikit-sedikit tidak setuju, bakar kereta polis, sedikit-sedikit tidak setuju, berhimpun. Tidak setuju, pecahkan pintu Universiti Malaya. Sehingga bola sepak budaya itu dibawa oleh anak-anak muda kita. Dahulu tidak ada. Dahulu tidak ada pernah berlaku. Biarlah lawan apa pertandingan, *Malaysia vs Singapore, Selangor vs Singapore*, tidak pernah berlaku tetapi hari ini kita pun takut.

Mungkin yang buat ini pernah terlibat dalam demonstrasi-demonstrasi di jalanan dan akhirnya mereka bawa *culture* itu ke dalam stadium. Yang rosak, imej negara. Yang rosak, rakyat-rakyat kita yang ada di Vietnam sekarang ini. Mungkin ada saudara-mara kita yang sedang membeli-belah di Vietnam hidup dalam ketakutan *due to what happened*, dengan izin, yang berlaku di Stadium Shah Alam. Pada saya, ini adalah perkara yang telah diajar secara tidak langsung.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya rasa kalau kita hendak bercakap soal *human rights* ini, cukup-cukuplah. Ada perkara yang boleh kita bercakap soal hak asasi manusia. Ada perkara yang boleh kita nyatakan bantahan kita. Kalau hendak bercakap soal *human rights*, saya hendak beri contoh yang paling mudah sekali, *simple analogy*.

Yang Berhormat Datuk Seri Nalla semalam berbaju Melayu. Orangnya memang kita tahu seorang korporat yang berjaya tetapi dia bukan Melayulah... *[Disampuk] [Ketawa]* Belum lagi. Keretanya kereta besar. Betul Yang Berhormat Datuk Seri ya? Nombor pun NALA – NAL4. Keretanya Tuan Yang di-Pertua, saya percaya boleh memandu lebih daripada 100 kilometer sejam, lebih. S-Class boleh sampai 200 kilometer. Cukainya tinggi, harga keretanya tinggi, cukai jalannya tinggi.

Minyaknya makan minyak tetapi kalau bercakap soal *right* dia, dia tidak boleh bawa lebih daripada 100 kilometer dalam negara. Kita mintalah ini yang kaki-kaki lawan hak asasi ini tolong demokan untuk Yang Berhormat Datuk Seri Nalla sebab *his right was taken*. Hak dia untuk memandu laju telah diambil kerana dia beli kereta besar yang mahal tetapi tidak boleh bawa laju.

Bermaksud Tuan Yang di-Pertua, ada undang-undang yang dibuat *prevention is better than cure*, dengan izin, supaya hendak mengelakkan kemalangan. Hal lampu merah pun kena berhenti. Jadi itu maksudnya bila diadakan akta-akta atau undang-undang yang tertentu ialah untuk mengawal walaupun dari segi haknya yang memiliki kereta yang boleh dipandu lebih daripada 100 kilometer dinafikan. Kita tidak ada seperti *autobahn* di *Germany* yang boleh bawa 200 kilometer, tak ada. Jadi haknya dinafikan. Sama juga pemilik kereta lain dengan pemilik kereta besar. Jadi inilah maksudnya bila ada undang-undang yang dibuat ialah untuk mengawal supaya perkara-perkara yang tidak baik ini dapat diselamatkan.

Saya juga hendak bercakap kalau kita bercakap soal hak. Dalam Perlembagaan ini, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin saya hendak membaca di bawah Perkara 153, ini mungkin orang terlupa. Kadang-kadang dia baca Perlembagaan ini tidak habis. Dia ambil perkara-perkara yang kononnya untuk kepentingan mereka tetapi tidak dibaca secara total, secara holistik.

Saya hendak soal Perkara 153(8A)... [*Membaca petikan*] "*Walau apa pun apa-apa jua dalam Perlembagaan ini, jika di dalam mana-mana universiti, kolej dan institusi pendidikan lain yang memberikan pendidikan selepas Malaysian Certificate of Education atau yang setaraf dengannya, bilangan tempat yang ditawarkan oleh pihak berkuasa yang bertanggungjawab bagi pengurusan universiti, kolej atau universiti pendidikan itu kepada calon-calon bagi apa-apa kursus pengajian adalah kurang daripada bilangan calon yang layak mendapat tempat-tempat itu, maka adalah sah bagi Yang di-Pertuan Agong menurut kuasa Perkara ini memberikan apa-apa arahan yang perlu kepada pihak berkuasa itu untuk memastikan perizaban apa-apa perkadaran daripada tempat-tempat itu bagi orang Melayu dan anak-anak negeri mana-mana antara negeri Sabah dan Sarawak sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh Yang di-Pertuan Agong; dan pihak berkuasa itu hendaklah mematuhi arahan ini dengan sewajarnya.*"

Ada perkara ini di *applied*? Tidak ada. Kalau kita hendak bercakap soal hak Melayu dan anak-anak negeri, *it is stated clearly* tetapi perkara ini tidak digunakan Tuan Yang di-Pertua dan tidak pernah pun kita dengar ada orang buat demonstrasi soal ini.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: [*Bangun*]

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin: Silakan Yang Berhormat Dato'.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih Yang Berhormat. Jadi apakah Yang Berhormat Datuk setuju bahawa kalau itulah semangat perlembagaannya, maknanya sistem kuota yang hari ini seolah-olah dianaktirikan dengan membawa sistem meritokrasi yang membawa kesan kepada kemasukan atau ketidakseimbangan pelajar-pelajar bumiputera? Bila kata bumiputera ini, Melayu dan juga mereka dari Sabah dan Sarawak. Kemasukan mereka berbanding dengan kaum-kaum lain terutama kaum Cina, dalam buku *The Colour of Inequality*, disebutkan perangkaannya

kalau dicampurkan antara pelajar-pelajar di IPTA dan IPTS, 82% adalah daripada kaum Cina dan selebihnya kaum bumiputera. Apakah ini maksud yang dibahaskan tadi?

■1630

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin: Ya, terima kasih Yang Berhormat. Saya amat bersetuju. Itulah maksud apa yang cuba saya sampaikan di sini supaya janganlah kita suka mengambil sesuatu petikan-petikan perlembagaan ini untuk kepentingan kita. Masalah ini akan tidak boleh kita selesaikan, bukan hari ini malahan untuk masa-masa yang akan datang. Sepatutnya kita sebagai Ahli-ahli Dewan ini adalah menjadi orang yang boleh memberi penerangan kepada rakyat di luar daripada Dewan ini, apa yang termaktub, tertulis dalam Perlembagaan.

Akan tetapi itu yang saya katakan awal tadi Tuan Yang di-Pertua, saya amat rasa sedih dan pilu kerana kita ambil kesempatan di sini untuk berbincang perkara-perkara yang tidak sepatutnya kita bincang di sini. Ini kalau nak dibincangkan, bincanglah dalam mesyuarat parti, dalam mesyuarat apa, jangan kita gunakan platform Dewan ini untuk menuntut hak kita sebagai rakyat kononnya dengan menggunakan hak asasi sebagai *shield* kepada keperluan kita.

Perkara yang kedua yang saya nak sebutkan Tuan Yang di-Pertua ialah soal rasuah...

Dato' Adam bin Abdul Hamid: [*Bangun*]

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin: Saya juga nak mengambil kesempatan ini nak mengucapkan setinggi-tinggi tahniah...

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, boleh mencelah sedikit?

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin: Sila Dato'.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa demi menjaga imej Dewan yang mulia ini, kita sebagai Ahli-ahli Dewan yang bertanggungjawab patut lebih fokus. Misalnya kita sekarang membincangkan Bajet 2015. Maknanya kita fokus kepada pandangan, kritikan membina yang harus dilakukan oleh kerajaan. Misalnya, kesilapan-kesilapan kerajaan supaya pada masa hadapan bajet kita akan lebih seimbang misalnya ataupun lebih adil kepada semua dan pelbagai isu-isu remeh temeh seperti ini sepatutnya kita ketepikan. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin: Terima kasih Yang Berhormat. Saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat. Oleh sebab itu saya katakan di awal ucapan tadi, awal perbincangan ini kita kena fokus kepada apa tujuan dan keberadaan kita di Dewan ini. Oleh sebab itu saya suka nak mengulangi bukan dengan niat untuk memohon menambah masa daripada Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya nak memuji setiap patah perkataan yang keluar daripada Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua, setiap kali mengingatkan kita. Tiap kali.

Setiap hari persidangan dimulakan dalam masa-masa tertentu selalu diingatkan peranan kita sebagai Ahli Dewan. Dalam mana-mana taklimat, dalam mana-mana perjumpaan, Tuan Yang di-Pertua mengingatkan peranan kita. Akan tetapi, kadang-kadang ada di kalangan kita yang terlupa, terleka dan ambil peluang ini. Jadi, saya amat bersetuju kepada Yang Berhormat Dato' bahawasanya

inilah tempat kita membincangkan perkara yang lebih besar daripada perkara-perkara yang remeh dan temeh.

Seperti saya katakan awal tadi Tuan Yang di-Pertua, saya juga nak mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah mempengerusikan Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah ini. Sepatutnya rasuah ini kita kena bincang dengan lebih *detail*. Ini kerana rasuah ini merupakan satu virus atau satu penyakit yang cukup berbahaya kepada negara. Saya lihat dengan jelas dalam buku laporan yang disediakan, ahli-ahli jawatankuasanya adalah terdiri daripada mereka yang cukup berpengalaman.

Daripada parti kerajaan, daripada minoriti pun ada dalam jawatankuasa ini membincangkan soal menyelamatkan negara ini daripada rasuah. Walaupun diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam perhimpunan mingguan baru-baru ini bahawasanya tangga kedudukan kita lebih baik daripada 53 kepada 50, tetapi jangan kita ambil perangkaan itu sebagai satu perkara yang boleh kita kata *we are free from corruption*, dengan izin. Belum lagi. Akan tetapi, peningkatannya ada.

Oleh sebab itu, rasuah ini satu perkara yang paling penting mesti ditangani. Jadi tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua selaku Pengerusi dan semua ahli jawatankuasa yang telah membincangkan perkara rasuah ini dengan cukup teliti. Ini kerana kalau nak menuju kepada negara maju, nak menuju kepada sebuah negara yang kuat dari segi kedudukan ekonominya, kedudukan sosialnya, rasuah ini mesti kita banteras habis-habisan. Mesti kita lawan *at any cost* supaya negara ini mesti dapat kita selamatkan.

Kita tak nak dengar seperti apa yang disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, rakan-rakan yang lain tadi. Tak jemu-jemu Dato' Lim sebut dan yang lain-lain sebut soal Cameron Highlands, pencerobohan yang berlaku di Cameron Highlands. Kakanda saya Yang Berhormat Datuk Abas sebut soal bagaimana kawasan Bandaraya Kuala Lumpur. Saya juga sebut dimonopoli oleh golongan-golongan yang tertentu. Berlaku pelupusan etnik secara yang cukup *shatter*, yang tak kita nampak kesannya. Di Pulau Pinang Yang Berhormat Puan Norliza pun sebut. Inilah perkara yang kita kena tangani dengan bijaksana. Oleh sebab akhirnya perkara ini menjurus kepada melahirkan atau menjadikan Malaysia sebuah negara yang seperti adanya hari ini atau lebih baik.

Dalam Islam kita diajar hari esok mesti lebih baik daripada hari ini. Tidak disebut hari ini mesti kurang dari hari semalam. Jadi sebab itu Tuan Yang di-Pertua, perkara rasuah ini mesti kita banteras. Saya percaya dan saya amat yakin ada segelintir kecil mereka yang diberikan kuasa, bukan ahli politik. Akan tetapi, akhirnya bila berlaku perkara-perkara yang pencerobohan seperti itu membawa terpalit kepada kerajaan. Oleh sebab itu dalam temu bual saya baru-baru ini soal rasuah saya sebutkan kerajaan telah mengeluarkan dasar-dasar yang terbaik untuk dilaksanakan.

Akan tetapi, mungkin ada penguatkuasaannya agak sedikit terbantut, mungkin ada seorang dua yang tidak jujur dan amanah dengan tanggungjawab yang telah diberikan. Jadi, sebab itulah perkara ini mesti kita lihat dengan sebaik-baiknya supaya perkara ini dapat kita tangani secara besar-besaran. Jadi tahniah sekali lagi kepada Tuan Yang di-Pertua dan semua jawatankuasa yang telah terlibat dalam JKMR ini.

Perkara yang ketiga yang ingin saya sampaikan Tuan Yang di-Pertua ialah soal menyentuh tentang Kementerian Belia dan Sukan. Kementerian Belia dan Sukan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri dalam sesi soal jawab dua hari yang lepas, ada menyebut soal pembangunan sukan dalam negara ini. Kita agak sedikit kecewa dengan dua keputusan terakhir sukan bertaraf temasya antarabangsa, sukan Asia dan juga sukan Komanwel baru-baru ini.

Jadi Yang Berhormat Menteri pun dah sebut dalam jawapan beliau bahawasanya akan ada pendekatan-pendekatan yang *diengage* bersama dengan persatuan-persatuan sukan kebangsaan dalam melahirkan atlet-atlet yang lebih berjaya, sebab ini juga melibatkan soal kepentingan dan wang rakyat yang mereka gunakan untuk melahirkan atlet. Kita tak nak akhirnya bila kita hantar atlet kita bertanding di peringkat luar negara, akhirnya mereka balik dengan kegagalan.

Perkara yang keempat yang saya nak sentuh ialah soal rakan-rakan kita di peringkat pasukan keselamatan Tuan Yang di-Pertua. Ini melibatkan anggota-anggota polis yang saya difahamkan dan saya diminta untuk menyampaikan harapan mereka. Ini soal *a golden handshake* ini. Kita faham *and then* kita minta saya mohon untuk JPA kaji semula *golden handshake* yang akan diberikan kepada anggota-anggota polis sebab saya amat bersimpati dengan nasib mereka.

Saya difahamkan Tuan Yang di-Pertua, anggota-anggota polis ini sekiranya mereka cuti yang terkumpul 150 hari itu lebih daripada tiga tahun, dia tidak boleh *carry forward*. Maknanya tahun yang pertama akan hilang. Walhal kita kena faham mereka ini ada masanya *forced leave* dengan izin, diminta untuk mengambil cuti. Akan tetapi kadang-kadang kerana sebab-sebab yang tertentu, alasan-alasan yang tertentu, cuti mereka dibekukan. Katalah dalam musim perayaan. Musim perayaan ataupun cuti-cuti umum, tiba-tiba berlakulah demonstrasi, ada pihak-pihak nak buat demonstrasi di Dataran Merdeka. Jadi cuti mereka dibekukan. Akhirnya bila mereka bersara nanti, mereka tidak dapat bawa cuti ini bersama dengan mereka.

Dato' Khairudin bin Samad: Yang Berhormat, minta laluan Yang Berhormat.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin: Sila Yang Berhormat.

Dato' Khairudin bin Samad: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa yang *forced leave* ini dengan cuti yang terkumpul itu ada perbezaan sedikit. *Forced leave* ini apabila dia perayaan, waktu ini. Saya bersimpati.

■1640

Saya turut bersimpati dengan Yang Berhormat. Saya berpendapat, kalau Yang Berhormat bersetuju dengan saya supaya kita wujudkan satu badan khas untuk melihat kebajikan anggota keselamatan ini, polis kerana angkatan tentera, dia ada Majlis Angkatan Tentera tetapi polis ini di bawah JPA dan dia tidak mendapat pembelaan seperti angkatan tentera, kebajikan mereka. Jadi polisi ini, kalau tidak, kita tidur tak lena Tuan Yang di-Pertua. Kita tidur tak lena tanpa polis. Ada orang yang tak suka polislah tapi kami di sini semua suka polis kerana polis menjaga keselamatan kita.

Yang kita minta Yang Berhormat, kalau boleh dia ada satu badan. JPA tak akan faham. Macam saya katakan dalam perbahasan saya, JPA pun tak faham apa yang berlaku di Parlimen. Pasal itu gaji kita tak diberi pertimbangan. Jadi yang ini, anggota polis ini kalau boleh Tuan Yang di-

Pertua, Tuan Yang di-Pertua pun mantan polis, kita ada satu majlis macam Majlis Angkatan Tentera untuk melihat kebajikan mereka. Bukan sahaja cuti *forced leave* mereka ataupun cuti terkumpul waktu *golden handshake*, dengan izin tetapi segala kebajikan mereka dapat dipelihara kalau ada satu badan yang melihat mereka. Macam mana Yang Berhormat? Setuju tak? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin: Saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Dato' Khairudin. Ini yang saya kata Tuan Yang di-Pertua, memang. Sepatutnya mesti ada satu jawatankuasa yang ditubuhkan untuk memantau dan melihat kembali perkara ini dengan lebih serius. Anggota polis dan terutamanya pengawal-pengawal peribadi *because* kita kena faham pengawal-pengawal peribadi, anggota-anggota polis yang diminta untuk menjadi pengawal peribadi kepada Menteri, Timbalan Menteri, Yang di-Pertua, Timbalan Yang di-Pertua dan sebagainya, mereka ini tak boleh cuti kalau sekiranya *boss* tak cuti.

Kita tahu macam Tuan Yang di-Pertua kita bekerja *round the clock*. Daripada bulan sampai ke balik ke bulan, termasuk juga anggota polis. Ini bukan bulan yang sebelah sana, ini bulan betul ini. Satu pun tak ada, semua keluar. Baru nak cakap sikit dah semua keluar, seorang pun tak ada. Tak apa, tapi suara ini boleh sampai. Jadi, yang ini kita minta khususnya mereka ini diberikan pembelaan yang sewajarnya Tuan Yang di-Pertua sebab adalah tidak adil kalau sekiranya cuti-cuti mereka ini tidak boleh *dicarry forward* seperti mana kata Yang Berhormat Dato' Khairudin tadi dan akhirnya memberikan mereka kerugian dan kita tak nak perkara ini berlaku kepada mereka dan mereka perlu mendapat pembelaan yang sewajarnya.

Jadi perkara lain saya rasa semuanya dah disentuh oleh rakan-rakan yang lain cuma saya sekali lagi nak mengulangi supaya nak dimasukkan dengan jelas apa yang kita bincang dalam Dewan yang mulia ini adalah sebuah perkara yang cukup penting kepada negara. Saya tertarik dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Datuk Seri Nalla semalam, 'Nallahudin'. Hari ini dah balik kepada Nallakaruppan sebab dah pakai sut balik dan ianya ditulis dan disiarkan dalam *Utusan Malaysia*, muka depan. Pandai Yang Berhormat Datuk Seri Nalla ini, dia pandai. Dia pakai baju Melayu, hari ini dia keluar muka surat *Utusan* muka depan, muka depan tapi *color* baju itu diragui sikit, *color* baju itu bila dalam surat khabar macam *color* lama punya parti. *[Ketawa]* Banyak *color* lain boleh pilih tetapi *color* itu yang dia pilih, ini mesti kita nak siasat ini. *[Ketawa]*

Jadi semalam Yang Berhormat Datuk Seri Nalla sebut dalam Dewan, dalam perbahasan. Tidak bermaksud menghormati yang majoriti maka ianya menghilangkan haknya yang minoriti. Bermaksud tidak bererti hormat kepada yang lebih akhirnya hak beliau hilang. Ini perkara yang mesti diamalkan asalkan ianya berpandu kepada Perlembagaan. Jadi saya nak ucap tahniah kepada Yang Berhormat Datuk Seri Nalla kerana berani membuat kenyataan terbuka itu dan akhirnya inilah boleh menjadi asas kepada kekuatan dalam negara ini.

Kita tak nak negara ini rosak kerana ada mereka yang berkepentingan, Tuan Yang di-Pertua dan akhirnya kalau mereka ini tak jaga, saya khuatir masa akan datang kalau semua orang mula bercakap soal hak masing-masing, akhirnya negara ini tidak akan mencapai hasrat kita bersama untuk melihat apa yang diperjuangkan oleh bapa-bapa kemerdekaan kita terdahulu. Tunku Abdul

Rahman, Tun Sambathan, Tun Tan Cheng Lok akan menjadi kenyataan di masa yang akan datang kerana kita dalam Dewan hari ini telah mula bertelagah bercakap soal hak masing-masing. *You prove* dululah, buktikan dulu *that you could deliver*. Buktikan *that you can contribute some* barulah bercakap soal hak. Kalau belum boleh *contribute*, jangan bercakap lagi. Jadi pada saya, kita kena faham ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Seri Haji Abd. Halim ada bangun itu.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin: Sila Yang Berhormat Datuk Seri.

Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Datuk Megat. Setelah saya mendengar ucapan daripada dua orang tokoh anak muda tadi Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf Wajdi dan Yang Berhormat Datuk Megat, saya rasa saya dapat muda semula. Saya dapat meremajakan diri saya dan saya rasa saya lega akan datang kalau ada pemimpin-pemimpin yang katanya tadi dia tidak mahu sangat nampak ramai orang politik, dia nak ramai orang perjuangan. Itu maksud dia, betul Yang Berhormat ya?

Jadi tak guna ramai orang politik, cakap itu juga tak habis-habis nak mengapi sahaja. Kita nak orang perjuangan, perjuangan untuk bangsa dia, agama dia dan negara dia. Itu contoh terbaik dan nyatakan di sini sebagaimana yang disarankan oleh Tuan Yang di-Pertua tadi, pernah disarankan oleh Tuan Yang di-Pertua, kita lonjatkan kita punya tahap ini biar orang segan kepada kita. Cara kita berbahas, hujah kita kemas dan teratur. Ada integriti, ada maruah kita. Itu maksud dia. Ini rasanya tak ramailah.

Jadi contoh satu Tuan Yang di-Pertua bahawasanya akhir-akhir ini begitu ramai sekali Menteri-menteri datang. Apa sebab itu? Sebabnya hormati kita. Kenapa? Hormati kita cara budaya kita, kita punya hujah kita yang bernas, datang menteri. Dia tahu bahawa kita dah dapat satu lonjakan yang terbaik. Jadi apa yang disarankan oleh Yang Berhormat Datuk tadi saya ucapkan tahniah dan terima kasih supaya ramai lagi manusia pemimpin macam Yang Berhormat Datuk Megat yang boleh meremajakan kita supaya benda yang remeh-remeh temeh tak ada dah.

Jangan kita menunggu benda-benda ini sebab kata orang tua-tua tadi, kerja menanti tak menjadi, menunggu itu celaka diri. Itu dia tadi kita dapat itu. Jadi saya ucapkan syabas dan tahniah kepada anak muda tadi. Saya rasa lega Tuan Yang di-Pertua, apa yang disarankan oleh Tuan Yang di-Pertua pun nampaknya terbukti, contohnya hari ini. Jadi, *please* lah kita zahirkan lebih ramai lagi orang perjuangan bukan orang politik. Sekian. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin: Terima kasih Ayahanda Datuk Seri. *Insyallah* mana yang termampu kita akan cuba laksanakan yang terbaik demi amanah yang telah diletakkan dia atas bahu kita semua. Jadi yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, saya juga nak ambil kesempatan ini nak mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan kerana dalam bajet yang dibentangkan ada menyebut soal saraan, kenaikan saraan ini.

Saya pertamanya mengucapkan terima kasih dan juga bersetuju supaya kajian ini dibuat oleh satu Jawatankuasa Khas yang bukannya daripada orang atau jabatan yang gaji mereka kita yang tentukan. Ini agak sedikit pelik. Di sini kita bincang soal pemerksaan Dewan tetapi ada jabatan lain

yang mengkaji saraan kita sebab yang ini saya juga bersetuju dengan Yang Berhormat Dato' Dr. Asyraf tadi. Ini bukan soal kita meminta atau macam dengan izin macam Yang Berhormat Dato' Khairudin sebut macam minta belas kasihan tetapi ini ialah soal maruah, integriti dan juga imej Dewan Negara.

Jadi saya amat bersetuju sekiranya saraan ini atau gaji ini disamaratakan, jangan dibezakan. Saya nak bagi contoh, Tuan Yang di-Pertua. Saya datang daripada kawasan Parlimen Gombak, negeri Selangor. Dalam PRU Ke-13, kita kalah di tiga-tiga DUN dan Parlimen dengan harapan *insya-Allah*, dengan izin Allah SWT, akan menang kembali dalam PRU Ke-14 *insya-Allah* walaupun Ahli Parlimennya Menteri Besar tetapi rakyat di bawah, dia tak tahu ini Senator kah, gaji sikit kah, ini Ahli Parlimen kah, dia tak tahu, yang dia tahu Yang Berhormat. Bila dia kata Yang Berhormat, dia harap dan dia juga mengharapkan samalah macam Yang Berhormat yang lain.

Di bawah, kita tak boleh kata saya Senator, gaji saya RM4,100, banyak-banyak bagi tak boleh. Dia tak tahu, yang dia tahu Yang Berhormat, ini Yang Berhormat. Jadi bila Yang Berhormat, dia mengirakan ini kelayakan atau kemudahannya sama macam Ahli-ahli yang lain.

■1650

Oleh sebab itulah, saya bersetuju dengan rakan-rakan yang sebelum saya minta supaya perkara ini dikaji dengan cukup bijaksana dan teliti. Bukan soal meminta sekali lagi saya hendak mengulangi. Bukan soal belas kasihan. Ini soal pemeraksanaan. Ini soal meletakkan tempatnya seperti kata Dato' Dr. Asyraf, meletakkan sesuatu di tempatnya. Itu prinsip keadilan. Meletakkan sesuatu di tempat. Jadi sudah kata Dewan Negara yang tertinggi maka biarlah dia betul-betul mencerminkan inilah Dewan yang tertinggi dalam negara.

Jadi dengan itu saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan harapan Menteri kata akan dapat melihat perkara ini sebelum dibentangkan sekali lagi pada bulan tiga nanti untuk dapat persetujuan. Sebelum itu saya mohon untuk mendapat kajian yang sebenar-benarnya oleh jawatankuasa yang tertentu. Bukan Jabatan-jabatan lain yang akan menentukan soal saraan kita ini. Tuan Yang di-Pertua sendiri, kita cadangkan Tuan Yang di-Pertua sendiri, cukup pengalaman, cukup ilmunya, cukup bijaksananya, semua ada. Saya fikir memang layak kalau Tuan Yang di-Pertua sendiri mempengerusikan Jawatankuasa itu.

Yang akhir sekali Tuan Yang di-Pertua saya juga hendak mengucapkan terima kasih kepada Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus walaupun tidak ada dalam Dewan kerana telah mencadangkan supaya silat ini diberikan perhatian dan dibawa masuk ke dalam pasukan-pasukan beruniform. Saya hendak mengambil contoh soal negara-negara maju. Di Korea, Jepun, mereka tidak mengetepikan bela diri mereka yang rasmi dalam negara. Jadi saya amat bersetuju sekiranya silat yang dikenali sebagai hak milik Nusantara ini diberikan tempat yang sewajarnya.

Dalam masa yang sama kita ada pelbagai aliran seni mempertahankan diri dalam negara ini, tidak ada masalah. Jadi masing-masing ada peluang untuk mengajar tetapi dalam masa yang sama kita minta silat sebagai satu budaya yang lahir daripada rumpun ini diberikan tempat yang sewajarnya khususnya dalam pasukan-pasukan beruniform yang ada dalam negara. Jadi dengan kata-kata itu

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih atas peluang yang diberi. Dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2015. Sekian *wabillahi taufik walhidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Hajah Rohani binti Abdullah.

4.52 ptg

Datuk Hajah Rohani binti Abdullah: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam 1Malaysia, salam perpaduan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Saya terus ke isu yang akan saya perkatakan iaitu isu pertama berkaitan dengan perusahaan kecil dan sederhana ataupun PKS. Kita semua maklum, peranan PKS begitu penting pada hari ini kerana PKS mewakili 97.3% daripada sumber perniagaan di Malaysia dan menyumbang 32.4% kepada KDNK dan 56% tenaga kerja serta menyumbang 19% daripada jumlah eksport.

Tuan Yang di-Pertua, dengan jumlah dana RM375 juta iaitu RM250 juta daripada SME Bank dan RM125 juta dari pelabur swasta. Saya ingin mencadangkan agar kerajaan menubuhkan pusat pembangunan PKS di setiap daerah khususnya untuk membangun dan merancakkan lagi industri kecil, sederhana mengikut kesesuaian daerah tersebut. Pusat pembangunan PKS ini sewajarnya mempunyai kemudahan infrastruktur, kemudahan fizikal seperti kilang dan kemudahan lain dan prasarana-prasarana lainnya.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum langkah kerajaan memperkenalkan program pelbagai bantuan pembiayaan kepada program keusahawanan, kita yakin akan dapat mengatasi masalah pengangguran dalam kalangan siswazah. Saya menyeru kepada anak-anak muda di luar sana terutamanya siswazah yang belum bekerja, ambillah peluang sepenuhnya dari pelbagai bantuan pembiayaan ini kepada program keusahawanan yang disediakan dalam Bajet 2015 ini. Di samping itu TEKUN juga mendapat tambahan peruntukan iaitu sebanyak RM500 juta di mana RM350 juta diperuntukkan kepada peminjam-peminjam baru.

Tuan Yang di-Pertua, usaha ini juga sekurang-kurangnya dapat memberi pendedahan dan latihan kepada 5,000 usahawan muda setiap tahun. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan kerajaan, jumlah usahawan yang telah berjaya mencapai tahap berdikari dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini dan juga jumlah mereka yang gagal. Apakah usaha kerajaan untuk membimbing bantu mereka supaya tidak ketinggalan? Saya mencadangkan agar kerajaan terus membimbing, memberi kursus bimbingan dan latihan kepada usahawan-usahawan ini supaya apabila mereka akhirnya berjaya dan dapat meningkatkan mata pencarian dan seterusnya berdikari.

Tuan Yang di-Pertua, isu kedua yang saya ingin sentuh ialah berkaitan pemasangan alat pemadam api di kenderaan persendirian. Ini cadangan dari ramai rakan-rakan di luar sana. Mungkin perkara ini tidak disentuh oleh rakan-rakan dalam Dewan ini. Purata setiap tahun terdapat 2,000 kes melibatkan kebakaran kenderaan di seluruh negara. Punca utama kebakaran kereta ini disebabkan oleh kemalangan iaitu pelanggaran kereta dengan kereta atau dengan....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat sendiri dan mengatakan ramai sudah sebut. Apa Yang Berhormat punya cadangan? Latar belakang tidak payah, teruskan.

Datuk Hajah Rohani binti Abdullah: Cadangan saya supaya dikuatkuasakan. Macam kita kuat kuasa *plate number*, hendak selaraskan *tinted glass*, jadi kita cadangkan supaya setiap kereta bersendirian disediakan alat pemadam api untuk menghindar sekurang-kurangnya kalau berlaku kebakaran dapat juga pertolongan kecemasan. Setidak-tidaknya boleh membantu sedikit sebanyak kemalangan supaya tidak merebak apabila kita sudah ada alat pemadam api itu sendiri. Saya kira JPJ boleh memainkan peranan dalam hal ini.

Seterusnya, ketiga ialah berkaitan dengan PERKESO dan caruman KWSP. Seperti yang kita sedia maklum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ialah dana pencen terulung di Malaysia yang menyediakan jaminan asas kewangan bagi pesara. KWSP sentiasa komited dalam menjamin dan meningkatkan simpanan ahlinya melalui amalan terbaik pelaburan dan tadbir urus korporat. Langkah berhemah sentiasa menjadi panduan dalam setiap keputusan pelaburannya. PERKESO pula yang ditubuhkan pada 1971 berperanan melaksana mentadbir dan menguatkuasakan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dan Peraturan-peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja 1971.

Tuan Yang di-Pertua, Skim Perlindungan dan Kemudahan yang disediakan itu bertujuan meringankan beban dan masalah pekerja sambil membantu menjalani kehidupan yang lebih bermakna serta masa hadapan yang cerah dan terjamin untuk tanggungannya jika berlaku kemalangan di tempat kerja. Namun demikian, banyak kes majikan yang tidak mencarum KWSP dan PERKESO untuk pekerja mereka semakin meningkat. Dilaporkan seramai 278 nama pengarah syarikat telah dikemukakan kepada Jabatan Imigresen bagi tempoh Januari hingga Mac tahun ini.

■1700

Untuk menghalang mereka daripada meninggalkan negara sebelum menyelesaikan tunggakan caruman KWSP pekerja-pekerja mereka. Dalam hal ini, saya mencadangkan kepada kerajaan agar meningkatkan penguatkuasaan dan mengenakan hukuman atau denda yang berlipat yang lebih berat terhadap majikan yang ingkar ini dan gagal melunaskan tanggungjawab kepada pekerja mereka. Sekiranya denda itu ringan, mudah sahaja syarikat boleh bayar denda.

Tuan Yang di-Pertua, keempat berkaitan pendidikan. Dalam hal ini, saya ingin mencadangkan dalam isu pendidikan ini. Kita tahu dalam dunia merentasi sempadan pada hari ini pelbagai rintangan terpaksa dihadapi. Di antaranya ialah mengenai perpaduan kaum yang semakin longgar. Dalam hal ini, saya ingin mencadangkan agar konsep sekolah wawasan dikembangkan dan dikuatkuasakan semula di dalam negara kita. Ini bagi membolehkan semua rakyat tanpa mengira kaum dapat belajar di bawah satu bumbung dan satu sekolah yang sama dengan sukatan pelajaran yang sama. Melalui sekolah wawasan, kementerian juga boleh memasukkan mata pelajaran dan sukatan bahasa bagi setiap kaum yang ada di negara ini supaya anak-anak kita dapat menguasai banyak bahasa sejak dari peringkat awal usia.

Tuan Yang di-Pertua, ini akan lebih menyemarakkan semangat perpaduan tanpa sempadan dan kekangan kepada suatu perhubungan, terutamanya dalam peringkat umur kanak-kanak dan

pelajar di sekolah-sekolah lagi. Tumpuan memperkasakan sekolah wawasan perlu dimulakan di peringkat sekolah rendah. Oleh kerana sekolah ini mempunyai peranan penting sebagai tapak atau sebagai asas untuk menyemai dan memupuk perpaduan di antara kaum dari peringkat awal persekolahan.

Tuan Yang di-Pertua, dasar memperkasakan sekolah wawasan diwujudkan bagi memastikan sekolah rendah yang berbahasa pengantar Bahasa Melayu dan sekolah menengah kebangsaan menjadi sekolah pilihan utama masyarakat Malaysia. Selain bahasa Inggeris, di samping itu bahasa Cina dan bahasa Tamil juga diajar di sekolah-sekolah wawasan ini. Matlamat ini adalah untuk meningkatkan dan memperkukuhkan perpaduan di kalangan pelajar pelbagai kaum.

Justeru, pelajar-pelajar ini dapat dilatih hidup saling bekerjasama, saling sayang-menyayangi, saling hormat-menghormati, semangat patriotisme serta toleransi yang tinggi, selaras dengan aspirasi nasional.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan memperkasakan wanita, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM2.26 bilion kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bagi membangun dan operasi mempergiatkan penglibatan wanita dalam pasaran kerja serta aktiviti keusahawanan.

Kementerian diharap dapat terus memberi peluang kepada golongan ibu tunggal luar bandar yang berminat dalam bidang keusahawanan. Memberi bukan sahaja dana, malah juga perkhidmatan bantuan, bimbingan dan latihan. Saya setuju dengan hasrat kerajaan yang akan meneruskan Program Kemahiran Inkubator Ibu Tunggal (I-KIT). Program inkubator keusahawanan ini iaitu wanita dan program teras pembangunan wanita bagi membantu usahawan wanita luar bandar bagi meraih pendapatan yang lebih tinggi.

Selain itu, saya juga membawa suara wanita, khususnya untuk memohon agar kementerian meneruskan Program Purple DNA Project yang sebelum ini berjaya melahirkan pelbagai kelompok wanita dalam pelbagai bidang. Produk yang dihasilkan juga berjaya memasuki pasaran antarabangsa dan jelas menunjukkan keberhasilan projek ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan langkah kerajaan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang akan memperbaiki Akta Keganasan Rumah Tangga bagi melindungi pihak yang teraniaya. Semoga dengan penambahbaikan akta ini, kita berharap dapat mengurangkan kes-kes keganasan rumah tangga dan tidaklah pihak yang teraniaya itu terus dianiaya.

Saya juga ingin memohon penjelasan kerajaan berkaitan Program 1Azam. Yang mana di awal tahun baru-baru ini, Yang Berhormat Menteri telah memberi jawapan bahawa Program 1Azam ini diteruskan dan sedang dalam proses tender. Jadi, saya yakin ramai wanita dalam senarai menunggu, tertanya-tanya status. Saya harap Yang Berhormat Menteri dapat memberi penjelasan sebab ini sudah hampir 12 bulan dah, nak tutup dah tahun 2014.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan Kementerian Pertanian dan Asas Tani. Kalau kita singkap sejarah orang-orang kampung masa dulu yang bekerja kais pagi, makan pagi, kais petang, makan

petang. Kemudian apabila mereka menyertai FELDA dan FELCRA sebagai peneroka, akhirnya kehidupan mereka terbela. Jauh beza dengan nelayan-nelayan di kampung, sejak dulu hingga kini tidak banyak berubah. Inilah hasil perjuangan Kerajaan UMNO Barisan Nasional yang membuka banyak tanah FELDA untuk orang-orang yang kehidupannya kurang bernasib baik. Kehidupan peneroka-peneroka FELDA juga lebih baik dari nelayan-nelayan dari dulu yang mana masih di tahap sosial ekonomi yang masih rendah. Apa pun saya berterima kasih kepada kerajaan kerana telah memperuntukkan RM300 juta bantuan baiki rumah nelayan, juga menaikkan kos sara hidup nelayan dari RM200 kepada RM300, begitu juga kepada nelayan pantai.

Namun begitu, masih ramai nelayan pesisir pantai yang perlu dibantu. Mereka masih memerlukan bot dan enjin sangkut, bot fiber dan untuk kelangsungan kehidupan mereka. So, adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan satu skim subsidi bot dan enjin sangkut bagi mereka untuk lebih berdikari. Kalau sudah ada dalam cadangan kerajaan, terima kasih, syukur *alhamdulillah*. Kalau tiada, tolong pihak yang berwajib fikir-fikirkanlah di atas peruntukan RM6.1 bilion itu. Saya kira sedikitnya boleh kita pertimbangkan dalam kes begini.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan mendapat RM23.3 bilion. Terima kasih kepada Kementerian Kesihatan yang telah menepati janji iaitu meluluskan katil tambahan kepada Hospital Kemaman yang sedia ada. Di mana sekarang dalam proses pelaksanaan. Saya rasa sedikit lega bila berdepan dengan masyarakat Kemaman walaupun hospital baru daerah Kemaman yang dijanjikan masih lagi belum terlaksana. Juga saya ingin sentuh berkaitan bekalan ubat di hospital-hospital daerah yang jauh daripada ibu kota. Ini berdasarkan pengalaman minggu lepas, di mana berlakunya insiden Dato' Fuad, kebetulan berlaku di Kemaman. Masa kita bawa ke ICU, ke Hospital Kemaman dengan pertolongan segera pakar-pakar dan juga warga Hospital Kemaman. Saya ucapkan terima kasih dan tahniah.

Walau bagaimanapun, saya agak terkilan dan terkejut apabila dimaklumkan ubat yang betul-betul perlu untuk merawat, memberi rawatan kecemasan kepada Dato' Fuad itu betul-betul tinggal satu, yang *last* itu. Jadi, saya rasa perkara ini perlu diambil kiralah supaya ubat-ubat sebegini dibekalkan secukupnya. Supaya tidak berlaku insiden-insiden tidak cukup ubat kepada rakyat-rakyat yang jauh di kota. Tuan Yang di-Pertua...

■1710

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Mohon mencelah, boleh?

Datuk Hajah Rohani binti Abdullah: Sila

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Saya tertarik mengenai kes ubat di hospital ini. Apa pandangan Yang Berhormat, patut kah kita minta kementerian beri sedikit penjelasan kepada kita? Apakah keperluan minimum dan jenis-jenis ubat yang patut disediakan di hospital-hospital walaupun di peringkat negeri-negeri dan juga di daerah-daerah? Supaya keperluan sentiasa mencukupi. Makna, ia mesti ada satu *ceiling minimum* yang perlu ada.

Kedua, apa pandangan Yang Berhormat, saya rasa banyak kes yang berlaku sejak akhir-akhir ini. Saya rasa Tuan Yang di-Pertua juga tahu mengenai kes Dato' Mustafa Ma'arof yang masuk wad hospital tetapi tidak diberi perhatian dan mengambil masa yang panjang untuk doktor melihat dan mengenal pasti masalah sebenar. Ia memberi kesan sehingga beliau tidak sedarkan diri.

Jadi, saya rasa rawatan segera kecemasan ini bagaimana kaedah hospital menguasai keadaan *emergency*. Jadi, saya rasa pihak kementerian harus lihat sebab saya rasa banyak kes yang berlaku. Di Seberang Jaya Pulau Pinang pun begitu. Sakit lain tetapi disebabkan diberi nasihat yang lain, maka ia dioperasi disebabkan penyakit yang lain. Jadi, saya rasa apa pandangan Yang Berhormat mengenai itu? Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Abdullah: Terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Norliza binti Abdul Rahim. Sebenarnya, itulah kehendak kita. Pandangan bernas daripada Yang Berhormat Puan Norliza binti Abdul Rahim itu patut diambil perhatian oleh Kementerian Kesihatan. Oleh sebab perkara sebegini kalau berterusan berlaku, ia menggambarkan betapa kelemahan pihak kementerian. Saya kira apa-apa sahaja jawapan, perlu diperjelaskan oleh menteri sendiri.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan Kementerian Belia dan Sukan. Saya hari itu undur kembali kepada jawapan yang diberi oleh pak menteri Yang Berhormat Tuan Khairy Jamaluddin, berkaitan dengan Program Mengenal Pasti Bakat Talented Identification merupakan usaha untuk meningkatkan pembangunan sukan dalam negara kita. Sehingga sekarang, lebih daripada 26,000 orang pelajar telah dikenal pasti dan telah diuji dalam program ini. Seramai 2,000 orang lebih telah dikenal pasti kebolehannya.

Saya mohon penjelasan kerajaan, adakah kementerian bercadang untuk melebar luaskan lagi program ini ke sekolah-sekolah luar bandar? Ini kerana kita tahu pelajar-pelajar luar bandar tidak kurang hebatnya kalau dibandingkan dengan pelajar di bandar. Seperti contoh jaguh memanah di Sukan Sea, kalau tidak silap saya adalah datangnya dari sekolah luar bandar di Kemaman. Begitu juga jaguh berbasikal, datang dari sekolah luar bandar dari Dungun.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin merujuk kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang mana sebanyak RM1.3 bilion telah diperuntukkan pada tahun depan. Kita jelas bahawa penguasaan bidang Sains Teknologi dan Inovasi (STI) adalah penting untuk membawa Malaysia ke tahap negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Dalam hubungan ini, Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) telah digubal dan diluluskan dalam konteks Agenda Transformasi Negara. Melalui DSTIN ini, agenda STI negara akan diarusperdanakan di semua peringkat masyarakat dan di semua sektor. Pada tahun ini saya difahamkan MOSTI telah diperuntukkan sejumlah dana yang akan memberi tumpuan khusus kepada aspek pengkomersialan produk penyelidikan dan pembangunan R&D. Terutamanya dalam industri berasaskan bio menerusi Program Transformasi Bio Ekonomi (BTP).

Pendekatan BTP ini difahamkan dilaksanakan, khususnya melalui Program Pembangunan Komuniti Bio Ekonomi yang telah diumumkan dalam bajet tahun ini, bukan tahun depan. Sehubungan dengan itu, saya ingin penjelasan pihak kementerian akan status kejayaan program ini, Program

Pembangunan Komuniti Bio Ekonomi tersebut. Jadi, saya harap pihak kerajaan dapat memberi penjelasan.

Sejumlah peruntukan yang besar juga akan disalurkan dalam bajet bagi tahun 2015 kelak bagi tujuan penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan R&D&C dalam pelbagai bentuk dana iaitu sebanyak RM280 juta. Apakah pula perancangan dan pelan tindakan MOSTI dalam perkara ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah memutuskan untuk terus mengekalkan Akta Hasutan 1948 bagi membendung ekstremis yang bertujuan memporak-perandakan keamanan negara. Terima kasih dan tahniah kepada Wanita UMNO yang bawa usul ini dalam PAU baru-baru ini dan mendapat sejuta tanda tangan dari seluruh wanita di Malaysia.

Akta ini bukan sahaja dipertahankan tetapi juga akan diperkuat dan diperkukuh dengan penambahbaikan untuk terus menjamin keharmonian negara dan kestabilan perpaduan dapat dikekalkan. *Insya-Allah* dan bukan sahaja pada hari ini tetapi untuk terus diwarisi oleh anak cucu kita. Walaupun pemimpin di luar sana saya dengar ada yang menyatakan bahawa Perdana Menteri telah...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat. Sudah banyak yang komen tentang itu. Saya setuju Yang Berhormat menyokong itu tadi. Pergi kepada perkara lain.

Datuk Hajah Rohani binti Abdullah: Kalau begitu terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: *[Ketawa]* Terima kasih. Sekarang saya silakan Yang Berhormat Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff.

5.18 ptg.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: *Bismillaahi Rahmaani Rahiim, Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam 1Malaysia. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua di atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk turut sama mengambil bahagian di dalam perbahasan menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2015 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan baru-baru ini.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah membentangkan satu belanjawan yang bertemakan Bajet 2015 Ekonomi Keperluan Rakyat yang mana pada saya cukup adil kepada rakyat dengan satu agihan yang cukup jelas.

Justeru itu, marilah kita sama-sama berdoa kepada Allah SWT di atas kasih sayangNya dan bersyukur atas apa yang ada pada kita. Mudah-mudahan dengan sifat bersyukur atas apa yang ada, Allah akan melimpah dan menambahkan lagi nikmatNya. Kepada ayahanda Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah.

*Sebak dan sayu rasa di hati ku,
Mendengar puisi Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus menyentuh kalbu,
Perkenalan kita sesingkat waktu,
Belum sempat anakanda hendak berguru.*

■1720

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi pantunlah untuk Yang Berhormat Dato' sebab saya sangat mengagumi Yang Berhormat Dato'.

*Jasa budimu untuk agama dan bangsa,
Tersentuh hati ini tidak terkira,
Tidak terdaya kuzahir melalui kata-kata,
Hanya mampu berdoa moga Allah merahmatimu senantiasa.*

Tuan Yang di-Pertua, Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M). Ada mengatakan BR1M perlu diberhentikan kerana ia membebankan kerajaan serta akan meningkatkan kadar defisit negara disebabkan nilai bantuan ini akan meningkat setiap tahun. Namun, daripada hasil kajian saya yang saya lakukan sejak BR1M diperkenalkan pada tahun 2012, kadar defisit negara berkurangan dan dijangka mencecah kadar 3% pada tahun 2015.

Kepada mereka yang suka memperlekeh, menghina, mempertikai usaha kerajaan khususnya pembangkang, suka saya ingatkan, pemberian BR1M ini adalah bermatlamat untuk membantu meringankan beban hidup rakyat berpendapatan rendah bagi membeli barang-barang keperluan harian. Bantuan ini diberi secara menyeluruh kepada semua yang layak tanpa mengira kaum, agama mahupun latar belakang politik. Tanpa mengira latar belakang politik.

Menurut data yang saya peroleh Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhan pada tahun 2012, jumlah penerima ialah seramai 4.2 juta orang, tahun 2013 ialah seramai 6.8 juta orang, tahun 2014 ialah seramai 7 juta orang dan anggaran bagi tahun 2015 ialah seramai 7.1 juta orang. Kalau kita tengok pecahan mengikut negeri pula, Selangor adalah merupakan negeri penerima BR1M yang tertinggi yang mana peruntukan sebanyak RM413 juta yang melibatkan seramai 986,000 orang, diikuti dengan Johor dan juga Sarawak. Maka dakwaan dan tohmahan yang mengatakan Kerajaan Barisan Nasional pilih kasih dalam pemberian bantuan ini adalah tidak benar sama sekali. Ini kerana sekiranya kerajaan memilih untuk memberikan bantuan ini berdasarkan fahaman ideologi politik, sudah pasti rakyat di Selangor telah lama dipinggirkan.

Suka atau tidak, kita kena akui pemberian BR1M ini adalah merupakan kehendak rakyat. Jadi, janganlah ada yang cuba mengatakan, "*BR1M itu rasuah*". BR1M bukan rasuah, BR1M bukan sogokan, BR1M bukan hendak beli undi tetapi BR1M adalah merupakan bukti Kerajaan Barisan Nasional mendengar denyut-denyut nadi rakyat dan ingin berkongsi limpahan kekayaan negara dengan rakyat. *Sharing is caring*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya hendak bercakap dengan loghat Kedah. Dua tahun sebelum BR1M diberikan, saya terjumpa dengan seorang kawan yang juga pegawai di sebuah

agensi. Beliau telah memaklumkan kepada saya, beliau telah diarahkan untuk membuat banciaan dan bacaan sikap mengenai kehendak utama rakyat, apa yang rakyat hendak daripada kerajaan ini.

Jadi ini saya hendak beri contoh di kedah. Kawan saya ini kata dia pun pergilah masuk ke kampung semua, apa yang rakyat hendak daripada kerajaan. Hasil kajian tersebut, di Kedah sebagai contoh, rata-rata dalam kalangan masyarakat mengatakan Barisan Nasional sudah berjaya mewujudkan pelbagai jenis pembangunan, baik dari zaman Tun Dr. Mahathir, sudah 22 tahun, diikuti dengan Tun Abdullah. Jadi rakyat di Kedah Tuan Yang di-Pertua, telah memaklumkan bahawa kita di negara Malaysia kita sudah ada semua dah. Kita ada KLIA, kita ada IPTA, masjid, jalan elok, semua sudah elok dah. Apalah salahnya kalau kerajaan melalui Yang Amat Berhormat Perdana Menteri beri kami duit tunai. Kami hendak rasa juga kekayaan negara Malaysia ini. Itu yang saya ingat kata-katanya semasa saya jumpa kawan saya. Jadi apa yang rakyat hendak adalah rakyat hendak wang tunai untuk diberi kepada mereka untuk mereka rasa nikmat kasih sayang, setitis kekayaan negara ini kepada rakyat.

Jadi apa yang saya hendak sampaikan di sini ialah siapa sangka pada tahun 2012, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan Bantuan Rakyat 1Malaysia. Sumbangan i-BR1M ditanggung sepenuhnya. Siapa sangka, siapa pernah terfikir Kerajaan Barisan Nasional akan memberikan bantuan wang tunai kepada majoriti rakyat? Satu sistem atau model hibrid ekonomi yang tidak pernah terfikir oleh sesiapa ketika itu. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya sangat mengagumi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah mendengar keluh-kesah rakyat dan telah mencetuskan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M).

Namun, suka saya tegaskan di sini, saya membantah dan menolak sekeras-kerasnya sebarang cadangan untuk meminda pemberian bantuan ini kerana saya berpendapat kehendak dan keperluan masyarakat berbeza-beza. Sebagai orang politik, apabila kita balik ke kawasan kita bersembang dengan rakyat Tuan Yang di-Pertua, kita dapat mendengar keluh-kesah rakyat. Ada yang kata duit BR1M itu dia sudah *plan* dia hendak bayar yuran tuisyen anak, hendak beli basikal, hendak tukar *wiring* rumah, hendak tukar bumbung rumah, hendak tukar gigi baru, hendak beli *handphone* baru, Yang Berhormat Khalid kata. Jadi, keperluan berbeza. Bila rakyat dapat wang tunai ini, dia seronok. Dia boleh beli apa yang dia hendak beli.

Jadi, sekiranya ada cadangan yang hendak meminta agar BR1M dikaji semula khususnya dalam kaedah dan cara pembayarannya, ada yang minta kerajaan hendak tukar kepada baucar makanan dan sebagainya kononnya bagi hendak mengelakkan rakyat menyalahgunakan bantuan yang diberikan ini, saya tidak setuju. Saya bertegas, saya hendak katakan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri buat itu sudah elok dah beri tunai sebanyak RM950.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya hendak katakan ini ialah mengenai i-BR1M iaitu insurans di dalam BR1M itu sendiri. Semua penerima BR1M 2014 kategori isi rumah, ketua keluarga yang mempunyai tanggungan layak mendapat perlindungan. Tuan Yang di-Pertua, untuk tahun ini, siapa-siapa penerima BR1M akan mendapat skim perlindungan sekiranya berlaku kematian yang diakibatkan kemalangan atau cacat kekal akan mendapat RM30,000. Ini untuk tahun ini. Saya hendak

beri contoh kepada Ahli Yang Berhormat. Akan tetapi, kerajaan dalam Bajet 2014 telah mengumumkan Pelan Takaful i-BR1M yang secara dasarnya untuk memberi manfaat perlindungan kepada penerima BR1M serta membantu meringankan bebanan dan keluarga sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal akibat kemalangan. Sumbangan i-BR1M ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia dan tiada kos dikenakan i-BR1M dan diuruskan oleh konsortium pengendali Takaful.

Tuan Yang di-Pertua, tahun ini penerima BR1M dapat insurans sebanyak RM30,000 tetapi untuk Bajet 2015, semua penerima BR1M tidak akan menerima RM30,000 itu lagi sudah kalau berlaku kematian. Kerana apa? Saya hendak beri contoh di sini. Untuk tahun ini, seorang penerima BR1M, kerajaan tanggung kos sebanyak RM50 yang mana ada 7 juta orang penerima iaitu penerima BR1M. RM50 yang dicarum didarab dengan 7 juta orang, jumlah insurans yang kerajaan tanggung adalah RM350 juta, ini contoh untuk tahun ini. Akan tetapi, setakat bulan September tahun ini, *claim* hanyalah RM42 juta dan lebih RM300 juta itu *burned*, hangus, hilang.

■1730

Itu adalah konsep kemalangan diri. Jadi bagi saya, mungkin atas sebab itu dalam pembentangan bajet baru-baru ini kerajaan telah umumkan untuk gantikan insurans takaful kepada Skim Khairat Kematian yang akan memberikan manfaat kepada waris penerima BR1M dengan bantuan RM1,000.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua, maksudnya tahun depan penerima BR1M hanya dapat RM1,000 kalau ada kematian. Apa yang saya hendak cadangkan di sini agar kerajaan menubuhkan satu tabung khas dana yang menggunakan konsep yang sama kepada mana-mana agensi atau GLC yang difikirkan layak. Saya hendak beri contoh di sini, di mana Pertubuhan Peladang Kebangsaan atau pun NAFAS. NAFAS telah menubuhkan tabung khas, semua ahli peladang di seluruh Malaysia simpan di dalam tabung ini, seorang RM50. NAFAS mempunyai ahli, contoh saya hendak bagi, seorang RM50, kalau NAFAS mempunyai 1 juta ahli peladang dan di dalam tabung ini ada RM50 juta. Sekiranya ada kematian ahli peladang, wang sebanyak RM50,000 ini akan diberi kepada keluarga ahli peladang. Jadi, apa yang saya hendak bagi cadangan kepada kerajaan pada hari ini ialah bagaimana kerajaan...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh mencelah?

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang hendak mencelah Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh mencelah sedikit? Terima kasih Yang Berhormat Puan Shahanim, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan cadangan Yang Berhormat tadi tentang pemberian BR1M itu. Saya percaya walaupun ucapan Yang Berhormat ini akan terkandung di dalam *Hansard* ya, tetapi saya rasa untuk memastikan cadangan yang amat bernas ini terlaksana, saya cadangkan supaya Yang Berhormat sediakan dalam bentuk kertas kerja khas dan kemukakan menurut saluran-saluran yang lain. Dengan yang demikian, cadangan itu akan disalurkan

melalui pelbagai saluran dan kemungkinan ia akan terlaksanakan jauh lebih besar. Satu cadangan yang baik begini saya rasa patut mendapat perhatian yang bersungguh-sungguh. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Teruskan Yang Berhormat.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Terima kasih Yang Berhormat. Jadi untuk BR1M 2015, apa yang saya hendak cadangkan, sekiranya kita ada 7 juta penerima BR1M, kerajaan akan menanggung seorang penerima sebanyak RM50, di kali dengan 7 juta penerima, kita ada dana atau tabung khas sebanyak RM350 juta. Sekiranya berlaku kematian, kita boleh mencadangkan kepada kerajaan untuk memberi sama ada RM50,000 atau RM100,000 kepada pewaris-pewaris.

Saya hendak cerita sedikit. Ini pengalaman saya berada di kawasan. Rata-rata penerima BR1M ini terdiri daripada golongan sederhana ataupun miskin ataupun bawahan. Ini kisah benar yang saya hadapi macam mana satu keluarga, seorang bapa mati kemalangan motosikal di depan mata saya, saya ambil dia, bawa dia, saya pergi ke rumahnya. Anaknya enam orang, isterinya tidak kerja.

Cuba Ahli-ahli Yang Berhormat bayangkan, seorang bapa, ketua keluarga sudah meninggal, ibu yang tiada pelajaran, tidak ada pendidikan, hendak jaga anak enam orang. Seorang anak berada di UiTM, dua di sekolah menengah, satu di sekolah rendah, yang lain kecil lagi. Jadi, apa yang saya hendak katakan di sini kalau ada BR1M, berlakunya kematian kepada ketua keluarga, Kerajaan Malaysia ini pergi bagi nah RM20,000. Ambil RM50,000 ini, kita hendak "*Kak, yang mulanya kak ambil RM50,000 ini*", skim yang kita ambil daripada dana tabung khas kita ini, kita minta dia, mula-mula selesaikan hutang arwah suaminya dulu. Sebab kita tahu, penerima BR1M ini golongan bawahan, sederhana dan kebanyakannya orang Melayu, orang Islam yang tidak ada kesedaran tentang skim perlindungan insurans.

Jadi, Kerajaan Malaysia ini sampai prihatin macam ini. Mati sahaja seorang bapa tunggal keluarga, saya sedih pasal kisah yang saya tengok di kawasan saya. Bila seorang bapa mati, emak yang tidak ada pelajaran, pergi basuh kain di rumah orang, buat kuih, buat cucur dan segala-galanya dan abang yang sulung yang berada di UiTM terpaksa berhenti UiTM semata-mata untuk kerja sara adik-adik yang lain. Ini kisah betul, ini kisah benar. Hari ini abangnya itu telah kerja membawa lori. Saya memang rasa sedih. Akan tetapi kalaulah kerajaan- cuba kita bayangkan, 7 juta orang penerima BR1M ini...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada tiga minit lagi Yang Berhormat ya.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: ...Seramai 7 juta orang penerima BR1M ini, dia ada insurans, cuba bayangkan kalau tunggal keluarga meninggal, kita bagi RM50,000, dia selesaikan hutang. Dalam Islam hutang kena selesaikan, kalau tidak roh kita tidak diterima langit dan bumi. Jadi selesaikan hutang dan *balance* itu, lebihan duit itu simpan untuk keperluan anak-anak.

Contohnya macam keluarga Orang Asli, kalau bapa meninggal, anak-anak ada RM50,000. Itu yang saya maksudkan. Saya minta tabung ini ditubuhkan. Kalau ada RM350 juta, *claim* sampai hujung tahun RM50 juta, kerajaan masih ada lagi RM300 juta. RM300 juta ini banyak Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus. Jadi kita boleh buat macam-macam. Kerajaan boleh bagi pinjaman dan selebihnya. Jadi saya mengharapkan kerajaan tengok balik untuk menubuhkan tabung atau dana khas.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ada tiga lagi yang saya hendak cakap. Seterusnya tentang kejatuhan harga getah. Kejatuhan harga getah ini melibatkan 427,000 orang penoreh getah. Saya ingin menarik perhatian Dewan pada 2 Disember, saya tersentuh dengan satu tulisan dari *Utusan Malaysia* tentang rintihan si penoreh getah, di mana seorang ibu tunggal hanya dapat menoreh lebih kurang tiga kali seminggu. Seminggu pendapatan beliau sebanyak RM60 dan kalau sebulan RM240. Dengan RM240 sebulan, beliau hanya mampu membayar sewa rumah sebulan...

Timbalan Yang di-Pertua: Ada satu minit lagi Yang Berhormat.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Jadi saya memohon kementerian yang terlibat untuk membuat satu tindakan yang drastik. Tambahan bulan ini adalah musim hujan, musim tengkujuh dan pada bulan depan musim persekolahan pula hendak buka. Jadi saya minta satu tindakan drastik oleh kementerian untuk membantu penoreh getah seluruh Malaysia, mungkin boleh tolong dari segi bantuan makanan atau peralatan sekolah. Saya juga di sini ingin memohon kepada pihak Lembaga Getah Malaysia untuk memberikan perincian terhadap peruntukan dana yang berjumlah RM100 juta kepada penoreh ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya hendak sebut fasal...

Timbalan Yang di-Pertua: Gulung Yang Berhormat. Ada satu minit lagi itu.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Ya, saya hendak sebut fasal PKS sikit di mana PKS ini sebagai contohlah, saya hendak mencadangkan agar pihak kerajaan mewajibkan semua GLC atau golongan kontraktor yang mendapat kontrak atau keuntungan langsung dari GLC ini menggunakan sekurang-kurangnya 20% produk dari PKS. Saya hendak bagi contoh kalau MAS, kita naik MAS, kita minum *apple juice, orange juice, mango juice*, sedangkan sebenarnya kita ada produk kita sendiri. Di Malaysia kita ada *mango juice* Tobiar Gold, kita ada Harum Manis, *Perlis mango juice* yang terbaik, yang sangat sedap. Jadi saya mohon produk-produk ini dibawa dalam MAS. Setuju Yang Berhormat Tuan Mohd. Khalid?

Jadi saya hendak mencadangkan kontraktor dan pembekal ini...

Timbalan Yang di-Pertua: Cukup itu Yang Berhormat, kita masih ada ramai lagi yang hendak berucap.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Baik Tuan Yang di-Pertua, saya akan— saya sedang gulung. Jadi apa yang saya hendak cadangkan, kalau kerajaan hendak tolong rakyat, kerajaan kena tolong betul-betul. Kerajaan kena *assist*, kerajaan kena *pool*, dengan izin, kena bantu dan mewajibkan. Kalau tidak, produk IKS kita ini tidak ke mana, hanya jadi pameran. Jadi saya hendak minta di sini supaya kerajaan, kalau tengok dalam MAS kita makan kacang *titbit*, kenapa kita tidak boleh selang-seli dengan *banana chips* kita? Produk kita berkualiti.

Timbalan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat, cukup, cukup. Kita kesuntukan masa.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Terima kasih. Okey Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menggulung yang terakhir tentang lapangan terbang antarabangsa.

Timbalan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat, cukup.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Yang terakhir, nanti mereka orang Kedah marah saya pula.

Timbalan Yang di-Pertua: Kita tidak cukup masa, ramai lagi yang hendak berucap.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Tidak, saya memang tengok jam tadi Tuan Yang di-Pertua, memang tidak sampai lagi masa saya. Lagi lima minit. Saya memang tengok.

Timbalan Yang di-Pertua: Ini keputusan saya.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, saya minta dua minit sahaja lagi. Dua minit sahaja lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Satu minit Yang Berhormat.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah pun mengambil pelbagai langkah memastikan Malaysia kekal kompetitif dan mampu menjadi destinasi pelaburan menarik di Asia Tenggara.

■1740

Menyedari akan hakikat tersebut saya memohon mencadangkan agar pihak kerajaan untuk segera menimbangkan pembinaan sebuah lapangan terbang antarabangsa di Kulim yang dicadangkan kerajaan di Kedah baru-baru ini. Dengan wujudnya lapangan terbang tersebut kawasan sekitar sepanjang pantai termasuk Daerah Selatan Kedah, Perak Utara, Seberang Perai Tengah dan Selatan akan mempunyai satu rangkaian pembangunan dengan kawasan sekitarnya akan turut mengalami limpahan ekonomi.

Kita tahu bahawa Pulau Pinang mempunyai bidang tanah yang agak terhad. Jadi lapangan terbang itu tidak boleh dibesarkan lagi, disebabkan itulah lapangan terbang yang bakal dikenali sebagai Kulim-XP dengan keluasan lapan kali ganda Lapangan Antarabangsa Pulau Pinang akan mewujudkan pelbagai kemudahan terkini di kawasan terlibat.

Pada masa ini, Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang atau LTAPP hanya 40 kilometer persegi berbanding cadangan Kulim-XP yang mempunyai keluasan lebih 300 kilometer persegi. Mengikut kajian keluasan lapangan terbang ini juga boleh menempatkan kemudahan-kemudahan...

Timbalan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Sesebuah lapangan terbang...

Timbalan Yang di-Pertua: Saya kesuntukan masa...

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Untuk tempoh 30 hingga 50 tahun akan datang...

Timbalan Yang di-Pertua: Ada lima orang lagi hendak berucap Yang Berhormat.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Berbanding LTAPP yang hanya mampu bertahan 10 tahun akan datang. Terakhir Tuan Pengerusi, saya tidak berhasrat untuk menafikan sumbangan LTAPP. Sebagai contoh, namun sejak Kerajaan DAP mengambil alih pemerintahan Pulau Pinang, media sering melaporkan wujudnya pelbagai masalah khususnya yang melibatkan LTAPP di mana sekarang ini selepas sistem saluran baru lapangan terbang itu disiapkan awal tahun ini dengan kos

RM250 juta, namun Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang tersebut tetap mengalami banjir, enam kali banjir. Malah beberapa penerbangan yang...

Timbalan Yang di-Pertua: Saya rasa Yang Berhormat...

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Dijadualkan mendarat juga terpaksa...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Sudah hendak habis, sudah hendak habis Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya mohon kerjasama Yang Berhormat. Kita masih ada lima orang lagi Yang Berhormat. Saya mohon kerjasama Yang Berhormat.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Okey, baik Tuan Yang di-Pertua. Disebabkan itu saya merayu Kerajaan Negeri Kedah menawarkan kepada Kerajaan Persekutuan tanah yang luas dan mampu menampung dua landasan lapangan terbang bertujuan untuk operasi kargo dan penumpang. Malah hasrat Kedah untuk memiliki sebuah lapangan terbang antarabangsa di Kulim ini turut mendapat sokongan hampir semua pihak termasuk...

Timbalan Yang di-Pertua: Saya rasa...

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Wakil pihak rakyat pembangkang di negara ini. Sebagai contoh dalam persidangan Dewan Undangan Negeri Kedah, Ketua Pembangkang Datuk Ir Amiruddin Hamzah turut menyatakan sokongan terhadap pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim ini, sekali gus menunjukkan cadangan kerajaan itu mendapat perhatian mereka meskipun berbeza fahaman politik. Saya amat mengharapakan...

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau saya tidak dapat kerjasama dari Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian...

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Cadangan ini diberikan pertimbangan. Baik Tuan Yang di-Pertua, pantun yang terakhir.

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak payah pantun Yang Berhormat.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff:

*Pergi ke hilir naik penambang,
Untuk membeli langsung dan dokong,
Bajet 2015 bajet seimbang,
Dengan ini saya mohon menyokong.*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya mohon kerjasama Yang Berhormat sebab kita masih ramai lagi. Ada lima orang lagi yang hendak berucap. Kalau saya tidak ada kerjasama dari Yang Berhormat sekalian, maka susahlah kita hendak menguruskan Dewan ini. Seterusnya tanpa melengahkan masa saya ingin menjemput Yang Berhormat Datuk Raja Ropiaah. Saya terpaksa singkatkan masa Yang Berhormat, sebab kita kesuntukan masa.

5.43 ptg.

Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah: *Insya-Allah, insya-Allah. Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kerana memberi ruang dan peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2015.

Saya ingin menyentuh beberapa perkara. Pertamanya ialah tentang isu perumahan. Ini kerana kita semua sedia maklum bahawa salah satu isu utama bagi sebuah negara yang maju seperti Malaysia adalah sudah pasti dalam usaha kita untuk mencapai status negara maju tahun 2020, kita harus menyatukan bahawa rakyat kita ini mesti ada dengan izin, *a roof over the head*.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana telah mewujudkan beberapa inisiatif dan kaedah untuk menentukan bahawa peruntukan perumahan rakyat disediakan dan kehidupan rakyat di bandar terbela. Dari rumah PPR, Rumah Mesra Rakyat SPNB, rumah transit untuk sementara sebelum mampu membeli rumah, rumah generasi kedua FELDA, rumah untuk orang muda dan banyak lagi termasuklah rumah PR1MA yang harga minimumnya ialah RM250,000 hingga ke RM400,000.

Walaupun beberapa inisiatif telah dibuat, hakikatnya rumah yang mampu dimiliki jauh daripada mencukupi. Ini kerana permintaan jauh lebih daripada bekalan. Contohnya, data daripada CIMB mengatakan bahawa kita *shortfall*, kekurangan rumah untuk seluruh Malaysia ialah sebanyak 1.9 juta. Negeri Selangor sahaja ialah 113,000, di Wilayah tidaklah begitu teruk hanya 21,000 dan kawasan Sabah sampai 300,000 dan Sarawak juga 300,000 lebih.

Jadi bermaksud bahawa yang sebenarnya bekalan perumahan memang amat tidak mencukupi. Tidakkah boleh kita mencari jalan untuk mempertingkatkan pembinaan rumah mengikut kategori supaya bekalan boleh hampir memenuhi permintaan.

Jadi dasar kerajaan untuk menentukan rumah PPR dibina iaitu 50-50 telah membuat pemaju mengambil opsyen untuk membina rumah yang betul-betul mahal. Supaya elemen *cross subsidy* boleh menampung kos subsidi untuk rumah PPR. Jadi ini adalah salah satu sebabnya kenapa pemaju tidak membina rumah. Ini kerana apabila dikata 50-50, maknanya 50% itu ialah rumah mampu milik yang berpurata atas rumah yang boleh orang kata harga bebas.

Oleh kerana itu pemaju mengambil keputusan bahawa dia akan mengurangkan angka rumah yang boleh ada harga bebas ini dengan hanya membina rumah-rumah yang betul-betul mahal, yang tidak boleh mampu dimiliki oleh orang-orang yang berpendapatan sederhana.

Jadi isu perumahan kita ialah pertamanya ialah Rumah Mampu Milik tidak cukup. Rumah yang sederhana harga pun tidak mencukupi dan seterusnya rumah PR1MA yang kita sediakan pula tidak mampu dimiliki. Malahan saya rasa banyak daripada kawan-kawan kita Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini telah menyatakan bahawa rumah PR1MA adalah rumah yang hanya mampu ditengok tetapi tidak mampu dimiliki. Jadi saya rasa bahawa adalah perlu bagi kerajaan untuk melihat inilah isu-isu yang harus kita tangani.

Salah satu daripada cadangan saya ialah supaya kerajaan perlulah dalam istilah Bahasa Inggeris, *unlock* tanah-tanah kepunyaan kerajaan iaitu sama ada dipegang oleh GLC ataupun agensi-agensi kerajaan. Tanah-tanah ini perlulah kita *unlock* supaya boleh digunakan tanah-tanah ini untuk membina lebih banyak lagi Rumah Mampu Milik. Jadi maknanya harga tanah itu adalah murah dan bolehlah kita membina lebih banyak rumah yang dikatakan hampir 1.9 juta kekurangannya buat masa kini, bekalannya terlampau sedikit.

Apabila bekalan sedikit maka di situlah kita dapati bahawa harga rumah akan meningkat tinggi. Itu adalah salah satu isu perumahan iaitu orang awam menyatakan bahawa rumah di Kuala Lumpur, Selangor dan Pulau Pinang harganya terlampau tinggi dan inilah sebabnya oleh kerana *supply* ataupun bekalan adalah tidak mencukupi. Permintaan, *demand is greater*.

Saya berharap bahawa perkara ini boleh diselesaikan. Ada juga cadangan bahawa sekiranya kita boleh membuatkan satu tabungan, tabungan *contribution* daripada pemaju-pemaju satu dana diwujudkan untuk membantu kerajaan membina lebih banyak Rumah Mampu Milik. Saya ingin menyatakan bahawa saya ingin mengutarakan cadangan ini supaya kerajaan boleh mengkaji sama ada mengadakan tabung perumahan rakyat ini salah satu cara untuk kita dapat menentukan bahawa lebih banyak lagi Rumah Mampu Milik boleh dibeli dengan sumbangan daripada pemaju-pemaju *private sector*.

Seterusnya saya ingin juga Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang perkara BR1M. Saya pernah dalam Dewan ini juga menyuarakan di Dewan yang mulia ini dulu, dan saya masih berpendirian yang sama bahawa bagi orang-orang muda yang bertenaga boleh berusaha dengan gigih dan boleh membina diri mereka lebih baiklah diberi kail daripada ikan supaya boleh mendapat keuntungan berterusan dan tidaklah diterapkan dengan budaya mentaliti subsidi di umur yang masih muda.

Berilah mereka *skills training* dengan izin, latihan kemahiran untuk mempertingkatkan kemahiran mereka dan profesion mereka. Lebih baiklah kita kalau mana yang minat berniaga itu kita ajar mereka dan beri ruang untuk mereka berniaga daripada kita memberi kewangan sahaja.

■1750

Saya memang pernah menyatakan perkara ini kepada kepimpinan juga kerana saya sendiri merasakan bahawa adalah lebih baik kita memberi kail dan bukannya memberi ikan. Kalau ini boleh kita buat, bayangkan kumpulan sasar kita ini boleh kita bina mereka juga nanti bila sudah berpendapatan lebih baik kalau ada pendapatan sendiri boleh juga membina orang-orang muda yang lain. Jadi, saya rasa kalau boleh perkara ini kalau bolehlah dikajilah semula tentang BR1M untuk orang-orang muda ini dan carilah kaedah yang terbaik untuk masa depan anak-anak muda, harapan negara kita.

Seterusnya saya ingin juga menyentuh tentang negara berpendapatan tinggi. Saya amat mengalu-alukan hasrat Perdana Menteri untuk mencapai status negara maju pada tahun 2020 iaitu lima tahun sahaja daripada sekarang. Dalam mencapai status negara maju ini Perdana Menteri juga telah menyasarkan bahawa Malaysia juga mestilah menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi.

Saya ingin dimaklumkan apakah kriteria-kriteria yang terperinci bagi Malaysia yang harus ada sebelum ia boleh digelar sebagai sebuah negara maju berpendapatan tinggi?

Apakan perancangan terperinci bajet dan persiapan rapi yang telah dibuat supaya *target* pendapatan tinggi dapat dicapai pada tahun 2020? Berapakah kuantum pendapatan yang boleh dikategorikan sebagai pendapatan tinggi pada tahun 2020 itu nanti?

Saya hendak cepatkan bercakap sebab ramai orang. Seterusnya saya ingin menyentuh tentang langkah kerajaan untuk membuka Agrobazaar Malaysia di luar negara yang telah pun dimulakan di Singapura yang telah memperlihatkan transformasi yang dibawa oleh Kementerian untuk membawa produk keluaran petani, peladang, nelayan dan pengusaha IAT ke peringkat global. Apatah lagi hari ini telah pun dilancarkan oleh Menteri Pertanian di Putrajaya portal *online* Agrobazaar di mana produk-produk petani boleh dibeli secara *online* dari seluruh pelosok dunia.

Jadi bayangkan *our product, Malaysian product* telah pun *go online* melalui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan saya hanya berdoa bahawa portal ini akan berjaya. Kalau mengikut unjurannya memang akan berjaya. Itu yang dimaklumkan. Walau bagaimanapun kita rasa kalau boleh Menteri nanti beri sedikit pencerahan tentang perkara ini supaya boleh semua orang tahu apakah sebenarnya perancangan kerajaan. Saya ingin di sini menyentuh tentang pengeluaran buah-buahan...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada tujuh minit lagi Yang Berhormat.

Datuk Raja Ropiah binti Raja Abdullah: Berapa?

Timbalan Yang di-Pertua: Tujuh minit.

Datuk Raja Ropiah binti Raja Abdullah: Okey. Bagi pengeluaran buah-buahan telah disarankan kementerian memberi fokus kepada lima atau enam buah jenis buah-buahan sahaja supaya kuantiti pengeluaran kita itu lebih tinggi dan bolehlah negara kita berperanan untuk mengeksport buah-buahan yang banyak permintaan. Tidak gunalah kita ada sampai 20 jenis buah-buahan kita buat ladang tetapi *none of it*, tidak ada pun yang boleh banyak dia punya pengeluaran sehingga boleh kita eksport.

Jadi saya mencadangkan bahawa di antara buah-buahan yang harus kita fikirkan ialah buah betik, buah nanas, buah pisang, durian terutamanya durian 'Musang King' yang amat popular di negara China. Perancangan yang lebih terperinci diperlukan supaya kita boleh memenuhi permintaan pasaran negara dan juga pasaran antarabangsa.

Saya juga ingin menyatakan di sini bahawa akhir-akhir ini saya dapati perlakuan anak-anak muda kita mat membimbangkan. Sering kali dilaporkan buli membuli, *hooliganism* baru-baru ini dan juga kes-kes membelasah mangsa-mangsa sampai membawa maut. Apakah yang terjadi pada masyarakat kita sekarang ini? Apakah punca keganasan berlaku dan takkan dapat ini dibendung?

Saya ingin menyatakan berkenaan dua insiden yang akhir-akhir baru-baru ini di mana remaja melepak-lepak di taman rekreasi dibunuh 20 orang perompak. Remaja itu ada enam orang semuanya tetapi seorang sahaja yang meninggal dibelasah kemudian dihumbankan di dalam tasik hidup-hidup. Saya tidak tahu apakah yang sedang terjadi kepada anak-anak muda kita ini. Penduduk-penduduk di

situ iaitu di Taman Medan Idaman mengatakan bahawa jenayah berlaku hampir tiap-tiap hari sama ada ragut, samun ataupun pecah rumah.

Di manakah sebenarnya pasukan keselamatan kita, polis, RELA, Rukun Tetangga dan lain-lain? Tidak lama selepas itu kita baca di dalam *paper* bahawa remaja maut diserang enam bersaudara bermakna dari satu keluarga pergi membunuh, membelasah sehingga mati hanya kerana ada perselisihan faham di gelanggang futsal.

Jadi, saya rasa perkara ini memang ada benda yang tidak kena di negara kita ini. Apakah puncanya? Saya hanya berharap agar kerajaan kenalah melihat perkara ini sebagai satu perkara yang amat serius dan ambil buatlah kajian. Cubalah kenal pastri kenapa ini berlaku? Kenapakah kita tidak menghormati nyawa orang lain? Kenapa mudah sekali untuk kita mengambil tindakan tanpa memikirkan kesan negatif tindakan kita itu.

Umpamanya baru ini insiden bom di Bukit Bintang juga menimbulkan keraguan kepada rakyat. Selamatkan kita berjalan-jalan di Kuala Lumpur? Di manakah pengawasan oleh pihak keselamatan terutamanya di kawasan popular macam Bukit Bintang itu, kawasan pelancongan. Jadi kalau pelancong nanti mula tidak hendak datang kerana takut. Oleh kerana tidak selamat, saya sendiri pun rasa tidak selamat untuk pergi ke sana. Bukan hanya untuk pelancong, untuk warganegara pun sama jugalah keadaannya.

Timbalan Yang di-Pertua: Mungkin Yang Berhormat mula menggulung Yang Berhormat.

Datuk Raja Ropiahah binti Raja Abdullah: Okey saya hanya ada satu lagi perkara yang hendak saya sebutkan iaitu tentang Cameron Highlands ini Tuan Yang di-Pertua. Saya hairan bahawa insiden telah berlaku agak lama juga. Yang kita dengar hanya tindakan diambil kepada PATI sahaja. Rakyat tertanya-tanya dan menunggu-nunggu bilakah kita hendak ambil tindakan kepada yang membuat salah yang lain-lain itu terutamanya penguat kuasa. Tidakkah ada tindakan kepada penguat kuasa? Tidakkah ada tindakan kepada orang-orang yang membuat keputusan memberikan tanah dan sebagainya?

Jadi rakyat melihat bahawa kita ini tidak telus. Kalau kita hendak menjadi satu kerajaan yang dihormati oleh rakyat haruslah kita mengambil tindakan yang sewajarnya tanpa mengira sama ada orang itu orang kita atau orang mana. *We have to be very fair* dan telus. Jadi, saya tidak mahu mengambil masa orang lain. Dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2015. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat atas kerjasama Yang Berhormat. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat S. Bagiam.

5.58 ptg.

Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal: Salam sejahtera dan salam 1Malaysia, *vanakam*. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan untuk turut serta dalam perbahasan Bajet 2015 ini. Terlebih dahulu saya ingin menyampaikan ucapan terima kasih kepada

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Presiden MIC bagi lantikan penggal kedua saya di Dewan yang mulia ini.

Secara amnya Bajet 2015 memberikan tumpuan kepada golongan sederhana dan golongan berpendapatan rendah dalam menangani kos sara hidup semasa yang semakin meningkat dalam masalah perumahan bagi golongan muda berpendapatan rendah dan sederhana juga diteliti. Belanjawan 2015 juga perlu melihat kepentingan anak muda terlibat dalam bidang pertanian. Kita perlu melihat 30 tahun ke hadapan bagi mengimbangi masalah pendapatan yang dilihat tidak seberapa.

Kerajaan perlu fokus untuk melahirkan petani-petani moden yang menjadi aset kepada negara. Kita berbangga dengan pertumbuhan pusat-pusat kemahiran yang berbagai-bagai pada hari ini. Akan tetapi di mana pusat latihan untuk anak muda yang fokusnya untuk melahirkan petani-petani mahir? Walaupun kerajaan mewujudkan Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan yakni NATC yang diwujudkan pada 1 Oktober 2002 namun fungsinya harus diluaskan lagi.

■1800

Berapa ramai di kalangan rakyat Malaysia yang mengetahui tentang kewujudan NATC ini? Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang Projek Pembangunan Perumahan Mampu Milik. Saya ingin bertanya, berapa jumlah rumah yang sudah siap dibina dan juga dalam proses pembinaan? Apakah jumlah yang telah dan akan dibina dapat menampung permintaan, khususnya daripada golongan yang kurang mampu.

Saya menerima baik rancangan untuk menyediakan Projek Perumahan Mampu Milik ini. Akan tetapi apakah kerajaan sedar bahawa ramai dari golongan ibu tunggal serta belia-belie kita yang baru mula bekerja susah untuk mendapatkan pinjaman perumahan kerana berbagai masalah. Pihak bank swasta juga menolak permohonan mereka dengan menggunakan alasan yang tidak selaras dengan hasrat kerajaan. Apakah usaha kerajaan dalam menangani masalah pinjaman perumahan ini, khususnya golongan ibu tunggal dan golongan belia yang baru mula melangkah ke alam pekerjaan?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang Kementerian Kesihatan. Sejak kebelakangan ini kita dapat melihat dan mendengar melalui media massa bahawa Skim Perkhidmatan Rawatan dan Perubatan dilihat amat lemah. Terdapat banyak kes-kes yang dicerminkan kecuaiannya serta kelemahan pihak hospital sehingga boleh menyebabkan kehilangan nyawa atau kecacatan. Apakah kementerian dapat memastikan industri perubatan di negara ini dapat mengawal sedekatnya dalam menjaga imej sektor perubatan kita?

Nyatakan jumlah pegawai perubatan yang telah dibuang dari sektor perkhidmatan perubatan bagi tempoh dua tahun ini dan juga alasan. Nyatakan juga jenis-jenis kesalahan yang sering dilakukan oleh pegawai-pegawai perubatan serta apakah langkah yang telah diambil oleh kementerian dalam memastikan industri perubatan ini tidak tercemar ke satu tahap yang lebih membimbangkan. Saya juga telah menerima beberapa aduan dari pesakit yang mengunjungi pusat rawatan swasta. Di mana caj-caj yang dikenakan terhadap pesakit adalah tidak wajar. Ada juga pesakit dicaj untuk peralatan yang tidak digunakan seperti jarum untuk di *dripping bandage* yang tidak sesuai dan sebagainya.

Ini menyebabkan kos rawatan secara purata meningkat dan ia membebankan masyarakat kita. Apakah usaha kementerian dalam menangani isu sedemikian? Pohon kementerian juga agar dapat menilai kembali caj *parking* yang dikenakan di semua hospital dan mohon untuk menyelaraskan harga ini. Kadang-kadang apabila saya membuat lawatan ke hospital, saya dapati caj yang dikenakan adalah amat tinggi yang jelas membebankan rakyat kita, terutama keluarga pesakit.

Saya ingin pohon penjelasan terhadap masalah tempat letak kereta serta caj yang dikenakan hospital ini dimanipulasikan semata-mata untuk mencari keuntungan yang berlebihan. Ingin saya menyeru kerajaan agar perkara-perkara ini dapat diteliti kembali. Saya juga sarankan agar pihak kementerian meneliti kembali SOP semua hospital kerajaan mahupun swasta atau penyampaian perkhidmatan perubatan ini dapat dikekalkan ke tahap yang tidak dengan harga yang berpatutan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit mengenai Kementerian Pendidikan. Sebelum saya menyentuh isu-isu berkaitan Kementerian Pendidikan, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada dua orang anak yang datang dari SJK(T) Kulim, Kedah. Dua orang anak India yang telah dianugerahkan *Young Investor Award* di London baru-baru ini. Mereka meraih *Double Gold Award di British Invention Show 2014* di London.

Kanak-kanak ini bernama P. Privina dan V. Sumitha. Kedua-dua berumur 11 tahun yang telah disokong oleh temannya, R. Rageswari berumur 13 tahun, telah mengilhamkan sebuah idea untuk membuat sebuah mesin yang mereka telah melihat dalam satu artikel *online* pada bulan Mac. Saya amat bangga kerana ini merupakan satu kejayaan anak Malaysia yang dapat mengharumkan nama negara Malaysia di persada antarabangsa. Tahniah kepada mereka.

Apakah usaha kementerian dalam menghargai mereka ini serta apakah dorongan yang disampaikan agar anak-anak muda ini dapat mempertimbangkan pencapaian mereka pada masa hadapan. Menyentuh mengenai tugas dan tanggungjawab guru-guru. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Kementerian Pendidikan mengenai tugas dan beban guru-guru yang masih dilihat amat berat. Apakah kedudukan semasa di mana kementerian pernah berjanji bahawa tugas guru kini akan lebih menumpukan perhatian dalam bidang pengajaran dan beban tugas-tugas pentadbiran akan diserahkan kepada ahli bukan akademik.

Saya juga ingin bertanya, berapakah jumlah tenaga pengajar yang kini berkhidmat di sekolah-sekolah jenis kebangsaan Tamil dan Cina dan berapakah di antara mereka yang berketurunan India dan Cina termasuk sekolah kebangsaan? Apakah usaha kementerian bagi memastikan agar tenaga kerja pengajar ini sentiasa berada di tahap maksimum bagi menjamin masa depan pelajar-pelajar kita, terutama yang mengikuti aliran bahasa ibunda mereka?

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit mengenai Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada Menteri atas usaha dan komitmen beliau dalam menjaga hal ehwal wanita dan keluarga. Komitmen beliau mencerminkan hasrat kerajaan dalam memastikan kesejahteraan rakyat sentiasa diutamakan. Saya ingin bertanya kepada Menteri, apakah kerajaan

akan meneliti kembali sokongan dan bantuan yang disampaikan kepada golongan ibu tunggal serta orang kurang upaya ini dapat dipertimbangkan?

Seterusnya, saya ingin menyentuh mengenai Program PERWANI yang diperkenalkan oleh kementerian sebagai satu pendekatan yang khusus kepada kaum wanita. Saya ingin mengucapkan syabas kepada kementerian atas usaha mewujudkan sebuah program yang amat bermakna dalam usaha mengeratkan hubungan sesama kaum wanita. Ini adalah kerana setiap program tidak melibatkan keahlian yang ramai. Maka, hasrat dan tujuan PERWANI untuk menjadi kumpulan jaringan wanita yang mengamalkan amal pengurusan yang terbaik mudah dicapai.

Melalui Program PERWANI kita boleh mendekati sanubari kaum wanita dan menarik perhatian mereka untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan. Peserta-peserta Program PERWANI terdiri daripada golongan remaja, suri rumah, ibu tunggal, pekerja-pekerja kilang dan sebagainya. Oleh itu, program-program yang disediakan oleh Kumpulan PERWANI dapat memberi satu peluang bagi keperluan mereka yang memerlukan. Tambahan pula program sebegini sememangnya memberi peluang untuk mengajar, membimbing dan mendekati jiwa mereka.

Program-program yang dijalankan memang memberi hasil. Oleh itu kami menaruh harapan yang tinggi supaya dana ditambahkan dan tanpa henti memandangkan jumlah sedikit. Saya juga ingin pohon bertanya, berapa banyak jumlah wanita kaum India telah mengambil bahagian dalam Program PERWANI ini?

■1810

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, ingin saya menyentuh sedikit tentang tol plaza yang penggunaan *Touch 'n Go*. Baru-baru ini pihak PLUS telah menguar-uarkan bahawa sistem kutipan tol di Lebuhraya Persekutuan akan ditukar kepada sistem elektronik sepenuhnya. Saya ingin tahu berapakah jumlah kutipan bagi lima tahun kebelakangan sehingga kini. Berapakah jumlah gaji yang dibayar kepada pekerja yang bekerja di bawah seliaan PLUS- Tol Batu Tiga. Mengapa perkhidmatan bonus *PLUSMiles* diberhentikan? Nyatakan berapa jumlah bonus yang telah dibayar kepada pelanggan *PLUSMiles* sehingga kini.

Berapakah jumlah yang tidak dituntut? Apakah sebab pemandu disarankan untuk menukar kad *Touch 'n Go* mereka kepada *PLUSMiles* dan mengapa kini bayaran bonus telah diberhentikan? Apakah akan terjadi kepada duit yang berlebihan atau bonus yang pernah dibayar itu setelah program pembayaran bonus *PLUSMiles* diberhentikan. Saya mohon penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya pohon menyokong. Sekian, terima kasih.

6.11 ptg.

Dato' Roslin binti Haji Abdul Rahman: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat hari ini merupakan hari yang terakhir dan saya dapat melihat ramai rakan saya dalam Dewan ini telah membawa banyak perkara yang menyentuh isu-isu semasa. Maka dengan ini saya ingin terus menjimatkan masa memandangkan masa dah tidak ada, saya akan

menyentuh satu dua perkara sahaja di sini. Isu yang dapat kita lihat hari ini yang berada di Malaysia ini, kita lihat kebanyakan mempertikaikan kewibawaan bagi pihak kerajaan terutamanya dari sudut penguatkuasaan. Saya amat bersetuju dengan rakan-rakan saya dalam Dewan ini berhujah untuk melihatkan bahawa kita memerlukan satu transformasi dalam pentadbiran kita dan kita juga memerlukan satu nama baru yang diperkatakan dalam Dewan baru-baru ini iaitu peremajaan.

Yang mana kita lihat apa isu yang berlaku hari ini sama ada soal tanah runtuh, kita lihat bukan sahaja di Cameron Highlands yang mana kita lihat juga di tebing-tebing, di cerun-cerun kita lihat rumah-rumah yang didirikan akan mendapat ancaman apabila hujan lebat turun. Maka ini kita selalu menuding jari kepada pihak kerajaan. Kita ada akta tetapi kenapa kita tidak laksanakan dari segi penguatkuasaannya. Kita lihat juga di Malaysia hari ini dalam isu-isu yang banyak dibangkitkan.

Soalnya yang saya hendak tulis di sini ialah isu contohnya lesen segera yang mana kita dapati ada kelemahan-kelemahan dalam pihak JPJ itu sendiri yang mana lesen boleh dibeli sama ada lesen motosikal ataupun lesen kereta, boleh dibeli dengan harga lebih kurang dalam RM500 ataupun RM200. Itu untuk lesen.

Juga kita lihat kepincangan dalam sistem lesen ini kerana kita lihat hari ini JPJ telah pun menswastakan sistem sekolah memandu ini kepada syarikat-syarikat yang membuka sekolah memandu. Maka dengan ini, kita melihat hari ini pelajar-pelajar yang ingin memandu hari ini cuma mengambil masa tidak sampai satu bulan untuk sesi pembelajaran sahaja, memandu kereta. Maka dengan itu, JPJ hanyalah sebagai untuk peringkat akhirnya membuat saringan setelah pun lulus beberapa ujian yang tidak telus yang mana kita lihat hari ini ada ulat lesen ini membuat penawaran supaya dapat mempunyai lesen dengan kadar yang lebih mudah, tidak perlu untuk kita menghadiri sekolah-sekolah memandu dengan masa yang lebih panjang lagi.

Maka dengan itu kita lihat hari ini budak-budak muda kita, selepas ambil lesen baru dapat satu bulan, dengan lebu raya yang telah kerajaan sediakan dengan begitu cantik sekali, mereka telah memecut kereta dengan begitu laju dan kita dapat lihat bahawasanya kemalangan banyak hari ini terdiri daripada golongan anak-anak muda.

Ini adalah kerana untuk membawa kereta ini kita mesti mempunyai ilmu, kita mesti mempunyai kemahiran dan juga kesabaran. Yang ini apabila dengan mudahnya kita mendapat lesen-lesen ini, maka dengan itu kita dapati bahawasanya kemalangan yang berlaku ini ialah kelemahan sistem itu sendiri. Maka dengan penawaran harga yang begitu murah dan juga dengan belajar yang begitu singkat, maka saya rasa mereka di pihak JPJ untuk mengkaji semula sistem yang sedia ada. Yang mana hari ini kita kena ingat juga bahawa aspek keselamatan amatlah penting kerana kita tidak mahu kebanyakan hari ini peningkatan kemalangan dari semasa ke semasa meningkat di lebu raya.

Maka dengan itu saya juga hendak mencadangkan, dalam kita belajar memandu ini, kita ada dua pilihan. Satu kita belajar secara manual, satu kita belajar secara auto sebab hari ini banyak kereta auto. Saya hendak sarankan kepada JPJ, janganlah bagi mudah anak-anak yang belajar ini ataupun pemandu-pemandu yang hendak belajar kereta ini memandu ambil dengan sistem auto. Memang membawa kereta dengan sistem automatik ini memang mudah. Kalau boleh kita ketatkan

peraturannya, kita hendak mereka ini mesti boleh membawa kereta dengan cara manual. Oleh itu, banyak latihan pada mereka, bertambah cekaplah mereka.

Di sini juga terlanjur saya bercakap dalam aspek keselamatan dari segi JPJ ini, kita berharap pihak JPJ juga mengawasi sekolah-sekolah memandu dari semasa ke semasa kerana kebanyakan orang yang buat penswastaan sekolah memandu ini ialah golongan orang-orang yang hendak mencari duit. Mereka tidak mementingkan kualiti, mereka hanya mementingkan bagaimana cara untuk membuat keuntungan.

Kita lihat berlaku juga baru-baru ini cerita kisah yang mana kita lihat kepincangan dalam sistem membuat MyKad. Itu di Jabatan Pendaftaran Negara yang mana dipertikaikan, yang mana dengan mudahnya kita boleh dapat sijil kelahiran, kita boleh beli. Yang mana dengan mudahnya kita dapat sijil kerakyatan pun kita boleh beli, dengan mudahnya kita dapat MyKad dan juga dengan mudahnya kita dapat passport. Kita melihat ini semua adalah kerana hari ini semua orang yang datang ke sini katakan Malaysia serba boleh. Memang serba bolehlah, apa yang mereka hendak dapat begitu mudah.

Saya juga agak kesal kerana sindiket-sindiket ini menawarkan harga yang begitu murah untuk pendatang-pendatang asing mendapatkan dokumen-dokumen tersebut daripada harga RM5,000. Ada juga kalau katakan untuk mendapatkan kerakyatan sebanyak sampai RM50,000. Maka dengan itu, saya berharap pada masa-masa akan datang supaya kerajaan lebih tegas di JPN ini yang mana kalau contohnya kita membuat serbuan-serbuan. Contohnya bersama, hari ini kita bergerak bersama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain membuat serbuan untuk pendatang-pendatang asing ini contohnya. Kita hendak pastikan dia betul atau tidak betul warganegara, kita mesti pastikan kita tanya dia, temu duga dia, kita lihat cara percakapannya ataupun dialognya bolehkah bercakap dengan Bahasa Malaysia dengan baik.

Kita tanya beberapa soalan tentang kenegaraan, adakah dia faham ataupun dia tahu tentang Rukun Negara contohnya. Barulah kita dapat melihat sama ada IC ataupun MyKad ataupun sijil kelahiran yang dimiliki itu adalah benar-benar original ataupun itu adalah yang palsu. Maka saya berharap dengan ini supaya akta yang berkenaan dengan kementerian ini supaya kita harus perbaiki dari semasa ke semasa.

Begitu juga tentang alam sekitar yang saya katakan tadi. Maksudnya semua ini adalah memerlukan penguatkuasaan. Kita ada undang-undang, kita ada akta, saya mengharap kepada Kerajaan Malaysia supaya jangan takut. Kita mesti laksanakan tanggungjawab kita ini maka kita perlu tambah penguatkuasaan kita lagi dari segi penguatkuasaan tempatan ataupun kita mesti menambahkan juga anggota keselamatan kita kerana mereka inilah yang banyak turun padang untuk menjaga keselamatan negara.

Isu yang paling hebat untuk saya sentuh di sini ialah tentang buruh asing. Yang mana saya lihat buruh asing ini telah menjadi satu tajuk perbualan dari semasa ke semasa. Saya rasa di dalam Dewan ini sepanjang saya jadi Ahli Dewan ini pun bercakap tentang tajuk yang sama. Saya juga

bercakap tentang pekerja asing tetapi kita melihat penambahan mereka ini dari semasa ke semasa adalah bertambah.

Ada juga kita lihat bahawa di surat khabar, kita melihat bahawasanya kadar pengaliran wang negara ke luar negara telah pun mencapai RM25 bilion dalam masa satu tahun yang mana di sini ada kita lihat untuk pendatang asing dari Indonesia sendiri iaitu seramai 4.7 juta, transaksinya yang telah melibatkan RM4.8 bilion. Dari Bangladesh telah melibatkan RM3.23 bilion. Nepal melibatkan RM2.69 bilion. India melibatkan RM1.33 bilion dan Filipina sebanyak RM800 juta.

■1820

Kita melihat itu adalah merupakan jumlah yang besar. Kita tidak boleh memandang ringan perkara-perkara ini. Saya harap masalah PATI ini kalau boleh kita dapat selesaikan dengan begitu baik dan kalau boleh, pada masa-masa akan datang supaya masalah ini tidak perlu kita bahaskan di dalam Dewan ini, dan kita tidak juga mahu masalah PATI ini turut menggugat keselamatan negara kita. Kerana apa? Kerana ada PATI ini, kita lihat ada banyak perkara yang berlaku di Malaysia ini.

Kita lihat kita di hospital kerajaan, kita terpaksa menanggung kos yang tinggi untuk mereka. Mana PATI-PATI yang ditangkap ini yang diletak ke pusat di bawah KDN supaya dibawa pulang, di mana kita lihat mereka ini kita terpaksa tanggung makan minum mereka sendiri. Kita lihat kadar jenayah pun bertambah dan berbagai-bagai masalah penyakit dan sebagainya terdapat di Malaysia.

Maka dengan itu, saya lihat bahawa buruh asing ini sekarang ini adalah digunakan untuk tenaga kerja yang mana kita lihat untuk membina rumah, sebagai pembantu kedai dan juga pekerja pertanian telah berubah daripada peranannya. Mereka sekarang ini adalah seorang kontraktor perumahan, tauke kedai dan pengusaha ladang dan juga ternakan. Janganlah pelik kalau kelmarin mereka ini PATI, esok lusa mereka ini menjadi 'bupati'. Malah ada di antara mereka sudah cekap untuk bertindak liar umpama mafia seperti mana di Cameron Highlands, di Pasar Borong Selayang ataupun di Chow Kit. Malah, setiap tapak perniagaan sama ada di pasar malam, pasar tani, pasar basah, pasar kering kebanyakan dikawal oleh pendatang asing ini.

Hampir enam juta PATI yang berada di Malaysia. Jumlah ini mungkin bertambah dari semasa ke semasa. Senario ini ditambah pula dengan lambakan mereka yang memegang kad UNHCR. Tambahan lagi mereka yang ditaja masuk sebagai pekerja separuh profesional. Tambahan lagi kaum keluarga profesional, tambah lagi mereka yang menjadi pelajar institusi pengajian tinggi dan sebagainya. Bertambah lagi mereka ini lelaki dan perempuan, jika akan bercampur gaul, beranak pinak yang digelar *offspring*.

Mereka boleh diumpamakan seumpama ikan kap dari Asia yang terlepas di Sungai Amazon, Amerika, yang membiak hebat menukarkan ekologi sungai-sungai di Amerika selama-lamanya. Memakan segala anak kecil dan merosakkan flora dan fauna semula jadi yang wujud di sana. Mereka inilah yang memenuhi jalan-jalan raya kita, memenuhi hospital-hospital kita, memenuhi ruang-ruang premis perniagaan dan mereka ini jugalah yang memenuhi penjara kita.

Saya ingin membawa Dewan ini untuk merenung sekejap yang mana peluang tapak perniagaan juga telah diambil oleh mereka. Hilanglah peluang warganegara ini untuk mencari rezeki.

Lagi menyedihkan, ada di antara orang Malaysia kini telah menjadi pekerja mereka. Ada yang telah menjadi tukang basuh pinggan di restoran-restoran mereka dan ada yang menjadi pengawal keselamatan dan yang menjadi pemandu mereka. Lebih menyedihkan lagi, anak-anak warganegara sanggup menjadi isteri kepada pendatang-pendatang ini kerana tarikan kemewahan dan juga kesenangan.

Kalau kita lihat balik, mereka ini merupakan penjajah kepada ekonomi Malaysia yang mana kita lihat pada tahun 1998, tanpa kita sedari, kita telah dijajah oleh warga asing ini. Bukan melalui terang-terang tetapi ditakluki melalui alam maya iaitu mata wang kita mula merosot oleh George Soros. Pada tahun 2014, berikutan masalah itu, kini kita masih lagi menjadi tumpuan jajahan tersebut, malah lebih agresif iaitu jajahan ekonomi melalui fizikal. Apa yang paling menyedihkan ini ialah anak-anak bangsa Malaysia seperti Melayu, Cina dan India masih tidak menjiwai, merasa dan tidak ambil peduli walaupun jajahan tersebut terang-terang di hadapan mereka.

Sepuluh tahun yang lepas, pendatang asing dari Indonesia memonopoli kawasan Kampung Baru dan Chow Kit yang pada asalnya ia dimonopoli oleh orang-orang Melayu. Adakah bangsa Melayu mengambil tindakan? Tiga tahun yang lepas, Petaling Street yang sering menjadi tumpuan orang ramai dan kaya dengan barangan pelbagai jenis dan mempunyai pelanggan yang sangat ramai dimonopoli oleh warga asing seperti Bangladesh. Petaling Street yang pada asalnya dimonopoli oleh bangsa Cina dan India. Adakah mereka mengambil tindakan? Dua tahun yang lepas, Plaza Low Yat yang termasyhur dan menjadi tumpuan orang awam dengan menjual barangan elektrik dan elektronik seperti komputer dan sebagainya, dikuasai juga oleh Bangladesh yang pada asalnya satu kawasan ekonomi bagi bangsa Cina. Adakah bangsa Cina juga mengambil tindakan?

Persoalannya sekarang adalah adakah anak bangsa negara ini akan terus melihat antara satu sama lain kepada pembangunan pendatang asing ini? Di mana hilangnya pentadbiran ekonomi bangsa negara ini? Siapakah yang patut dipersalahkan? Di manakah silapnya? Apakah yang akan terjadi kepada anak bangsa generasi yang akan datang? Adakah mereka akan terus kekal di bawah pentadbiran warga asing? Adakah masih tidak ada hak anak-anak bangsa padahal di bumi sendiri? Apakah kehebatan semua bangsa asing ini? Apakah mereka mempunyai ilmu pelajaran yang bertaraf sarjana muda, ijazah mahupun Ph.D ataupun mereka hanya mempunyai kemahuan yang begitu tinggi?

Kerajaan telah banyak membantu rakyat dengan menyalurkan pelbagai jenis pertolongan seperti kewangan untuk mereka yang ingin meniaga, akan tetapi di manakah hasilnya? Haruskah kita memikirkan sistem pembelajaran yang lebih berkesan untuk anak muda mencapai kekayaan dalam ekonomi di samping mengambil kembali hak mereka pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, program 6P yang membolehkan PATI bekerja sebagai buruh halal akan berakhir hujung tahun ini. Sudah tiga tahun berlalu dan tiba masanya kita memikirkan apakah langkah selanjutnya. Saya pasti, bukan semua akan pulang ke negara asing ataupun negara masing-masing. Mungkin segelintir akan balik dan akan kekal untuk tinggal secara haram di sini.

Soalan saya kepada Kementerian Dalam Negeri, perlukah satu pusingan pemutihan lagi? Perlukah satu langkah lemah lembut dilaksanakan lagi?

Kementerian Sumber Manusia telah diamanahkan untuk mempergiatkan perancangan dan penghasilan tenaga kerja manusia bagi tahun hadapan. Dengan peruntukan RM1.4 bilion, dijangkakan lebih ramai lagi tenaga kerja mahir dan separuh mahir akan dikeluarkan. Dipohonkan juga akan dipertimbangkan lebih banyak penglibatan wanita dalam pelbagai sektor. Lebih ramai lagi wanita diberi peluang untuk mengikuti latihan kemahiran anjuran kementerian.

Soalan saya, adakah Kementerian Sumber Manusia memperuntukkan sejumlah tempat bagi kaum wanita mengikuti latihan kemahiran dan mensyaratkan industri-industri di Malaysia untuk memperbanyakkan lagi bilangan pekerja wanita khususnya di peringkat pertengahan dan di peringkat membuat dasar? Ini adalah amat penting kerana lebih ramai wanita daripada lelaki yang memasuki universiti. Maka lebih ramai lagilah wanita untuk mengetuai industri. Bukan sahaja kerana mereka berkelayakan, malah kerana mereka juga haruslah diasah kebolehan mereka dengan memberi peluang mengisi jawatan-jawatan penting dalam perusahaan.

Ini juga selaras dengan strategi kelima Bajet 2015 iaitu memartabatkan wanita. Strategi ini amat dialu-alukan lebih-lebih lagi dirancang bahawa latihan kepada 125 orang untuk menjadi ahli lembaga pengarah syarikat, galakan kepada suri rumah untuk kembali bekerja, yang ketiga, lebih banyak pusat jagaan kanak-kanak di premis swasta dan yang keempat, peluang keusahawanan kepada ibu-ibu tunggal.

Soalan saya kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, siapakah mereka yang akan diangkat sebagai ahli lembaga pengarah ini? Apakah kriteria mereka ini untuk diambil sebagai pengarah dan bilakah program ini akan bermula dan siapakah yang akan memantaunya?

Galakan suri rumah kembali bekerja ini juga amat-amatlah dialu-alukan lebih-lebih lagi di kawasan luar bandar di mana harga getah dan harga kelapa sawit jatuh merudum. Pendapatan yang sedia ada amat kecil dan tidak mampu menanggung keluarga yang besar. Pekerjaan kedua amatlah diperlukan sebagai sumber rezeki.

Apakah langkah-langkah yang dirancang untuk galakan ini? Apakah bentuk pekerjaannya? Golongan suri rumah manakah yang akan menjadi fokus bagi program ini dan sebagainya?

Kes deraan dan serangan seksual kepada kaum wanita semakin menjadi-jadi. Baru-baru ini di Kelantan, serangan seksual berakhir dengan tindakan mencederakan mangsa. Peruntukan RM4.9 bilion di sektor keselamatan juga diharapkan dapat untuk membanteras aktiviti kekejaman ke atas kaum wanita sambil mempertahankan maruah mereka.

■1830

Lebih banyak lagi tenaga penguat kuasa diperlukan untuk membanteras aktiviti perdagangan seks, perdagangan manusia dan penderaan ke atas wanita dan kanak-kanak. Sudah jatuh ditimpa tangga, sudah janda mohon bantuan rumah, imbuhan seks pula yang diminta. Inilah tragedi di negeri

Kedah baru-baru ini, kakitangan kerajaan mengambil kesempatan untuk memperlakukan sumbang ke atas mereka yang lemah memohon bantuan, sungguh hina perkara ini Tuan Yang di-Pertua.

Diskriminasi seks ini haruslah dilihat sebagai satu perkara yang perlu diperangi habis-habisan. Walaupun Malaysia menandatangani perjanjian memerangi diskriminasi wanita anjuran Bangsa-bangsa Bersatu iaitu CEDAW, namun sesungguhnya kita khasnya mewujudkan syarat-syarat yang lebih berat sebelah amatlah menyedihkan.

Saya menarik perhatian Dewan berkenaan kes Puan Noorfadilla Ahmad Saikin pada bulan November yang lepas, yang mana beliau merupakan seorang guru sandaran di sebuah sekolah dan diarah berhenti kerana dikatakan mengandungi semasa bertugas. Beliau telah menang kes di Mahkamah Shah Alam dan kerajaan diarah membayar pampasan kepada beliau sebanyak RM300,000. Hakim telah mengatakan bahawa ia satu pelanggaran Artikel 8(2), Perlembagaan Negara yang melarang diskriminasi gender.

Apakah langkah-langkah kerajaan selepas keputusan mahkamah ini memandangkan banyak lagi di luar yang menghadapi pelbagai masalah diskriminasi gender yang diamalkan selama ini? Mohon Kementerian Pendidikan dan juga Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dapat memberi respons. Sekian, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Roslin. Sekarang saya silakan Yang Berhormat Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad. Orang Perlis, silakan.

6.32 ptg.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua memberi masa, peluang kepada saya hari ini kerana bersama-sama kita berbahas dalam Rang Undang-undang Bajet 2015.

Sebelum saya meneruskan perbahasan ini, saya ambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Ahli-ahli Dewan Negara yang baru dilantik dan yang baru disambung semula. Tidak lupa saya ingin mengucapkan tahniah kepada Encik Riduan bin Rahmat yang telah menjadi Setiausaha Dewan Negara yang baru dan tidak lupa juga kepada Setiausaha yang lama Datuk Zamani dan juga PA beliau- Puan Mashitah yang telah memberi perkhidmatan yang baik selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang membentangkan bajet yang produktif dan mesra kepada semua pihak, tidak kira sama ada di peringkat kerajaan, kepada pihak swasta, malah semua masyarakat bawahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memulakan perbahasan saya dalam masa yang singkat ini dengan terus menyentuh isu-isu mengenai PR1MA. Skim ini amat bermanfaat terutama kepada mereka yang masih belum mempunyai rumah dan bagi mereka yang berpendapatan rendah seperti purata antara RM250 hingga RM2,000 sebulan. Pembinaan rumah PR1MA ini meliputi seluruh

Malaysia dan berbahagi kepada beberapa tempat iaitu wilayah tengah, selatan, utara, timur hingga ke Sabah dan Sarawak.

Saya ingin ketengahkan sebagai satu projek mega, maka saya ingin ajukan beberapa soalan. Pertama, bagaimanakah PR1MA ini memilih kontraktor-kontraktor? Kedua, berapakah anggaran kos seperti mana yang ditanya oleh Datuk Mohd Suhami tadi, berapakah kos sebuah rumah? Adakah sebuah negeri ke sebuah negeri berbeza? Ketiga, adakah reka bentuk rumah itu adakah berlainan ataupun saiznya sama, reka bentuk bumbung dan sebagainya adakah berlainan ataupun sama satu negeri ke satu negeri?

Tuan Yang di-Pertua, saya baca apa yang saya ingat. Kementerian Pendidikan telah membuat operasi setahun empat kali seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Jadi saya rasa setahun empat kali itu kurang cukup dan kalau boleh buat operasi kenalah bersepadu, berkala supaya kita dapat tahu sama ada peminta sedekah itu di kalangan orang Malaysia ataupun di kalangan orang luar.

Akan tetapi apa yang kita dapat tahu, banyak daripada orang luar. Orang Indonesia, tidak perlu sebutlah, banyak orang luar. Kalau boleh, kita buat satu tempat kepada orang yang minta sedekah ini terutama kepada orang-orang yang kelam, orang yang tidak nampak, dia selalunya mengganggu kepada para pelancong yang datang ke Malaysia. Bukan di Kuala Lumpur sahaja, di luar Kuala Lumpur banyak sangat. Jadi berharap Jabatan Kebajikan tolong perkara ini yang serius sebab ini ialah satu imej kepada negara kita.

Kita akan tengok di tempat-tempat yang lain contohnya di Laos. Di Laos pagi-pagi, Tok Sami dia akan jalan. Pukul 6 pagi atau 6.30 pagi akan jalan ke semua kedai dan pekedai-pekedai itu akan keluar sayur, ikan, daging dan sebagainya. Tengah hari makan sekali. Itu di negara yang bukan negara Islam boleh berbuat sedemikian, himpun setempat. Kenapakah kita negara Islam tidak boleh buat macam itu? Kita himpun sekali, jadi bermakna tempat-tempat yang mana negeri yang banyak orang-orang bukan Islam, kita buat bukan cara bukan Islam. Tempat-tempat yang orang Islam banyak minta sedekah ini, kita satukan.

Tuan Yang di-Pertua, minggu lepas saya berbaris bersama-sama gelandangan di Jalan Tuanku Abdul Rahman. Saya pakai *T-shirt* buruk, pakai selipar saya duduk di situ. Sampai giliran saya sampai kelapan atau kesembilan saya keluar, saya takut orang kenal saya, saya pun malu juga. Jadi makna saya tengok apakah makanan, tetapi semasa saya duduk itu lebih kurang setengah jam, saya tengok di belakang ada naik motor, duduk belakang. Dia datang dengan anak, dengan perempuan dia baris sama ambil, naik motor balik. Ini sepatutnya NGO-NGO yang telah memberi khidmat bakti itu, tolong tengok sama. Ini adalah kesempatan yang tidak baiklah. Kita niat baik, tetapi orang ambil kesempatan ini.

Ketiga, bab MARA. MARA ini saya tidak mahu ulas banyak MARA. Kalau saya ulas bab MARA, saya hendak tanya MARA bagaimanakah projek MRSM di Perlis yang sekian lama. Saya tidak sebut berapa lama tahun saya malu, berapa lama. Berapa kalilah *retender*, kenapa tidak siap lagi dan apakah kelemahan? Jadi di luar di Perlis, rungutan macam-macam. MARA ini projek pilih kasih para

kontraktor, macam-macam kita dengar. Jadi kita hendak MARA tolong cepatkan MRSM, ini rugi sebab banyak pelajar yang hendak masuk tetapi MRSM belum siap lagi.

Lagi satu Jabatan Perpaduan Negara. Jabatan Perpaduan ketika dahulu dia ada kementerian, Kementerian Kebajikan dan Perpaduan Negara di satu ketika, tetapi sekarang sudah pindah di bawah JPM. Di perpaduan semua orang cakap perpaduan, Datuk Khir cakap perpaduan, Menteri-Menteri pun cakap perpaduan tetapi cakap sahaja, peruntukan kurang. Perpaduan, dia sudah menjadi kawasan Rukun Tetangga yang beribu-ribu di Malaysia, saya pun tidak ingat *figure*nya. Kemudian itu perpaduan pula dia ada lagi KRM, Kelab Rukun Tetangga di sekolah-sekolah.

Di Kelab Rukun Tetangga ini, di sekolah-sekolah sudah tubuh sekian lama tetapi peruntukan tidak bagi. Bila tidak bagi peruntukan, macam mana sekolah-sekolah ini, para pelajar ini hendak buat aktiviti. Para pelajar di sekolah-sekolah adalah satu duta, duta perpaduan di peringkat semua negeri di seluruh bangsa. Tidak perlu saya cakap dalam Dewan ini bangsa-bangsa lain tetapi dalam Kelab Perpaduan dia ada berbagai-bagai kaum. Jadi di situlah duta-duta kita pupuk daripada awal lagi supaya mereka ini memahami sejarah-sejarah silam dan kita tekankan kem-kem perpaduan yang bersama-sama berbilang kaum. Ini adalah memupuk satu semangat perpaduan di kalangan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapat SMS tidak berhenti sebab apa, saya tidak macam Datuk Suhaimi, orang SMS dia masuk dalam *laptop* ini, saya hendak dalam *handset* dia jadi kecil.

■1840

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cakaplah.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Cakaplah. Harga getah.

Tuan Yang di-Pertua: Masa ada ini Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Harga getah ada tadi Yang Berhormat Lim cakap tadi penoreh getah, yang *last* Tuan Yang di-Pertua. Yang *last*.

Tuan Yang di-Pertua: [*Ketawa*] Yang Berhormat, hentamlah. Kita faham.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Harga getah menurun, RM1 lebih, yang untung siapa? Siapa untung?

Beberapa Ahli: Tauke getah.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Tauke getah, orang tengah untung. Satu ketika dahulu getah naik sampai RM7 lebih, semua seronok. Penoreh getah seronok, tuan tanah seronok. Yang teruknya Tuan Yang di-Pertua penoreh getah. Penoreh getah ini dia bukan hak dia getah itu, ladang. Dia hanya diupah. Hujan tiga hari Tuan Yang di-Pertua, tidak ada. Tidak boleh kerja, tidak ada getah. Sekerat itu sekilo 7 kupang. Boleh sehari berapa kilo? Dia hendak jaga anak sekolah dan sebagainya. Jadi pihak kementerian, tolong tengok-tengok samalah harga getah bagi stabil.

Dahulu masa getah naik, dia tidak jaga Tuan Yang di-Pertua. Janganlah bagi sampai RM7 bagilah RM3.50 RM4 jadi *maintain* sekarang ini. Jadi difahamkan getah ini adalah yang berkualiti di dunia. Saya tanya rujuk dengan pakar saya. Dia kata yang berkualiti, kalau tidak berkualiti tidak boleh buat kondom. Ya, bukan saya kata. Saya tanya pakar dahulu baru saya cakap. Tuan Yang di-Pertua pun faham, ada betul juga perkara ini

Seorang Ahli: Tuan Yang di-Pertua tidak pakai.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Tidak pakai. Saya pun daripada ini- daripada RELA. RELA ini orang kampung sahaja. Dia bagi tahu kepada saya, dia kata bab RELA. RELA ini satu ketika dahulu dia kata hebat tetapi hari ini kenapa RELA tidak diperkasakan. RELA hanya digunakan untuk majlis-majlis kenduri, majlis-majlis di dalam dewan jaga *parking* dan sebagainya. Berterima kasih juga kalau pergi kerja rumah kenduri ataupun dewan bagi sekali RM30. Jadi bukan selalu ada.

Cuma dia minta kita memperkasakan RELA ini supaya depa ada elaun khas tetap di setiap negeri. Kerana RELA ini adalah satu kerja yang berbentuk keselamatan. Jadi kalau kerajaan tolong perhatikan RELA dan perbanyakkan kursus-kursus. Ambillah RELA yang berumur orang-orang muda. Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid ada umum di Dewan ini semasa Dewan Rakyat. Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid kata, setiap Parlimen kena bantu RELA. Satu Parlimen RM50,000. Ini RELA kata, bukan saya kata.

Tuan Yang di-Pertua, masalah daun ketum. Masalah daun ketum, dengar kata hendak kuat kuasa undang-undang. Jadi hari ini sudah akhir tahun sudah kita berharap dalam tahun hadapan Dewan Rakyat bersidang, saya berharap undang-undang daun ketum ini kena dikuatkuasakan sebab kita banding dengan negara-negara jiran kita Thailand.

Thailand tidak boleh masuk daun ketum di Siam bukan masuk pokok pun ditanam. Kalau dapat ditangkap satu helai RM50. Kalau satu beg dia bawa macam mana? Kenapa kita di sini sewenang-wenangnya boleh. Kita takut, kita bimbang dengan persatuan-persatuan perubatan tradisional. Perubatan tradisional dia buat satu permit, satu kawasan ini adalah untuk perubatan tradisional. Buat satu kawasan larangan. Hari ini ekonomi untuk jual daun ketum adalah lumayan.

Kalau kita tengok belah Kedah, Perlis dahulu orang susah. Sekarang rumah elok sudah dengan kereta besar semua ada *Vellfire* pakai lagi. Kalau tidak percaya jom saya tunjuk. Macam mana produk jual daun ketum ini. Jadi kita berharap kerajaan mempercepatkan meluluskan Rang Undang-undang Daun Ketum ini dalam denda berbayar.

Tuan Yang di-Pertua, masalah limpahan buah-buahan. Limpahan buah-buahan ini musim buah durian banyak, manggis banyak, dokong banyak, rambutan banyak. Sampai sekarang kita tengok di Bukit Gantang buang begitu sahaja ikut belakang. Kenapakah kerajaan tidak mengambil satu kaedah buat enzim kah, boleh memanfaatkan balik kepada penanam-penanam. Kalau buah durian hanya buat tempoyak dengan macam dodol lempuk itu sahaja. Cuma kita pelbagaikan durian ini boleh buat apa lagi enzim sekarang senang tetapi enzim ini bukan semua orang tahu. Jadi cuba pihak MARDI kah FAMA kah buat satu kursus, buat taklimat kepada penanam-penanam ini buat *enzyme*. *Enzyme* ini banyak kegunaan dia. Yang Berhormat semua tahu apa penggunaan *enzyme* ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ini Ketua Pengarah atau Pengerusi FAMA kawan hang, hang pergi cakap kat dia.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Dia pergi Perancis sekarang ini. Dia pergi malam kelmarin. *[Ketawa]* Dia pergi Perancis ini Yang Berhormat Datuk Ropiaah siapa dia. Dia pergi Perancis malam kelmarin. Ini hendak seloka ayam bincang dia hendak bawa beberapa orang pergi melawat ke sana.

Tak mengapa kita akan jumpa dengan Tan Sri Badruddin supaya dia kawan sahabat Dato' supaya boleh memikirkan keadaan buah-buahan apa yang boleh guna.

Tuan Yang di-Pertua: Harum Manis macam mana Yang Berhormat?

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Harum Manis seperti mana kata Yang Berhormat tadi kita buat jus. Dia punya jus itu bawa ke MAS.

Tuan Yang di-Pertua: Panjangkan lagi ke Yang Berhormat?

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: *Insyallah* Tuan Yang di-Pertua, hujung bulan April, *insyallah*. [Ketawa]

Seorang Ahli: Sebulan bercakap.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Jadi kita kalau lambakan nampak pembaziran itu adalah satu ajaran syaitan. Jadi saya tukar dengan lambakan buah-buahan itu. Lama juga ini.

Tuan Yang di-Pertua, perpaduan ini. Setiap negeri ada sebuah kereta. Negeri yang besar ada dua kereta. Kereta ini umur dia sudah lebih 15 tahun. Selalu rosak-rosak macam kerajaan pakai Proton. Dia punya *maintenance* tinggi. Jadi kalau boleh pihak Jabatan Perpaduan Jabatan Perdana Menteri memikirkan tukarlah sebuah kenderaan Perpaduan. Yang Berhormat Dr. Lee Boon panel Perpaduan, tetapi dia tidak cakap.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah sedikit? Sedikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Sedikit hendak mencelah? Banyak pun boleh. Silakan.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kalau sebut pasal PKS saya tahu Yang Berhormat Tuan Mohd. Khalid, di Perlis ada produk Harum Manis, di Kedah ada produk Tobiar Gold buah pelam nama Tobiar Gold di Pendang. Jadi Harum Manis ini hanya ada di Perlis dan untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat sekalian, produk ini adalah yang terbaik dan sangat sedap. Jadi saya hendak minta Yang Berhormat Tuan Mohd. Khalid mungkin selepas ini boleh bawa mai jus Harum Manis kepada semua Yang Berhormat, terima kasih.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Kalau untuk semua saya tidak mampu. Sebab saya bukan ada kepentingan apa cuma saya dapat elaun Dewan Negara sahaja. Kalau Yang Berhormat hendak pergi saya boleh bagi, boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Okey Yang Berhormat.

Dato' Khairudin bin Samad: Yang Berhormat, saya minta laluan sedikit boleh Yang Berhormat. Yang Berhormat saya tengok Tuan Yang di-Pertua saya ada tertinggal waktu perbincangan saya. Oleh kerana Yang Berhormat sudah habis modal, habis modal Yang Berhormat? Saya hendak bagi kepada Yang Berhormat, Yang Berhormat tolong masukkan dalam Yang Berhormat punya ucapan. Saya tengok satu perkara serius yang sedang berlaku di dalam negara kita ini.

Masalah anugerah Datuk ini. Kalau boleh Yang Berhormat ambillah, saya bagi pada Yang Berhormat isu ini. Cuma saya hendak sampaikan Tuan Yang di-Pertua sebab hari itu saya tidak cukup masa. Paling serius sekali sebab sekarang ini Datuk ini dijual merata-rata di dalam negara kita. Yang

menjadi masalah Datuk dari Medan ada, Datuk dari Sulu ada, Mindanao ada, dari Jogja ada. Dalam negara kita, di Melaka ada dua 'Sultan' boleh bagi.

■1850

Di Kelantan, ada puteri bagi. Yang ini semua didagangkan dengan harga ada yang RM150 ribu, yang Mindanao punya RM10 ribu ambil di istana tapi istana hotel. Dia bubuh selempang semua, dia bagi sijil. Yang menjadi masalah, saya sendiri dapat tangkap benda ini. Apabila saya melihat lesen kereta...

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Yang Berhormat, saya nak tanya Yang Berhormat, 'Dato' Yang Berhormat ini daripada mana?

Dato' Khairudin bin Samad: Ya?

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Gelaran 'Dato' ini dapat daripada mana?

Dato' Khairudin bin Samad: Apa?

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Dato' ini, dapat gelaran Dato' daripada mana?

Dato' Khairudin bin Samad: Saya punya yang diiktiraf oleh Sultan dan Raja-Raja Melayu Malaya. Tuan Yang di-Pertua, yang seriusnya ialah dia ini masukkan di dalam lesen kereta dia. Jadi, saya bertanya macam mana dia boleh buat benda itu. Rupanya Tuan Yang di-Pertua, dia pergi ke Pejabat Pendaftaran Negara, dia daftarkan 'Datukship' dia di situ. Jadi, dia dapat satu kad. Dia guna kad itu dia pergi kepada JPJ Wilayah Persekutuan, dia masukkan nama dia Datuk itu di dalam lesen dia. Mengikut KDN, ini KDN kena ambil perhatian. 'Datukship' ini kalau kita pergi ke JPN, dia akan masukkan asalkan kita bawa sijil. Bukan itu sahaja, dalam pasport pun boleh. Dalam pasport antarabangsa tetapi dia bubuh di muka surat yang lain mengatakan *the carrier of this passport is also known as* Datuk 'sekian, sekian, sekian'.

Saya rasa KDN kena ambil perhatian kerana semua ini adalah di bawah jabatan-jabatan yang di bawah Kementerian Dalam Negeri melainkan 'Datukship' itu, itu saya rasa JPN kena lihat. Hanya iktiraf Datuk-datuk yang diberikan oleh Sultan dan Raja-raja Melayu Malaya, cukup. Sekian, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat, bagi isu dekat Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Tak apa. Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang Kementerian Pelancongan. Seterusnya saya ingin menyentuh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Saya difahamkan bahawa kementerian ini sekarang sedang giat menjalankan aktiviti Tahun Melawat Malaysia. Tujuannya ialah untuk menarik pelancong-pelancong dari luar negara.

Saya di sini bukan hendak menjurus kepada aktiviti promosi di luar negara tetapi lebih kepada promosi di dalam negara. Rakyat kita juga menyumbang kepada sektor pelancongan negara. Ramai antara kita menikmati promosi harga yang hebat oleh pemain-pemain industri pelancongan. Saya rasa ramai rakyat kita yang ingin menginap di hotel-hotel mewah dan juga membeli pakej-pakej pelancongan dalam negara yang menawarkan harga yang berpatutan dan agak murah tetapi malangnya sekali kementerian ini yang bakal menerima dana RM1 bilion hanya fokus kepada promosi luar negara dan tidak menumpukan kepada promosi dalam negara.

Sekiranya saya masih ingat, tiap tahun pasti ada dianjurkan pesta pakej pelancongan domestik atau *domestic fair*, dengan izin, ianya biasanya dianjurkan pada awal tahun dan akhir tahun. Sebagai contoh, kali terakhir saya melawat *domestic fair* ini ialah di Bukit Jalil satu ketika dahulu tetapi malangnya saya lihat tiada lagi *domestic fair* dianjurkan oleh pihak kementerian semenjak beberapa tahun ini. Malah dalam kalendar aktiviti pelancongan di laman sesawang kementerian pun tiada tertera bila akan diadakan *domestic fair* ini. Tuan Yang di-Pertua, bolehkah kementerian bagi harga istimewa kepada pelancong-pelancong dalam negeri, kepada pelancong tempatan untuk melawat ke mana-mana contohnya kita ambil di Zoo Negara.

Kita nak masuk Zoo Negara dah kena dah berapa puluh ringgit. Dalam Zoo Negara, nak masuk tengok panda pun kena lagi. Jadi bermakna *double* kita kena bayar untuk melawat ke taman-taman di Malaysia. Kita berharap supaya kementerian ini mempertimbangkanlah kepada pelancong-pelancong dalam negeri. Tuan Yang di-Pertua, kenapa perkara yang tersebut tidak dianjurkan lagi pada tahun ini dan seterusnya bilakah kementerian bercadang untuk menganjurkan semula pesta pelancongan *domestic fair* di Malaysia ini. Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau tak ada apa lagi cukuplah itu.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) seperti mana kawan-kawan lain. Kalau saya tak cakap ini, bermakna saya tak sokong. Jadi ini bermakna saya menyokong Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) yang telah dibahaskan beberapa hari yang lalu. Jadi dengan ini, saya menyokong bajet ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekianlah akhirnya pembahas yang terakhir. Sungguhpun ada salah seorang yang memberi maklum saya yakni Yang Berhormat Tuan Zali bin Mat Yasin tetapi nampaknya dia terus tak datang ke Dewan maka saya ingin menyarankan khususnya kepada Ahli Yang Berhormat yang baru, elok beri tumpuan sepenuh masa dalam persidangan-persidangan Dewan seperti ini kerana Yang Berhormat baru sahaja dilantik dan tunjukkan komitmen Yang Berhormat. Saya harap semua Ahli Yang Berhormat yang baru-baru ini cuba ikuti persidangan dengan penuh minat kerana masa yang akan datang, Yang Berhormat dah faham, itu satu.

Yang kedua, saya ingin menyarankan kepada semua kementerian dalam kerajaan kita tentukan semua perkara yang dibahaskan oleh Ahli-ahli Dewan diberi jawapan yang sewajarnya. Saya tidak mahu, ada rasanya saya memerhatikan bahawa waktu ini contohnya mungkin tak ramai ada, di luar pun tak tahulah tetapi saya harap adalah. Akan tetapi Yang Berhormat semua ambil catatan, apa Yang Berhormat bahaskan itu mohon dijawab. Kalau sekiranya tidak dijawab, Yang Berhormat bangun menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua kerana perkara ini penting. Kalau sekiranya kita berbahas lepas itu tidak ada jawapan dan untuk makluman semua, kementerian mulai hari Isnin akan datang selama dua hari diperuntukkan untuk memberi jawapan.

Saya berharap dengan segala hormatnya pak-pak Menteri datanglah untuk menjawab, setidak-tidak tunjukkan muka. Janganlah serah kepada timbalan-timbalan sahaja dan saya fikir

anggaplah persidangan Dewan yang mulia satu tanggungjawab yang penting kepada kita semua dan seterusnya, saya memerhatikan ya. Ahli-ahli Yang Berhormat ada juga yang cuba nak ponteng-ponteng, menghilangkan diri tanpa beritahu saya. Saya ambil catatan bahawa Yang Berhormat agaknya- *I am serious about this*, bahawa kita nak memperkasakan Dewan.

Saya berasa amat bersyukur dan berasa puas hati apabila mendengar setengah-setengahnya ada Ahli Yang Berhormat berhujah, berbahas dengan baik sekali. Inilah yang kita harapkan untuk mempertingkatkan atau memperkasakan Dewan yang mulia ini. Kalau Yang Berhormat semua tak hadir, bila dah bercakap hilangkan diri, lepas itu esok apa jawapan kawan-kawan itu Yang Berhormat tak dengar.

Jadi mana nak dapat manfaatnya? Persidangan ini adalah perbahasan yang secara profesional bukan secara personal, bukan secara emosi dan sebagainya. Ini saya sangat-sangat berharap dan saya juga berharap kepada kementerian-kementerian, saya harap semua kementerian dan Menteri bersedia dan tentukan jawapan yang betul-betul membina. Jangan ambil sambil lewa sahaja.

Dengan itu saya ingin menarik perhatian juga kepada semua Ahli Yang Berhormat, malam ini saya ingatkan kita ada satu rombongan khas lawatan daripada *Honorable Chen Xiaoguang* iaitu *Vice-Chairman* daripada *Consultative CPPCC* dari *Republic of China* dan kita semua sedia maklum bahawa lawatan mereka ini adalah secara rasmi dan semuanya akan diadakan di dewan bankuet malam ini.

Saya dengan penuh hormatnya mempersilakan. Ini mendapat kebenaran dan direstui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan saya harap Yang Berhormat dapat bersama-sama sebagai tetamu ataupun sebagai *host* kepada delegasi yang datang dari Negara China. Jangan lupa bahawa perhubungan kita dengan negara China cukup baik dan pelaburan berbilion ringgit telah ditumpahkan.

Apabila saya berjumpa dengan pemimpinnya pada sesi 2.30 petang tadi, beliau telah menyatakan negara Malaysialah satu-satunya di Asian ini yang mana Republik China melabur bilion-bilion ringgit kepada negara kita. Jadi, saya harap sama-sama kita memberi penghormatan dan boleh agaknya Yang Berhormat semua selepas ini kalau boleh nak solat, solat dahulu dan selepas itu kita hadir di Dewan. Semua sekalilah, semua sekali dan saya harap dapatlah hadir. Sekian, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan kita tangguhkan persidangan kita sehingga hari Isnin yang akan datang pada jam 10 pagi.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 7 malam.]